



MEMAHAMI ISLAM  
MEMBINA PERADABAN



LAPORAN TAHUNAN  
**2023**

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

PENYELIDIKAN • PENERBITAN • PROGRAM • MEDIA



LAPORAN TAHUNAN  
**2023**

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

# KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi	5
Laporan Eksekutif	7
Maklumat Korporat	11
Mesyuarat Agung Tahunan IKIM ke-31	24
Mesyuarat Lembaga Pengarah	33
Rumusan Pencapaian Pelan Strategik 2021-2023	37
<b>Bab 1</b> Penyelidikan	42
<b>Bab 2</b> Program Akademik dan Latihan	46
<b>Bab 3</b> Aktiviti Pusat Media IKIM	60
<b>Bab 4</b> Penerbitan IKIM	84
<b>Bab 5</b> Perpustakaan Tun Ahmad Sarji (PTAS)	94
<b>Bab 6</b> Kunjungan Hormat	98
<b>Bab 7</b> Anugerah dan Pengiktirafan	110
<b>Bab 8</b> Maklumat Organisasi	112
<b>Bab 9</b> Perundingan IKIM	126
<b>Bab 10</b> Kalendar Peristiwa IKIM	132
<b>Bab 11</b> Laporan Kewangan	142



# BELANGSUNGKAWA

## PROF EMERITUS TAN SRI DR. MOHD KAMAL HASSAN



**Profesor Ulung Tan Sri Dr. Mohd. Kamal b. Hassan**, seorang tokoh pemikir negara yang telah menabur bakti sebagai Pengurus IKIM bermula pada 24 Februari 2022 sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir pada 23 Februari 2023.

Sebagai seorang tokoh akademik, kecemerlangan Allahyarham terserlah ketika beliau di universiti lagi. Setelah menamatkan pengajian dengan Ijazah **Sarjana Muda Pengajian Islam (Kepujian)** **Kelas Pertama** dari Universiti Malaya pada tahun 1965, beliau melanjutkan pengajian dalam bidang **Sarjana Sastera** di Columbia University, New York pada tahun 1970. Setelah tamat, Allahyarham kemudian menyambung lagi pengajian dalam bidang **Sarjana Falsafah** di universiti yang sama dan tamat pada tahun 1972. Seterusnya beliau menyambung pengajian ke peringkat **Doktor Falsafah** dan selesai pengajian pada tahun 1975. Ini adalah permulaan awal perjalanan Allahyarham yang menggambarkan usaha dan kesungguhan

beliau untuk terus menuntut ilmu dalam bidang pendidikan.

Sumbangan Allahyarham bukan sahaja kepada IKIM tetapi juga sebagai satu penghormatan atas jasa beliau dalam dunia pendidikan, khususnya pendidikan Islam.

1. Allahyarham merupakan pengasas Kulliyyah (Fakulti) Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1990.
2. Beliau juga telah berkhidmat sebagai Rektor ketiga di UIAM selama tujuh tahun, iaitu pada tahun 1999 hingga 2006.
3. Allahyarham pernah dilantik dan menyumbang kepakaran dalam pelbagai peringkat jawatan dan organisasi termasuk Majlis Ulama, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Majlis Perundingan Islam (MPI), dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

4. Beliau merupakan Pengerusi kepada Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) pada tahun 2021-2022.
5. Di IKIM, Allahyarham pernah menyumbang jasa sebagai **Ahli Lembaga Pengarah pada awal penubuhan IKIM, iaitu pada tahun 1992 hingga tahun 2000**. Bagai sirih pulang ke gagang, Allahyarham mengakhiri hayat beliau ketika masih memegang jawatan sebagai Pengerusi IKIM pada bulan Februari yang lalu.
6. Sebagai tokoh akademik, Allahyarham telah melahirkan lebih 20 orang pelajar di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Beliau juga telah menerbitkan dan membentangkan **ratusan karya akademik** dalam bentuk buku, monografi, artikel jurnal, akhbar dan majalah, serta kertas kerja di dalam dan luar negara.
7. Maka Allahyarham selayaknya dikurniakan **Anugerah Profesor Ulung** pada tahun 2010 dan '**Tokoh Akademik Negara**' pada tahun 2018 atas jasa dan kecemerlangan beliau dalam mewarnai dunia pendidikan negara.

Khidmat bakti Allahyarham sehingga ke akhir hayat amat disanjung tinggi oleh seluruh warga IKIM dan pemergian beliau ibarat kehilangan sebutir permata negara, bukan sahaja untuk IKIM sebagai institusi pemikir Islam, malahan untuk negara dan dunia Islam.

Perpisahan dengan Allahyarham bukanlah satu pengakhiran buat kita semua. Semoga kita akan terus membawa roh perjuangan beliau supaya khidmat bakti yang ditabur terus berkembang dan mewangi di IKIM dan tidak dipersia-siakan oleh kita semua.

# PERUTUSAN **PENGERUSI**

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah SWT atas limpahan, inayah dan dan kurniaan kasih sayangNya kepada kita sehingga ke hari ini dapat kita meneruskan kehidupan dan melaksanakan peranan kita sebagai hamba Allah dan seterusnya melaksanakan tanggungjawab sebagai warga IKIM yang berdedikasi dan penuh dengan sikap tanggungjawab.



Bagi pihak Lembaga Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan IKIM bagi tahun 2023. Laporan tahunan ini merupakan satu wadah bagi menerangkan pencapaian IKIM dalam memperkasakan fungsi dan peranannya untuk kepentingan ummah. Pencapaian yang diperoleh merupakan kayu pengukur bagi IKIM untuk terus berkhidmat dengan penuh komitmen dan untuk lebih cemerlang dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam era globalisasi dan digital pada hari ini.

Saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, barisan pengurusan tertinggi dan seterusnya kepada semua warga IKIM atas usaha yang berterusan dalam memastikan kejayaan IKIM pada tahun 2023 ini. Sumbangan dan bakti setia yang ditumpahkan kepada institusi ini tentunya amat bermakna untuk menentukan visi IKIM ‘Untuk Menjadi Institusi Utama Kefahaman Islam Bertaraf Antarabangsa’ terlaksana dengan jayanya.

Sebagai sebuah institusi yang menjadikan penyelidikan sebagai teras utama, IKIM akan sentiasa meneroka bidang-bidang kajian baharu untuk manfaat masyarakat. Hasil penyelidikan ini akan diterbitkan dalam bentuk penulisan seperti buku, jurnal dan penulisan artikel. Ini dapat dilihat melalui 147 artikel yang ditulis oleh ahli akademik IKIM pada tahun 2023. Hasil penulisan ini diterbitkan di akhbar dalam negara dan di laman web IKIM sendiri.

Di samping itu, IKIM juga akan sentiasa berada di barisan hadapan bagi memberikan penjelasan berkenaan Gagasan Malaysia Madani agar rakyat di negara ini mendapat kefahaman yang jitu akan agenda negara. Ini dilihat penting bagi mengurangkan jurang kefahaman masyarakat supaya tidak ada yang terpinggir dari memahami hasrat kerajaan untuk membina negara bangsa yang berintegriti tinggi lagi bermaruah.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada warga IKIM yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam Buku Laporan Tahunan 2023. Semoga buku laporan ini menjadi panduan dan rujukan berguna kepada pemegang taruh dan sesiapa sahaja yang terlibat untuk mengetahui lebih mendalam peranan dan fungsi IKIM dalam memahami Islam membina peradaban.

Sekian, Terima kasih.

**PROF. DATO' DR. MUHAMMAD NUR MANUTY**  
Pengerusi IKIM

# LAPORAN EKSEKUTIF **KETUA PENGARAH**

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT atas limpahan dan inayahNya yang sentiasa mengurniakan rahmat dan segala kebaikan kepada setiap hambaNya. Saya merasa amat bersyukur dan ingin mengambil peluang ini untuk membentangkan laporan ringkas akan kegiatan-kegiatan utama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sepanjang tahun 2023, dengan harapan supaya maklumat ini akan meningkatkan lagi pengetahuan masyarakat akan objektif dan hala tuju IKIM yang telah menjelajah ke usia 31 tahun.



Tahun 2023 IKIM terus melakar agenda perancangannya dalam mencapai Visi dan Misi yang ditetapkan iaitu “Untuk menjadi institusi utama kefahaman Islam bertaraf antarabangsa.” Sebagai sebuah institusi pemikir yang bermatlamat memberi dan menyebarkan kefahaman Islam secara global kepada masyarakat Islam dan bukan Islam, IKIM sentiasa berusaha memelihara kesucian agama Islam dengan memberi kefahaman Islam yang benar kepada masyarakat.

## PENGANJURAN PROGRAM

Sepanjang tahun 2023, IKIM memperlihatkan penganjuran pelbagai aktiviti dan program termasuk yang berimpak tinggi sama ada dalam bentuk penganjuran seminar, persidangan atau bengkel. Ini dapat dilihat melalui penganjuran program seperti “Seminar Keharmonian Serantau” yang dianjurkan dengan Kerjasama Majlis Ugama Islam Sabah dan SOM - MABIMS, seterusnya program “International Madani Symposium “Sustainability: What Can The Civilisation Of Islam Offer?” yang diadakan pada 2 November 2023, program “Ijtimak Ilmuwan Islam Sarawak” yang dianjurkan secara bersama dengan Majlis Islam Sarawak pada 25 dan 26 Julai 2023, “Symposium on Upholding Human Dignity” dianjurkan pada 5 dan 6 Julai 2023, Special Talk The Importance Of Islamic Values In The Modern World Oleh Dr. Miles K.Days, President, Linfield University yang dianjurkan pada 18 Julai 2023.

Program-program lain seperti;

1. Focus Group Discussion Series 1 “Upholding Human Dignity for Peaceful Coexistence In Malaysia: Principles And Pre-Requisites” pada 18 Januari 2023
2. Bengkel “Islam Dan Amalan Penyelidikan Beretika” pada 14-15 Februari 2023
3. Persidangan Hak Dan Tanggungjawab Penjaga Warga Emas: Menurut Perspektif Islam pada 14 Mac 2023
4. Majlis Penghormatan Buat Tan Sri Kamal Hassan pada 8 Ogos 2023
5. Kem Ekologi IKIM pada 21-23 September 2023
6. Persidangan “Etika Dan Amalan Terbaik Pengiklanan Patuh Syariah” pada 24 Oktober 2023 dan lain-lain yang dilampirkan pada senarai penganjuran program IKIM tahun 2023.

## PENERBITAN BUKU

Sepanjang tahun 2023 pula, Penerbit IKIM menerbitkan sebelas (11) buah buku baharu, empat (4) buah buku ulang cetak dan dua (2) jilid jurnal TAFHIM dalam talian. Perincian karya-karya terbitan itu adalah seperti yang berikut:

1. *Ungku Aziz's Vision of Development A Muslim's Experience in Modern Times*  
Pengarang: Muhamad Syafiq b. Borhanuddin
2. Pendidikan dan Peradaban  
Penyunting: Mohd Farid Mohd Shahran
3. *Islam and Disruptive Technologies*  
Penyunting: Sh. Mohd Saifuddeen Sh. Mohd Salleh
4. *Demystifying Islamophobia: Towards a Deeper Understanding of Islam*  
Penyunting: Mohd Farid b. Mohd Shahran dan Muhammad Syafiq b. Borhanuddin
5. New Zealand Paling Islamik: Malaysia Bagaimana?  
Penyunting: Enizahura bt. Abdul Aziz
6. *The Art of Disputation in Islam: An Introduction and Annotated Translation of Risalah Waladiyyah by Scaqlizade*  
Pengarang: Md. Asham b. Ahmad
7. *Values & Rules Compliance in Islamic Economics and Muamalat.*  
Pengarang: Muhammad Hisyam b. Mohamad
8. Terjemahan Kitab al-Muqaddimāt dan al-‘Aqīdat al-Wustā ke Arah Pemerksaan Akidah Islam di Alam Melayu oleh al-Imām al-Sanūsī  
Pengarang: M. Ayman al-Akiti
9. Islam dan Kesihatan Mental.  
Pengarang: Khairul Azhar b. Idris
10. Kekeliruan Gender: Penjelasan Islam  
Penyunting: Azizan bt. Baharuddin, Enizahura bt. Abdul Aziz dan Mohd Amiruddin b. Kamarulzaidi
11. Salah Faham Sains dan Agama  
Pengarang: Mohd Yusof Hj. Othman

Empat buah buku yang telah diulang cetak ialah:

1. Faraid dan Perancangan Pewarisan: Harta Beku, Bidang Kuasa dan Amalan di Malaysia  
Penyunting: Muhammad Hisyam b. Mohamad dan Siti Shamsiah bt. Md Supi
2. Islam Kesihatan Mental dan Neuropsikiatri  
Penyunting: Mohd Zaidi b. Ismail dan Norkumala bt. Awang
3. Filantropi Islam dan Wakaf Korporat di Malaysia  
Penyunting: Muhammad Hisyam b. Mohamad dan Nur Syahidah bt. Abdul Jalil

4. Fiqh dan Arahan Perubatan Awal Penyunting: Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh, Mohammad Mustaqim b. Malek dan Wan Roslili bt. Majid

Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, Penerbit IKIM berjaya menerbitkan dua jilid jurnal TAFHIM, iaitu keluaran Jun dan Disember 2023.

#### **LAWATAN DAN KUNJUNGAN HORMAT**

Tahun 2023 memperlihatkan IKIM semakin lebih aktif terlibat dengan aktiviti yang membawa institusi ini ke peringkat antarabangsa. Tindakan yang dilakukan seperti mengadakan perbincangan meja bulat bersama pihak Imam Bukhari International Scientific Research Centre di Uzbekistan dan seterusnya memberi peluang kepada delegasi IKIM membentangkan kertas kerja pada perbincangan berkenaan. Selain itu, IKIM juga terlibat dengan beberapa siri lawatan kerja dan aktiviti di luar negara seperti mengadakan lawatan rasmi ke beberapa buah organisasi di Singapura, Turki, menghadiri Pesta Buku Indonesia, Kemboja, United Kingdom dan negara-negara luar lain bagi membina hubungan yang lebih strategik.

Hubungan IKIM bersama duta-duta asing di Malaysia terus diperkasakan kerana ini akan menjadi laluan kepada IKIM untuk merealisasikan misi dan visi IKIM ke arena antarabangsa. Dengan itu beberapa kunjungan hormat kapada pihak Kedutaan dilakukan seperti mengadakan kunjungan dan perbincangan bersama TYT Amna Baloch, Duta Pakistan, TYT Dr. Joachim Bergström, Duta Sweden, TYT José Luis Pardo Cuello, Duta Sepanyol dan lain-lain. IKIM juga turut menerima kunjungan daripada pihak luar seperti lawatan dari Dr. Muhammed Abdul Hakkim, Rektor Jamia Markaz, Karala, India. Delegasi dari Selatan Thailand, lawatan dari *Office of The Comptroller and Auditor General of Bangladesh (OCAG)* dan sebagainya.

#### **ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN**

Saban tahun IKIM menerima pengiktirafan dari organisasi luar terhadap sumbangan dan penglibatan warga IKIM dalam pelbagai bidang akademik, penerbitan buku dan media. Lantikan, sumbangan dan pengiktirafan yang diterima pastinya menjadi penanda aras untuk menentukan di manakah kedudukan IKIM. Pengiktirafan ini dapat dilihat melalui penerimaan

anugerah dan pegawai-pegawai IKIM yang dilantik dalam pelbagai bidang seperti;

1. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh dilantik sebagai AJK Blockchain dan Kecerdasan Buatan Negara (NBAIC) dan dilantik sebagai Ahli Tetap Majlis Bioetika Negara (MBeN) sesi 2023/2024, selain turut dilantik sebagai Profesor Adjung Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
2. Pn. Suzana bt. Md. Samsudi tersenarai sebagai Most Influential Women in Islamic Business & Finance oleh Woman Academica (2002)
3. Pn. Enizahura bt. Abd Aziz dilantik sebagai Ahli Lembaga Penubuhan Akademik Program Baharu Pusat Pengajian Teras USIM
4. Dr. Muhammad Hisyam b. Mohamad dilantik sebagai Panel Penasihat bagi Program Sarjana Ekonomi Islam Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM.
5. Pn. Siti Shamsiah bt. Md Supi dilantik sebagai Ahli Badan Penasihat Shariah Hospital Pusrawi SDN Bhd.
6. Radio IKIM memperoleh 3 anugerah dengan masing-masing ialah Penghargaan Media dari Jabatan Bomba dan Penyelamat, Anugerah Apresiasi Media MAIWP 2023 dan Anugerah Kecemerlangan Media KPKT 2023 dan;
7. Anugerah Perdana Penerbit Prolifik kategori Syarikat di Bawah Agensi Kerajaan pada majlis Anugerah Tokoh Buku Negara yang disampaikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar b. Ibrahim.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memanjatkan rasa syukur atas kejayaan media IKIM iaitu Radio IKIM yang telah menunjukkan peningkatan jumlah pendengar saban tahun dan hingga tahun 2023, Radio IKIM masih dapat mengekalkan kedudukan ke-6 radio Bahasa Melayu terbaik melalui kajian GFK wave 2/2023.

Kemajuan Radio IKIM juga dapat dilihat melalui pelancaran podcast radio pada 29 Mei 2023. Podcast Radio IKIM ialah platform yang menyediakan rancangan radio bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman pendengar terhadap pelbagai mauduk yang diperkatakan. Terdapat pelbagai segmen program seperti tafsir al-Quran, tarbiah, feqah, nasihat perkahwinan, motivasi diri, kesihatan, dan banyak lagi. Podcast Radio IKIM boleh diakses melalui laman web [Podcast.ikim.my](http://Podcast.ikim.my) dan juga boleh didapati di platform Spotify IKIMfm. Oleh itu, IKIM akan

sentiasa berusaha untuk memastikan capaian yang mudah supaya pendengar setia Radio IKIM dapat menikmati kandungan podcast tanpa sebarang batasan.

#### **PENUTUP**

Secara kesimpulannya, Pelan strategik IKIM 2021–2023 menjadi indikator kepada IKIM untuk berada pada landasan yang tepat. Tentunya untuk menjayakan pelan strategik ini memerlukan komitmen yang tinggi dan fokus yang berterusan. Alhamdulillah, dengan maklumat, penyampaian yang berkesan dan pengetahuan secara jelas, warga IKIM sentiasa komited memikul amanah dan tanggungjawab dalam meningkatkan perkhidmatan yang progresif dan dinamik supaya visi dan misi IKIM terus dapat dijayakan dengan cemerlang.

**YBHG. PROF. MADYA DATO' DR. MOHAMED AZAM B.  
MOHAMED ADIL**

Ketua Pengarah IKIM

# MAKLUMAT KORPORAT 2023

## SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH IKIM



### **YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal b. Hassan**

24 Februari 2022 – 23 Februari 2023 (Meninggal Dunia)  
Pengerusi

**Warganegara**

Malaysia

**Jantina**

Lelaki

**Umur**

80 Tahun (26 Oktober 1942 - 23 Februari 2023)

**Tarikh Pelantikan**

24 Februari 2022

**Kehadiran Mesyurat**

Tiada

**Kelulusan**

- 1963–1965 - University of Malaya B.A. (Hons.) First Class (Islamic Studies)
- 1970 - Columbia University, New York, M.A. (Dept. of Near & Middle East Culture)
- 1972 - Columbia University, New York, M. Phil. (Dept. of Near & Middle East Culture)
- 1976 - Columbia University, New York, PhD (Dept. of Near & Middle East Culture)

**Pengalaman**

- Tutor Pegajian Islam di Universiti Malaya, (1966–1968).
- Profesor di Universiti Islam Antarabangsa, (1983–2017)
- Timbalan Rektor Akademik, Universiti Islam Antarabangsa (1990–1996)
- Pemangku Rektor, Universiti Islam Antarabangsa (1999)
- Rektor ketiga, Universiti Islam Antarabangsa (1999–2006)
- Profesor Ulung (2010) anugerah oleh Kementerian Pengajian Tinggi
- Profesor Emeritus Universiti Islam Antarabangsa (UIA), (2018)

**Keahlian di organisasi lain**

- Penasihat Kehormat Centre of Islamic (CENTRIS), Universiti Islam Antarabangsa (UIA)
- Pengerusi Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI JAKIM) (1 Jun 2019–31 Mei 2022)
- Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, (2005–2007)
- Ahli Jawatankuasa Dakwah MAIS, (2005–2006)
- Ahli Jawatankuasa Pengawalan Akidah MAIS (2005–2006)
- Ahli Jawatankuasa Lembaga Penasihat Suruhanjaya Anti Rasuah (2009–2015)
- Ahli Jawatankuasa Pendidikan Majlis Agama dan Adat Istiadat Islam Kelantan (MAIK), (2013–2015)
- Fellow Kehormat, Institut Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa (IDFR), (2013–2015)
- Ahli Panel Penasihat Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya (2014–2016)
- Ahli Panel Majlis Perundingan Islam (MPI), (2014–2015) Ahli Jawatankuasa Tertinggi Institusi Islam Di Raja, (2018–2020)
- Lembaga Pemegang Amanah, Universiti Islam Antarabangsa Islamabad, (2004–2006)
- Penterjemah Konsultan Jurnal Pengajian Islam, Oxford Centre of Islamic Studies (OCIS), (2002)
- Profesor Pelawat di Sultan Omar Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies, Universiti Brunei Darussalam, (2013–2017)



### **YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur b. Manutu**

8 Mei 2023 – kini  
Pengerusi, Lembaga Pengarah, IKIM

**Warganegara**

Malaysia              Umur

Jantina              Tarikh Pelantikan

Lelaki              8 Mei 2023

#### **Kehadiran Mesyurat**

- Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-31 (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (3/4)

#### **Kelulusan**

- SM.Pi (Usuluddin & Falsafah), Fakulti Pengajian Islam, UKM, PJ (1974)
- MA (Pengajian Agama), Jabatan Pengajian Agama, Universiti Temple, Philadelphia Amerika Syarikat (1978)
- PhD (Pemikiran Islam & Perbandingan Agama), Universiti Temple, Philadelphia, Amerika Syarikat (Pembimbing Akademik: Prof. Isma'il R.al-Faruqi, Prof. Seyyed Hossein Nasr, Prof. Mahmoud Ayoub)

#### **Keahlian di organisasi lain**

- Ahli Pemegang Amanah, Universiti Selangor (UNISEL) (2019–Kini).
- Ahli Fellow Kehormat Institut Pemikiran Islam Antara Bangsa (IIIT) kawasan Asia Timur dan Asia Tenggara (2015–Kini)
- Ahli Majlis Syura Kerajaan Negeri Pulau Pinang (2008 hingga sekarang)
- Profesor Kehormat Universiti Selangor (UNISEL) Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial (Julai 2021–Julai 2023)
- Presiden Kolej Dar al-Hikmah (2021– Kini)
- Pengerusi Majlis Isytisyari WADAH Pencerdasan Umat (September 2021 –Kini)

#### **Pengalaman**

- Setiausaha Agong, PKPIM (1970–1973),
- Presiden, ABIM (1992–1997)
- Timbalan Presiden, WADAH Pencerdasan Umat (2006–2010)
- Ahli Badan Perunding Islam Malaysia (Pengerusi: Dato' Sri Anwar Ibrahim, Mantan, TPM) (1994–1998)
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Koperasi Belia Islam ABIM (KBI) (2001–2018)
- Ahli Lembaga Penasihat Akademik, Kolej Darul Hikmah, Kajang (1999– 2015).
- Pengarah, CESMACS (Center for Study in Modernity and Civil Society), PJ (2000–2008)
- Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Islam Antarabangsa, Yayasan Islam, Pulau Pinang (2017–Kini)
- Mantan, Senator Dewan Negara (15 Disember 2015 –15 Disember 2019)
- Presiden, Kolej Darul Hikmah, Kajang (Okttober, 2021)
- Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sudut Pemikiran Dato' Dr. Siddiq Fadzil, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak (USAS) (September 2021– September 2022).

**YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abdul Aziz**

24 Februari 2022 – kini  
Timbalan Pengerusi, Lembaga Pengarah, IKIM

**Warganegara**

Malaysia              Umur

Jantina              Tarikh Pelantikan

Lelaki              24 Februari 2022 - 23 Februari 2025

**Kehadiran Mesyurat**

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Agung Luar Biasa (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Kemajuan Kerjaya (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit (4//5)
- Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan (4//4)

**Kelulusan**

- SB.A. (Hons) (UKM)
- Diploma Pendidikan (UKM)
- Diploma in Management Science (INTAN)

**Pengalaman**

- Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (JAKIM), 15 Julai 2007–22 April 2011
- Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, 1 Julai 2004–14 Julai 2007
- Pengarah Bahagian Penyelidikan, JAKIM, 16 Januari 2003–30 Jun 2004
- Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Pengurusan Masjid (KESUMA) JAKIM, 1 Januari 2000 –15 Januari 2003
- Pengetua Darul Quran, JAKIM, 17 Februari 1994–31 Disember 1999
- Ketua Penolong Pengarah Ekonomi, Pentadbiran Sosial, Pusat Penyelidikan Islam (BAHEIS), 16 Julai 1993–16 Februari 1994
- Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), 6 Mac 1989–26 Jun 1991
- Ketua Bahagian Amar Ma'ruf, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), 6 Mac 1986–3 April 1988
- Ketua Penolong Pengarah Institut Dakwah & Latihan Islam (INDAH) Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), JPM, 1 Januari 1986–6 Mac 1986
- Atase Ugama, Malaysian High Commission, London, 15 Oktober 1982–31 Disember 1985
- Penolong Pengarah & Penolong Pengarah Kanan INDAH, BAHEIS, JPM, 6 Mei 1978–14 Oktober 1982

**Keahlian di organisasi lain**

- Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Sesi 2023–2025
- Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- Ahli Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
- Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (Jakim-TH), Tabung Haji Pengurus Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Penasihat Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU), JPM



### YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil

<b>Warganegara</b>	<b>Umur</b>
Malaysia	58 Tahun (18 Jun 1966)
<b>Jantina</b>	<b>Tarikh Pelantikan</b>
Lelaki	24 Februari 2022

#### Kehadiran Mesyuarat

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Agung Luar Biasa (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit (5/5)
- Mesyuarat Jawatankuasa Projek Pembangunan Bersepadu (2/2)
- Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan (4/4)
- Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Kemajuan Kerjaya (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Latihan (3/3)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (3/3)
- Mesyuarat Jawatankuasa Tatateribit dan Disiplin (1/1)
- Mesyuarat Jawatankuasa Tender (2/2)

#### Kelulusan

- Ijazah Doktor Falsafah Undang-undang, SOAS, Universiti London, United Kingdom, (2006)
- Ijazah Sarjana Undang-undang, School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti London, United Kingdom, (1993)
- Ijazah Sarjana Muda Syariah(Kepujian), Universiti Malaya, (1990)

#### Pengalaman

- Prof. Madya Kehormat, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam (2022–2023; 2024)
- Pemeriksa Luar Kulliyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (2019–2020)
- Lembaga Editorial Bersekutu Jurnal Fiqh, Universiti Malaya (2019–Kini)
- Jawatankuasa Kerja Garis Panduan Penguatkuasaan Undang-undang Syariah, JAKIM (2019–2020)
- Lembaga Editorial Bersekutu Jurnal Fiqh, Universiti Malaya (2019–Kini)
- Komuniti Syariah, Jabatan Peguam Negara (2009–Kini)
- Jawatankuasa Undang-undang, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (2008– 2017)
- Fellow, Institut Penyelidikan Perakaunan (2009–2013)
- Fellow, Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), UiTM (2013–2019)
- Jawatankuasa Kerja Diyat, Majlis Dakwah Negara, YADIM (2015–2017)
- Ahli, Jawatankuasa Penyelidikan, Isu Kontemporari Wanita Islam (PISWI), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2013–2019)

- Panel, Mahkamah Perusahaan, Malaysia (2007–2009)
- Pensyarah, Universiti Teknologi MARA (UiTM), (1990–2020)
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS), (2013–2022)

#### Keahlian di organisasi lain

- Lembaga Penasihat Penerbitan Jurnal Syariah Negeri Perak, Jabatan Kehakiman Syariah Perak Darul Ridzuan (2023–2024)
- Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) (2023–2024)
- Associate Editor International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN) (2023–2025)
- Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Pelantikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI (2021–2024)
- Ahli Lembaga Penasihat dan Penilai Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam (2022–2024)
- Ahli Lembaga Pengarah, International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia (2013–2023)
- Ahli, International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) (2015–Kini)
- Fellow Kehormat, Institut Masa Depan Malaysia, (2022–2024)
- Sidang Editorial, Jurnal Syariah, Universiti Malaya (2008–Kini)
- Lembaga Editorial, Global Jurnal al-Thaqafah (GJAT), Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar (2011–Kini)
- Lembaga Editorial, Jurnal Akademik ESTEEM, UiTM Pulau Pinang (2012– Kini)
- Lembaga Penasihat dan Semakan, Jurnal Pengajian Islam Kontemporari (JCIS), UiTM (2015–Kini)
- Lembaga Penasihat Antarabangsa, Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah, Universiti Malaya (UM) (2015– Kini)
- Presiden, Alumni Akademi Pengajian Islam, UM (ALIM) (2010–2021)
- Pengulas Buku (Undang-undang Islam/Undang-undang Komersial Islam), Routledge, United Kingdom (UK) (2014–Kini)
- Sidang Editorial Kajian Perakaunan Malaysia (MAR), UiTM (2010–2013)
- Fellow Utama, Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (CENTHRA) (2014–Kini)



### YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak Haron

<b>Warganegara</b>	<b>Umur</b>
Malaysia	84 Tahun (18 Disember 1940)
<b>Jantina</b>	<b>Tarikh Pelantikan</b>
Lelaki	22 Mac 1993

#### Kehadiran Mesyuarat

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Agung Luar Biasa (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (5/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Latihan (3/3)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (3/3)

#### Kelulusan

- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (University of Chicago).
- M.Ed. (University of Sydney)
- B.A. (Hons) (Universiti Malaya)
- Diploma Pendidikan (Pengajian Melayu & Islam) (Universiti Malaya)

#### Pengalaman

- Fellow Penyelidik Kanan, Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, (Mei 2013–2017)
- Sarjana Utama, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, (Mei 2010–Mei 2013)
- Profesor, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, (Jun 2001–April 2010)
- Penggerusi Jawatankuasa Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, (2002–2008)
- Ahli Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka, (1992–2008)
- Penggerusi, Jawatankuasa Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka, (1993–2002)

- Dekan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, (1980–1990)
- Profesor, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (Kursi Pengajian Pedagogi), (September 1979–Jun 2001)
- Profesor Madya, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, (Januari 1979–September 1979)
- Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, (1971–1978)

#### Keahlian di organisasi lain

- Profesor Adjunct ASWARA, Kuala Lumpur, 2019–Kini.



### YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir b. Yaacob

<b>Warganegara</b>	<b>Umur</b>
Malaysia	78 Tahun (7 September 1946)
<b>Jantina</b>	<b>Tarikh Pelantikan</b>
Lelaki	20 April 2018

#### Kehadiran Mesyurat

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Agung Luar Biasa (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (3/3)
- Mesyuarat Jawatankuasa Latihan (3/3)
- Mesyuarat Jawatankuasa Projek Pembangunan Bersepadu (2//2)

#### Kelulusan

- Syahadah Tertinggi, Kolej Islam Malaya, (1968)
- Diploma Pendidikan, Kolej Islam Malaya, (1969)
- Al-Aliyah (Hons) (Al-Azhar University), (1973)
- Dip. in Law, University of London, United Kingdom, (1977)
- M.Phil. Law, University of London, United Kingdom, (1980)
- PhD (Law), International Islamic University of Malaysia (1991)

#### Pengalaman

- Naib Presiden, Universiti Islam Malaysia, (2011–2019)
- Fellow, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2009–2011)
- Penasihat Akademik, Sultan Sharif Ali Islamic University Brunei Darussalam, (19 Mei 2007–2009)
- Profesor, Jabatan Syariah & Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2006–2007)
- Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), (April 2002– Mac 2005)
- Timbalan Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), (Nov 1997–Mac 2002)
- Fellow Kanan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), (Jun 1993–Oktober 1997)
- Profesor Madya, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, (September 1993)
- Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, (April 1985–Mei 1993)
- Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, (November 1980–Mac 1985)
- Penyelaras, Pusat Ketamadunan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (Jun 1982–Mei 1984)

#### Keahlian di organisasi lain

- Ahli Lembaga Pengarah, Universiti Kolej Yayasan Pahang
- Ahli Lembaga Pengelola, Kolej Universiti Islam Pahang
- Ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Kebangsaan
- Ahli Jawatankuasa Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang
- Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Pahang
- Ahli Lembaga Pusat Kutipan Zakat Pahang
- Ahli Jawatankuasa Pendidikan Agama Pahang
- Ahli Jawatankuasa Zakat Pahang
- Pengerusi Jawatankuasa Kelayakan Peguam Syarie Pahang
- Ahli Majlis Pembangunan Halal Malaysia



### **YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin FASc**

<b>Warganegara</b>	<b>Umur</b>
Malaysia	56 (14 Januari 1968)
<b>Jantina</b>	<b>Tarikh Pelantikan</b>
Lelaki	17 Ogos 2018

#### **Kehadiran Mesyurat**

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Agung Luar Biasa (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tender (2/2)
- Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Kemajuan Kerjaya (4/4)
- Mesyuarat Jawatankuasa Projek Pembangunan Bersepadu (2/2)

#### **Keahlian di organisasi lain**

- Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Presiden, Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)
- Ahli Majlis Kebangsaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
- Ahli, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)
- Ahli, Lembaga Pengarah Multimedia Technology Enhancement Operation Sdn Bhd (METEOR)

#### **Kelulusan**

- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (Pemangkinan Heterogen) (University of Manchester Institute of Science & Technology (UMIST), United Kingdom)
- Master Sains (Kimia Sebatian Semulajadi) (Universiti Pertanian Malaysia (UPM))
- Bachelor/Ijazah Sains Kepujian (Kimia) (Kelas Kedua Tinggi), (Universiti Pertanian Malaysia (UPM))

#### **Pengalaman**

- Deputy Director, Research Management Centre, Universiti Putra Malaysia (2014–2017)
- Head, Catalysis Science and Technology Research Centre (2008–2014)
- Pengetua, Kolej Pendeta Zaaba, Universiti Putra Malaysia (2000– 2003)
- Professor, Department of Chemistry, Universiti Putra Malaysia, (2007–2019)
- Associate Professor, Department of Chemistry, Universiti Putra Malaysia, (2002–2007)
- Lecturer, Department of Chemistry, Universiti Putra Malaysia, (1997–2002)
- Tutor, Department of Chemistry, Universiti Putra Malaysia, (1993–1997)



### **YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof b. Hj. Othman FASc**

<b>Warganegara</b>	<b>Umur</b>
Malaysia	72 Tahun (12 Ogos 1952)
<b>Jantina</b>	<b>Tarikh Pelantikan</b>
Lelaki	20 Jun 2019

#### **Kehadiran Mesyuarat**

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Agung Luar Biasa (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Latihan (3/3)
- Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib dan Disiplin (1/1)

#### **Kelulusan**

- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (Solar Energy) (University of Aston, United Kingdom)
- Sarjana Sains (Solid State Physics) (University of London)
- Ijazah Sarjana Muda (Fizik) (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM])

#### **Pengalaman**

- Ahli Majlis World Renewable Energy Network (WREN), 1992.
- Profesor Pelawat Department of Engineering, University of Reading, UK (1994).
- Ketua, Jabatan Fizik, UKM (1990–1994)
- Timbalan Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM (1994–2002)
- Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, UKM (2002–2007)
- Pengarah, Institut Islam Hadhari, UKM, (2007)
- Pemerhati Antarabangsa Pemilihan Presiden Uzbekistan 2015
- Ketua Editor Jurnal Hadhari, Editor Bersekutu the International Journal of Renewable Energy (2005–2010)
- Lembaga Editor Review untuk Scientific Journal International sejak Julai 2007
- Ahli Panel Majlis Perunding Islam, Jabatan Perdana Menteri (mulai Jun 2014)
- Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (2015–2018)
- Pengurus, Panel Pakar Falsafah Sains (2010–2012)
- Panel Pakar Bidang Sains Fizik (2013–2015)
- Ahli Jawatankuasa Penerbitan (2012–2017), Dewan Bahasa dan Pustaka

- Fellow Akademi Sains Malaysia (2014)
- Fellow Kehormat Universiti Islam Malaysia (2014–2015)
- Fellow Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia IKIM (2005–2007; Julai 2017–Jun 2018)
- Fellow Kehormat Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) (2014).
- Vice Chairman, Hadhari Global Network (mulai 12 Disember 2018)
- Ahli Lembaga Penasihat Fakulti (Sains Kemanusiaan), Universiti Pendidikan Sultan Idris (1 Oktober 2023–30 September 2025)

#### **Keahlian di organisasi lain**

- Institut Fizik Malaysia (ahli seumur hidup sejak 1980)
- Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) (ahli seumur hidup sejak 1980)
- Malaysian Solid State Science and Technology Society (ahli seumur hidup sejak 1985)
- Energy Institute, United Kingdom (Ahli Profesional sejak 2004)



### **YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain**

<b>Warganegara</b>	<b>Umur</b>
Malaysia	51 Tahun (14 April 1973)
<b>Jantina</b>	<b>Tarikh Pelantikan</b>
Lelaki	5 September 2019

#### **Kehadiran Mesyurat**

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Agung Luar Biasa (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (5/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit (4/5)
- Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan (4/4)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (3/3)
- Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib dan Disiplin (1/1)
- Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tender (2/2)

#### **Kelulusan**

- B.A. (Hons.) Pengajian Islam (Al-Quran & Qiraat) (Universiti Al-Azhar, Cairo)
- Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat

#### **Pengalaman**

- Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji (2019–2021)
- Pengerusi TH Alam Management (M) Sdn. Bhd.
- Pengerusi TH Marine Holding (L) Inc.
- Pengerusi TH Alam Holdings (L) Inc.
- Pengerusi TH Indo Industries Sdn. Bhd.
- Pengerusi TH Indopalms Sdn. Bhd.
- Pengerusi Excel Tops Resouces (M) Sdn Bhd.
- Pengerusi Click Logistic Sdn. Bhd.
- Pengarah Eksekutif, XIDDIG Cellular Communications Sdn. Bhd. (2014–2019)
- Pengerusi, Tiger Force Security Services Sdn. Bhd., (2011–2016)
- Pengerusi, Perintis Eko Hijau Sdn. Bhd. (2015)
- Pengerusi, Dominasi Cendana Sdn. Bhd. (2009–2014)
- Ahli Lembaga Pengarah, Asia Metropolitan University, (2013–2015)
- Pengarah, Active Network Security Services Sdn. Bhd., (2009–2011)
- Pegawai Khas Pengerusi, Tabung Haji Travel & Services Sdn. Bhd. (1998– 2005)

#### **Keahlian di organisasi lain**

- Pengerusi SSRV Sdn. Bhd.
- Pengerusi SFS Al Lahmi Sdn. Bhd.
- Pengerusi Metro Utilities Group.



### YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal

**Warganegara** Malaysia      **Umur** 63 Tahun (23 Mei 1961)  
**Jantina** Perempuan      **Tarikh Pelantikan** 5 September 2019

#### Kehadiran Mesyurat

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Agung Luar Biasa (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (5/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib dan Disiplin (1/1)
- Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Kemajuan Kerjaya (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tender (1/2)

#### Kelulusan

- LL.M (University of Kent at Canterbury, England)
- LL.B (Hons.) (University of Essex, Colchester, England)

#### Pengalaman

- Pesuruhjaya Kanak-kanak di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) (2019–2022)
- Pesuruhjaya ke Asean Commission for Promotion and Protection of Women and Children (2016–2019)
- Ahli Majlis Kanak-kanak Kebangsaan (2013–2016)
- Timbalan Naib Canselor UKM (2014–2018)
- Pengarah Institut Islam Hadhari (2018–2019)
- Ahli Jawatankuasa Perundangan Islam (2022–2024)
- Felo Utama Institut Islam Hadhari (2008–2018)
- Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan sejak 2016 hingga kini

#### Keahlian di organisasi lain

- Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) (2022–2025)
- Profesor Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), (Kontrak) (2021–2024)
- Ahli Jawatankuasa Aduan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (2021–2024)



### YBhg. Datuk Hj. Misnu b. Hj. Taha

<b>Warganegara</b>	<b>Umur</b>
Malaysia	64 Tahun (9 Januari 1960)
<b>Jantina</b>	<b>Tarikh Pelantikan</b>
Lelaki	1 Jun 2020

#### Kehadiran Mesyuarat

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Agung Luar Biasa (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (5/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Kemajuan Kerjaya (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan (4/4)

#### Kelulusan

- Senior Executive Fellow Programme (Harvard University, USA)
- Bachelor of Arts (Hons.), (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM])
- Higher School Certificate (Kolej Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Kuching, Sarawak)

#### Pengalaman

- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran, Keselamatan dan Hal Ehwal Korporat–ACSA), Jabatan Ketua Menteri, (2013–2016)
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Sumber Manusia), Jabatan Ketua Menteri, (2011–2012)
- Pengarah (Unit Pengurusan Sumber Manusia), Jabatan Ketua Menteri, (2010 –2011)
- Pengarah (Unit Tadbiran), Jabatan Ketua Menteri, (2009–2010)
- Pengarah, Jabatan Agama Islam Sarawak, (2000–2009)
- Pegawai Tadbir Khas YAB Ketua Menteri Sarawak, (1994–2000)
- Setiausaha Sulit YAB Ketua Menteri Sarawak, (1992–1994)
- Pegawai Tadbir Negeri Sarawak, (1986–1992)
- Penguasa Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, (1986–1988)

#### Keahlian di organisasi lain

- Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak
- Ahli Lembaga Pengarah Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak
- Ahli Lembaga Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)
- Pengurus Lembaga Kebajikan Anak-Anak Yatim
- Naib Presiden Zon Sarawak, Pertubuhan Anak Yatim Malaysia
- Timbalan Yang Dipertua, Harakah Islamiah (HIKMAH)
- Ahli EXCO, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak
- Ahli Lembaga Penasihat Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Waqaf Malaysia
- Ahli Lembaga Pengarah, Mabe Properties Sdn. Bhd.
- Ahli Lembaga Pengarah, Lubuk Tiara Sdn Bhd.
- Ahli Tetap Halal Malaysia
- Pengurus, Lembaga Amanah Penyu
- Pengurus, Lembaga Pengurusan Sekolah Majlis Islam Sarawak
- Pengurus, Jawatankuasa Teknikal Pensijilan Halal
- Pengurus, Jawatankuasa Penilai Pengambilan Guru Agama Islam Warganegara Asing
- Pengurus, Jawatankuasa Teknikal Pemilihan Anugerah Maal Hijrah
- Pengurus, Jawatankuasa Teknikal Pemilihan Pembimbing Ibadah Haji Majlis Islam Sarawak
- Pengurus, Jawatankuasa Tabung Dakwah
- Pengurus, Jawatankuasa Takmir Negeri Sarawak
- Timbalan Pengurus II, Jawatankuasa Tetap Perayaan Islam Negeri Sarawak
- Timbalan Pengurus II, Jawatankuasa Pembangunan Masjid dan Surau Negeri Sarawak



### Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che' Othman

<b>Warganegara</b>	<b>Umur</b>
Malaysia	72 Tahun (17 Jun 1951)
<b>Jantina</b>	<b>Tarikh Pelantikan</b>
Lelaki	1 Jun 2020

#### Kehadiran Mesyuarat

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (3/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit (3/5)
- Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan (2/4)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (1/3)

#### Kelulusan

- Diploma in Statistics, Institut Teknologi MARA (ITM)
- MPhil., University of Swansea, United Kingdom
- Ijazah Kehormat Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan
- Ijazah Kehormat Kewangan dan Pelaburan, Management & Science University Malaysia
- Ijazah Kehormat Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia
- Ijazah Kehormat Pentadbiran Perniagaan, Universiti Tenaga Nasional

#### Pengalaman

- Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Permodalan Nasional Berhad (PNB) (1997– 2016)

#### Keahlian di organisasi lain

- Pengerusi Kumpulan, UMW Holdings Berhad (1 Januari 2017–Mac 2024)
- Pengerusi, E-Lock Corporation Sdn Bhd
- Director, Professional Golf of Malaysia
- Director, PFM Malaysia Holdings Sdn Bhd
- Member of the Board of Trustees of Yayasan Karyawan



### **YBrs. En. Mohamad Ibrahim b. Ghazali**

<b>Warganegara</b>	<b>Umur</b>
Malaysia	59 Tahun (30 Mac 1965)
<b>Jantina</b>	<b>Tarikh Pelantikan</b>
Lelaki	1 Jun 2020

#### **Kehadiran Mesyurat**

- Mesyuarat Agung Tahunan (1/1)
- Mesyuarat Agung Luar Biasa (1/1)
- Mesyuarat Lembaga Pengarah (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit (5/5)
- Mesyuarat Jawatankuasa Projek Pembangunan Bersepadu (2/2)
- Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan (4/4)
- Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Kemajuan Kerjaya (6/6)
- Mesyuarat Jawatankuasa Latihan (3/3)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (3/3)
- Mesyuarat Jawatankuasa Tataterib dan Disiplin (1/1)
- Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tender (2/2)

#### **Kelulusan**

- Bachelor in Accountancy (Hons) (UiTM)
- Chartered Accountants (MIA 20637)
- Licensed Company Secretary (202008001136)

#### **Pengalaman**

- MIG Associates (NF0974)
- Firma Perakaunan dan Setiausaha Syarikat selama 15 tahun (sejak 2009)
- Penceramah/Konsultan UiTM, Merbok, Kedah.
- AMIL Profesional Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)

#### **Keahlian di organisasi lain**

- Associate Member (A2623), Institute of Approved Company Secretaries
- Member Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM) Category: Audit Committee
- Pengurus, Persatuan Penduduk Pusat Bandar Cheras Jaya

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN IKIM KE-31

**Mesyuarat Agung Tahunan Institut Kefahaman Islam Malaysia Ke-31 yang dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM telah diadakan pada 21 Jun 2023 di Dewan Besar, International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia. Turut hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Ahli IKIM yang kesemuanya seramai 27 orang.**

## 1. PERUTUSAN YBHG. PENGERUSI IKIM

Setiausaha memaklumkan bahawa mengikut Fasal 35 Perlembagaan IKIM korum untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ini adalah tidak kurang daripada dua puluh (20) orang ahli atau lima puluh (50%) peratus daripada ahli-ahli institut dan yang mana lebih kurang kehadirannya. Mengikut status kehadiran ahli-ahli adalah seramai 27 orang yang telah diterima pada 21 Jun 2023. Dengan itu, korum ahli pada hari ini telah memenuhi syarat dan korum untuk memulakan Mesyuarat Agung Tahunan IKIM ke-31 pada hari ini.

## 2. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-TIGA PULUH BERTARIKH 13 JUN 2022

2.1 Sebelum Minit Mesyuarat Agung disahkan, perkara ini telah dibincangkan oleh ahli-ahli IKIM yang hadir:

- i. YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim memberi pandangan mengenai keahlian yang tidak aktif, tidak hadir atau tidak langsung memberi komitmen kepada IKIM. Selaras dengan Fasal 26, Perlembagaan IKIM, beliau memohon pihak pengurusan IKIM mengutus surat kepada mereka agar dapat mengundur diri daripada menjadi Ahli IKIM. Tempat mereka boleh digantikan dengan calon-calon Ahli IKIM yang lebih berpengalaman.

- ii. Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din ingin mendapat kepastian Mesyuarat dengan isu yuran keahlian IKIM yang tidak aktif. Ahli yang tidak membayar yuran boleh digugurkan dalam tempoh tidak membayar yuran tersebut
- iii. Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din turut memaklumkan IKIM sebagai sebuah syarikat CLBG juga membenarkan keahlian berasaskan syarikat atau organisasi. Sekiranya keahlian bersandarkan individu, bilangan ahli semakin kurang disebabkan kematian. Sekiranya keahlian berasaskan syarikat, isu dari segi kekurangan ahli atau kesukaran mencari korum dan sebagainya tidak timbul.
- iv. Setiausaha memaklumkan bahawa keahlian IKIM telah diteliti dalam data merangkumi ahli yang tidak aktif, tidak membayar yuran dan juga kurang sihat. Setiausaha telah mengikut prosedur dengan mengutus surat peringatan sebanyak tiga (3) kali kepada ahli sama ada berminat atau tidak lagi berminat untuk menjadi Ahli IKIM.
- v. Setiausaha juga telah mengenal pasti dan mengemukakan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah secara berperingkat berkenaan Program Pemutihan Ahli untuk Mesyuarat Lembaga Pengarah menimbang dan memutuskan beberapa nama untuk dikeluarkan.
- vi. YBhg. Ketua Pengarah memaklumkan proses pemutihan masih berjalan. Pada masa yang sama, untuk mengisi kekosongan keahlian, satu

- jawatankuasa yang sebelum ini diwujudkan oleh Almarhum Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, mantan Pengurus IKIM dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato Sheikh Abd. Aziz untuk menjemput calon-calon yang berpotensi untuk menjadi Ahli IKIM. Berpandukan kepada kebijaksanaan Ahli Lembaga Pengarah untuk menimbang dan memutuskan pengambilan Ahli baharu oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa, akan ada ahli baharu yang dilantik.
- vii. Keahlian organisasi ada kategori akademik, korporat, NGO, media dan sebagainya. Berkenaan keahlian organisasi ia akan dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah kerana ia bersifat umum.
  - viii. Keseimbangan penyertaan golongan korporat, mufti dan para ulama dapat menambah pengalaman, sumbangan dan idea dalam menghadapi cabaran yang hebat pada masa ini.
  - ix. Pihak pengurusan IKIM juga disaran untuk mengadakan aktiviti ziarah dengan memberi sijil penghargaan kepada Ahli-ahli IKIM yang telah berusia, uzur dan telah menyumbang jasa kepada IKIM.

### **3. MENERIMA LAPORAN TAHUNAN IKIM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

- 3.1 Ahli-ahli Institut mengambil maklum berkenaan laporan-laporan penyelidikan IKIM yang berpusat kepada tiga buah (3) pusat akademik iaitu pusat akademik SYARAK, EMAS dan KIAS.
- 3.2 Penyelidikan
- 3.2.1 Tuan Hj. Ahmad b. Berek ingin mengetahui pihak yang menentukan topik-topik penyelidikan di IKIM supaya ia berjalan secara berterusan seperti solat di kalangan pemuda-pemuda, zakat dan haji. Sekiranya terdapat pengajur yang berminat untuk menaja serta mendapat kerjasama yang menyeluruh ia boleh berterusan bertahun-tahun. Penyertaan pegawai dalam perkara ini adalah terbatas.

Oleh yang demikian, penyertaan pihak guru boleh dilatih untuk memantau. Manakala dalam alam pekerjaan pula, ketua pejabat boleh memainkan peranan yang sama dan memberi impak. Peranan untuk meningkatkan akidah dan amalan itu adalah lebih penting.

- 3.2.2 YBhg. Dr. Ketua Pengarah memaklumkan bahawa untuk penyelidikan, ia ditentukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Akademik yang terdiri daripada Pengarap-pengarah pusat dan mengikut keperluan. Terdapat juga penyelidikan daripada pihak-pihak yang berkepentingan dan pihak kerajaan.

IKIM ialah platform untuk memberi kefahaman Islam untuk orang Islam dan juga orang bukan Islam. Untuk merapatkan dan memberi kefahaman Islam kepada masyarakat yang bukan Islam, satu projek besar di bawah Piagam Harmoni sedang berjalan termasuk penyelidikan yang mendapat dana yang besar daripada kerajaan. IKIM telah menubuhkan Unit Pengurusan Penyelidikan (*Research Management Unit*) untuk melihat pengurusan penyelidikan yang sistematik dari segi pengurusan dana. Penyelidikan yang dilaksanakan mesti memberi impak bukan sahaja kepada pihak berkepentingan, kerajaan tetapi juga kepada masyarakat dan negara.

- 3.2.3 YBhg. Timbalan Pengerusi memaklumkan bahawa IKIM telah mengadakan satu perbincangan khusus dan berstruktur dengan tiga (3) buah pusat akademik dan Pusat Media. Adalah diharapkan agar penyelidikan yang dilaksanakan oleh IKIM menjurus kepada menyediakan input untuk pembuat polisi dan membantu pemerintah dalam dasar-dasar berkaitan agama Islam. Penyelidikan tersebut diharap dapat diangkat ke peringkat forum tertinggi seperti Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), iaitu taklimat *pre-council* Raja-raja yang

bersidang sebelum Mesyuarat Majlis Raja-raja atau ia boleh dimanfaatkan sebagai kertas kabinet oleh Menteri Agama. Memandangkan kertas polisi atau kertas kabinet atau kertas fatwa bukan milik sepenuh JAKIM, mananya agensi boleh mengangkat kertas yang berdasarkan penyelidikan tersebut.

- 3.2.4 Tuan Hj. Ahmad b. Berek mencadangkan supaya IKIM memperbanyakkan program yang dapat menarik penyertaan masyarakat. Ini adalah kerana masyarakat yang menghidupkan IKIM.

### 3.3 Perkhidmatan IKIM di luar Asian

YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim merakamkan ucapan tahniah kepada YBhg. Dr. Ketua Pengarah kerana aktif mengadakan dan menandatangani MoU, menziarah Majlis-majlis Agama Negeri dan sebagainya. Beliau turut menyarankan:

- i. MKI yang dipengerusikan oleh DYMM Sultan Selangor perlu bimbingan yang terperinci untuk membuat keputusan yang betul.
- ii. Banyak campurtangan sultan-sultan dalam hal ehwal agama bertentangan dengan yang diputuskan oleh JAKIM. IKIM perlu memainkan peranan serta membantu DYMM Sultan Selangor dalam isu-isu yang berkaitan dengan dasar dan syariah di samping membantu masyarakat supaya mengikut dasar yang betul.
- iii. Parti politik lebih mementingkan soal kuasa dan tidak mementingkan soal akidah dan amalan dalam kalangan masyarakat. Tiada bimbingan berkaitan sosial dan syariah daripada ibu bapa yang bekerja.
- iv. IKIM menarik pendekatan masyarakat dengan membuat penyelidikan dan mengadakan program rakan mahasiswa. Manfaatkan golongan mahasiswa dalam kajian yang dibuat dalam menyelesaikan masalah penduduk di rumah pangsa dan anak muda yang tidak bekerja dan terbabit dengan gejala dadah. Penyelidikan

IKIM fokus kepada membantu masalah masyarakat untuk dibawa kepada Majlis Raja-raja.

- v. YBhg. Prof. Dato' Pengerusi memaklumkan IKIM membuat sinergi dengan menandatangani MoU dengan pihak universiti. Dengan ini adalah diharapkan dapat meningkatkan kualiti generasi muda dengan penghayatan fardhu ain. Penyelidikan itu bukan sekadar dari aspek akademik sahaja tetapi juga memberi sumbangan, penyelesaian masalah dan faedah kepada umat Islam.

### 3.4 Hak milik Tanah IKIM di Kuala Lumpur

- 3.4.1 YBhg. Dr. Ketua Pengarah memaklumkan perkembangan terbaru setakat 14 Jun 2023 dari pejabat Peguam Negara berkenaan tanah IKIM di Kuala Lumpur. Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk rundingan dengan pihak Semantan Estate bagi mengurangkan nilai tuntutan oleh Semantan Estate berjumlah RM13 Billion.

- 3.4.2 Perintah Mandamus oleh pihak Semantan Estates di peringkat Mahkamah Tinggi telah ditolak. Pihak Semantan telah memfailkan rayuan. Pada 10 Mei 2023, rayuan telah didengar dan akan diputuskan di Mahkamah Rayuan. Pihak Semantan telah memfailkan permohonan untuk pindah milik tanah di bawah Kanun Tanah Negara Seksyen 417, yang mana tanah masih milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Urusan dikendalikan sepenuhnya oleh Pejabat Peguam Negara. Tarikh untuk pendengaran Saman Pemula telah ditetapkan pada 18 Disember 2023. Pada pengamatan pihak pengurusan IKIM, isu hak milik tidak berlaku.

- 3.4.3 YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim menyarankan supaya IKIM melantik Peguam untuk mengendalikan kes ini. IKIM boleh bertindak secara individu/badan korporat memandangkan kedudukan IKIM di bawah kabinet dan

- Akta Syarikat 2016. Kerajaan membuat keputusan mengekalkan hak milik tanah kepada IKIM. Soal tuntutan tersebut soal kedua, beliau tidak mahu IKIM kehilangan hak milik. IKIM memerlukan kekuatan daripada Ahli-ahli untuk membantu IKIM.
- 3.4.4 YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim mengesyorkan supaya satu kertas kabinet dibawa kepada kabinet supaya 10 ekar tanah kekal di bawah hakmiik IKIM. Perkhidmatan guaman dalam kes pengurusan dan perundingan supaya kabinet boleh membuat keputusan dan tanah IKIM ini diserah kepada IKIM. YBhg. Prof. Dato' Pengurus memaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri telah diberi taklimat. Perkara ini telah mendapat perhatian YAB Perdana Menteri.
- 3.4.5 YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim mencadangkan supaya satu kertas kabinet dibuat dan YB Menteri Agama membawa secara rasmi dalam kabinet berkenaan tanah IKIM di Kuala Lumpur dari aspek kepentingan awam.
- 3.4.6 YBhg. Prof. Dato' Pengurus memaklumkan YAB Perdana Menteri telah mengambil maklum berkenaan perkara ini.
- 3.5 Tanah IKIM di Sabah
- 3.5.1 YBhg. Ketua Pengarah memaklumkan bahawa Jawatankuasa Kerja Projek Pembangunan Bersepadu IKIM telah mengadakan perbincangan dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah baru-baru ini. IKIM akan membangunkan IKIM Cawangan Sabah di Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah. Cadangan untuk bangunan-bangunan, asrama-asrama dibina untuk disewa kepada kerajaan dan pelajar-pelajar dan masih dalam perbincangan mengikut kebolehpasaran di Sabah. IKIM juga bercadang memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk pembangunan tanah di Sabah itu.
- 3.5.2 Laporan Tahunan IKIM Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah dicadang untuk dipersetujui penerimaannya oleh Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din dan disokong oleh YBhg. Dato' Dr. Hussamuddin b. Hj. Yaacub.
- 4. MENERIMA PENYATA KEWANGAN BERAUDIT IKIM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 BERSERTA LAPORAN PENGARAH DAN JURUAUDIT BERKAITAN DENGANNYA**
- 4.1 Akauntan Utama/Pengarah Bahagian Pengurusan Kewangan & Pelaburan membentangkan Penyata Kewangan IKIM bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berserta laporan pengarah dan laporan audit yang berkaitan dengannya.
- 4.2 Ahli-ahli mengambil maklum berkenaan tarikh penutupan akaun tahunan IKIM adalah pada 31 Disember 2022.
- 4.3 Pada tahun 2022 berlaku kurangan pendapatan atas perbelanjaan selepas cukai bagi tahun 2022 sebanyak RM2,658,464. Kurangan ini dibawa ke hadapan (tahun 2023) menjadikan dana terkumpul berjumlah RM75,015,141.
- 4.4 Sehingga 31 Disember 2022, IKIM telah menerima pendapatan berjumlah RM29,286,540 termasuk menerima geran daripada Kerajaan berjumlah RM21,429,800. Perbelanjaan IKIM sebelum cukai berjumlah RM31,835,280.
- 4.5 Jumlah aset IKIM adalah sebanyak RM113,585,765 manakala jumlah liabiliti IKIM adalah sebanyak RM38,570,624. Dari segi kedudukan kewangan IKIM adalah stabil yang mana aset melebihi liabiliti.
- 4.6 Pada tahun 2022, jumlah pelaburan IKIM yang tersimpan dalam bentuk simpanan komoditi murabahah, dana amanah & pengurusan (syer) adalah seperti berikut:

### Jenis Pelaburan

Komoditi Murabahah :	RM12,035,330
Dana Amanah & Pengurusan (Syer)	RM36,323,685
Jumlah Pelaburan	<b>RM48,359,015</b>

- 4.7 Pada tahun 2022, IKIM telah memperuntukkan sebuah akaun baharu yang dinamakan "Post Employment Benefits" sejumlah RM8,132,822. "Post Employment Benefits" merupakan faedah Gantian Cuti Rehat (GCR) warga kerja IKIM yang dikumpulkan setiap tahun dan warga kerja akan menerima award wang tunai ketika mereka bersara pada umur 55–60 tahun. Ini selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh kerajaan dan IKIM menerima pakai pekeliling tersebut.
- 4.8 Pelarasan GCR terkumpul warga kerja IKIM dari tahun 2004 hingga 2022 melibatkan pengurangan kepada dana terkumpul. "Prior Year Adjustment" telah dibuat pada Penyata Kewangan Tahun 2020 dan 2021.

### 4.9 Dasar-Dasar Perakaunan Utama

- 4.9.1 Penyata Kewangan IKIM telah disediakan berdasarkan *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS), International Financial Reporting Standards (IFRS)* dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

- 4.9.2 Dasar-dasar perakaunan utama yang diterima pakai adalah konsisten seperti tahun kewangan sebelumnya. Dasar-dasar perakaunan baharu yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board (MASB)* yang diterima pakai oleh Institut tidak memberi kesan ketara kepada penyata kewangan Institut.

### 4.10 Cukai Pendapatan

- 4.10.1 Cukai pendapatan IKIM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM105,126 iaitu berhubung dengan caj cukai yang dikenakan ke atas pendapatan dividen daripada pelaburan komoditi murabahah.

4.10.2 Penyata Kewangan Beraudit IKIM bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit berkaitan dengannya telah dicadang untuk diterima oleh YBhg. Dato' Dr. Hussamuddin b. Hj. Yaacub dan disokong oleh Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din.

### 5. MEMILIH SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH SELARAS DENGAN FASAL 42, 44 DAN 46 PERLEMBAGAAN INSTITUT

- 5.1 Setiausaha memaklumkan pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke 31 ini, terdapat satu (1) orang Ahli Lembaga Pengarah lantikan Mesyuarat Agung yang akan tamat tempoh perkhidmatan iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman.
- 5.2 Sehubungan dengan itu, selaras dengan Fasal 42 Perlembagaan IKIM, Mesyuarat Agung mempunyai kuasa untuk memilih satu (1) orang Ahli Lembaga Pengarah dan tempoh memegang jawatan adalah selama tiga (3) tahun.
- 5.3 Mengikut Fasal 46 Perlembagaan IKIM, Ahli Lembaga Pengarah yang telah tamat tempoh adalah layak untuk pemilihan semula. Setiausaha telah menerima surat persetujuan daripada Ahli Lembaga tersebut untuk dipilih semula.
- 5.4 YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim membangkitkan isu kuota 1/3 pelantikan Ahli Lembaga Pengarah berdasarkan Fasal 46 Perlembagaan IKIM.
- 5.5 YBhg. Dato' Dr. Hussamuddin b. Hj. Yaacub mencadangkan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman dan disokong oleh Pn. Nur Hayati bt. Baharuddin sebagai calon Ahli Lembaga Pengarah.
- 5.6 YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim telah mencadangkan Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din sebagai calon bagi mengisi kekosongan jawatan Ahli Lembaga Pengarah tersebut tetapi pencalonan tersebut telah ditolak oleh Tuan Hj. Mohammad Sahar sebagai memberi laluan dan menghormati YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman.

- 5.7 Sehubungan dengan itu, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman menang tanpa bertanding dan dipilih semula sebagai Ahli Lembaga Pengarah IKIM bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu mulai 21 Jun 2023 sehingga Mesyuarat Agung Tahunan IKIM Kali Ke-32 pada tahun 2026.
- 6. MELULUSKAN PEMBAYARAN ELAUN AHLI LEMBAGA PENGARAH BERJUMLAH RM145,190.00 SETAHUN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**
- 6.1 Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din menyarankan bahawa elaun Ahli-ahli Lembaga Pengarah perlu disemak semula agar bersesuaian dengan peranan yang dimainkan/dipertanggungjawabkan oleh mereka. Pihak pengurusan sedang melihat perkara ini secara keseluruhan. Ia akan diperhalusi untuk dibawa ke Bajet 2024. Cadangan semakan semula elaun Ahli-ahli Lembaga Pengarah ini dicadang oleh YBhg. Dato' Dr. Hussamuddin b. Hj. Yaacub dan disokong oleh Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din.
- 6.2 Ahli-ahli institut bersetuju meluluskan pembayaran Elaun Ahli-ahli Lembaga Pengarah berjumlah RM145,190.00 setahun seperti yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022.
- 7. PELANTIKAN JURUAUDIT UNTUK AKAUN TAHUN KEWANGAN 2022**
- 7.1 YBhg. Dr. Ketua Pengarah memaklumkan berkenaan keperluan pelantikan juruaudit syarikat awam untuk kerja-kerja pengauditan di bawah Seksyen 271 Akta Syarikat 2016.
- 7.2 Pihak pengurusan mencadangkan firma Khairuddin Hasyudeen & Razi (KHR) yang telah menjalankan kerja-kerja perauditan dengan baik selama tiga (3) tahun dilantik semula sebagai Juruaudit IKIM bagi tahun kewangan 2023. Tempoh perkhidmatan adalah selama lima (5) tahun tertakluk kepada pertimbangan dan persetujuan Ahli-ahli institut dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- 7.3 Ahli-Ahli institut bersetuju dengan syor di perenggan 3.3, kertas pertimbangan itu. Syor pelantikan semula Juruaudit IKIM ini telah dicadang oleh YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim dan disokong oleh YBhg. Dato' Dr. Hussamuddin b. Hj. Yaacub.
- 8. PERBINCANGAN USUL**
- 8.1 Tiada usul diterima.
- 9. HAL-HAL LAIN**
- 9.1 Mengaktifkan Semula Ahli Kumpulan Pemikir Di Kalangan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Dan Ahli-ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Ketua Pengarah kerana telah mengadakan dialog berkenaan isu-isu semasa di kalangan Ahli Kumpulan Pemikir dan Ahli-ahli IKIM. Beliau berpendapat ia sangat bermanfaat dan berharap agar ia mungkin dapat diteruskan pada masa akan datang.
- 9.2 Transformasi IKIM
- YBhg. Dato' Dr. Hussamuddin b. Hj. Yaacub mencadangkan setelah 30 tahun, selain Radio IKIM, rakyat golongan biasa merasakan IKIM tidak merakyatkan masyarakat. Pelbagai penyelidikan telah dibuat tetapi tiada pelaksanaan.
- Sehubungan dengan itu, beliau menyarankan agar kerja-kerja penyelidikan itu dilaksanakan secara bekerjasama dengan universiti/institusi untuk melihat serta mengukur sejauh mana penggabungan ini dapat meningkatkan kefahaman Islam. IKIM harus dijadikan sebagai tempat pengumpulan data dalam usaha IKIM menjadi pemacu untuk pemikiran Islam. IKIM dan agensi kerajaan harus berubah untuk mengembangkan Islam, bukan mengawal Islam. IKIM disaran menggunakan formula ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Quran dan sunah untuk mengatasi masalah ekonomi. Seterusnya, IKIM mula diiktiraf serta mendapat penghormatan antarabangsa.

YBhg. Dato' Dr. Hussamuddin b. Hj. Yaacub turut mencadangkan agar diadakan program kefahaman Islam di peringkat antarabangsa dan di dalam negara dengan menggunakan al-Quran sebagai resolusi.

#### 9.3 Misi Menerangkan Islam Sebenar Kepada Orang Yang Bukan Islam

YBhg. Prof. Dato' Pengurus memaklumkan kajian yang telah dilaksanakan oleh YBhg. Datuk Prof. Taufiq Yap tentang sikap orang bukan Islam kepada orang Islam di Malaysia. Adalah didapati lebih 90% perspektif negatif mereka kepada amalan Islam yang dianut oleh orang-orang Islam di tanah air. Ini merupakan satu cabaran bagaimana cara untuk memindahkan resolusi dapatandapatkan ini kepada orientasi tindakan. IKIM perlu memikirkan bentuk program etnik di kalangan remaja Islam dan bukan Islam.

Selain menerangkan Islam yang sebenar, program-program mikro yang menerapkan aspek kemuliaan insan juga harus dilaksanakan kepada masyarakat bukan Islam.

#### 9.4 Insiden Bumbung Runtuh di Blok B, IKIM

Tuan Hj. Mohd Roslan b. Mohd Saludin meminta supaya dimaklumkan perkembangan terkini langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bangunan IKIM yang bernilai ini selamat untuk diduduki dan tidak mengancam warga kerja IKIM.

YBhg. Dr. Ketua Pengarah memaklumkan bahawa suatu ujian telah berlaku pada 31 Mei 2023 yang melibatkan runtuhnya bumbung di Blok B, Bangunan IKIM. Insiden yang diluar jangkaan ini terjadi disebabkan masalah struktur pada bumbung tersebut. Pihak pengurusan dan Jurutera IKIM telah membuat penelitian berkenaan insiden ini. Laporan insiden tersebut telah dimaklumkan kepada Ahli-ahli institut oleh Ir. Zaidi b. Mohamad, Jurutera seperti yang dilampirkan.

#### Senarai Kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan IKIM Ke-31 seperti yang berikut:

1. YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Nur Manuty
2. YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz
3. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil
4. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman
5. YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd. Hussain
6. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal
7. YBhg. Datuk Hj. Misnu b. Hj. Taha
8. YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob
9. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman
10. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron
11. YBhg. Prof. Datuk Dr. ChM. Ts. Taufik Yap Yun Hin
12. YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Abdul Rahman
13. YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim
14. YBhg. Prof. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin
15. YBhg. Datuk Dr. Hussamuddin b. Hj. Yaacub
16. YBhg. Prof. Dato' Dr. Abu Bakar b. Abdul Majeed
17. YBhg. Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah bt. Engku Ali
18. YBrs. Tuan Hj. Ahmad b. Berek
19. YBrs. Tuan Hj. Mohd Roslan b. Mohd Saludin
20. YBrs. Pn. Nur Hayati bt. Baharuddin
21. YBrs. Dr. Ir. Dr. Muhammad Fuad b. Abdullah
22. YBhg. Prof. Dr. Mohd Nazari b. Ismail
23. YBrs. Dr. Yusri b. Mohamad
24. YBrs. Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din
25. YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Noraini bt. Othman
26. YBhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Hakimi b. Mohd Shafiq
27. YBrs. Tuan Hj. Sakaria b. Semela

# SENARAI AHLI IKIM

Bil.	Nama	Tarikh Menjadi Ahli
1.	YBhg. Dato' Dr. Abdul Halim b. Hj. Ismail	4.3.1993
2.	YBhg. Dato' Abdul Jamil b. Mohd. Ali	4.3.1993
3.	YBhg. Tan Sri Mohd. Effendi b. Norwawi	4.3.1993
4.	YBhg. Ir. Hj. Arshad b. Hj. Marsidi	4.3.1993
5.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman b. Mahbob	4.3.1993
6.	YBhg. Datuk Dr. Hj. Noordin b. Hj. Abd. Razak	15.3.1993
7.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Mansor b. Hj. Salleh	22.3.1993
8.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Nor Mohamed b. Yakcop	22.3.1993
9.	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron	22.3.1993
10.	YBhg. Tan Sri Wan Azmi b. Wan Hamzah	14.4.1993
11.	YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abd. Shukor b. Hj. Husin	15.4.1993
12.	YBrs. Tuan Hj. Ahmad b. Berek	15.4.1993
13.	YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim	15.4.1993
14.	YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Ahmad b. Mohd. Yusof	15.4.1993
15.	YBhg. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty	27.4.1993
16.	YBhg. Dato' Hj. Muhammad Asri b. Hj. Abdullah	26.7.1993
17.	YBhg. Tan Sri Dato' Tajuddin b. Ramli	2.8.1993
18.	YBhg. Prof. Madya Dr. Balkis bt. Hj. Abu Bakar	15.4.1994
19.	YBhg. Datuk Alias b. Ali	25.1.1995
20.	YBrs. Pn. Hjh. Marina bt. Yusof	25.1.1995
21.	YBhg. Ir. Dr. Muhamad Fuad b. Abdullah	11.12.1998
22.	YBhg. Dato' Muhammad Redzuan b. Abdullah	9.8.1999

Bil.	Nama	Tarikh Menjadi Ahli
23.	YBhg. Tan Sri Datuk Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee b. Laidin	19.7.2000
24.	YBhg. Prof. Dr. Kasmini bt. Kassim	20.9.2000
25.	YBhg. Datuk Nik Mohamed Affandi b. Nik Yusoff	4.5.2001
26.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Abu Bakar b. Abdul Majeed	7.10.2002
27.	YBhg. Dato' Hajah Shamsuriah bt. Sulaiman	19.9.2003
28.	YM Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah bt. Engku Ali	2.5.2006
29.	YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman	1.10.2008
30.	YBrs. Tuan Hj. Mohd Roslan b. Mohd Saludin	29.5.2009
31.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi	9.10.2009
32.	YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz	22.12.2010
33.	YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Zaleha bt. Kamaruddin	14.11.2011
34.	YBhg. Prof. Dr. Syed Omar b. Syed Agil	14.11.2011
35.	YBhg. Prof. Dr. Mohd Nazari b. Ismail	22.11.2012
36.	YBhg. Dr. Yusri b. Mohamad	9.9.2016
37.	YBhg. Dato' Dr. Mohd Na'im b. Mokhtar	9.9.2016
38.	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman	12.5.2017
39.	YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Nooraini bt. Othman	12.5.2017
40.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Ariff b. Osman	12.5.2017
41.	YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob	20.4.2018
42.	YBhg. Dato' Ahmad Nazim b. Abd Rahman	7.6.2018
43.	YBrs. Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din	7.6.2018

Bil.	Nama	Tarikh Menjadi Ahli
44.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Shamrahayu bt. Ab. Aziz	7.6.2018
45.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin	17.8.2018
46.	YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin	15.5.2019
47.	YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain	5.9.2019
48.	YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal	5.9.2019
49.	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman	1.6.2020
50.	YBhg. Datuk Hj. Misnu b. Hj. Taha	19.6.2020
51.	YBhg. Sahibus Samahah Datu Hj. Kipli b. Hj. Yassin	1.9.2021
52.	YBrs. Tuan Hj. Muhammad b. Abdullah @ Nicholas Sylvester	1.9.2021
53.	YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi b. Abdullah	1.9.2021
54.	YBrs. Pn. Nur Hayati bt. Baharuddin	1.9.2021
55.	YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil	3.2.2022
56.	YBhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Hakimi b. Mohd Shafiq	28.4.2022

Bil.	Nama	Tarikh Menjadi Ahli
57.	YBrs. Tuan Hj. Sakaria b. Semela	27.10.2022
58.	YBhg. Prof. Madya Dr. Mariani bt. Abdul Majid	14.11.2022
59.	YBhg. Prof. Madya Dr. Danial b. Mohd Yusof	1.12.2022
60.	YBhg. Dr. Mohd Hapiz b. Mahaiyaddin	5.12.2022
61.	YBhg. Dato' (Dr.) Husammuddin b. Hj. Yaacub	2.6.2023
62.	YBhg. Prof. Dr. Zulkifli b. Hassan	20.7.2023
63.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Wahid Omar	13.7.2023
64.	YBhg. Dato' Indera Hj. Ab. Karim b. Hj. Ab. Rahman	18.7.2023
65.	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin b. Syed Mohamed Tahir	24.7.2023
66.	YBhg. Prof. Dr. Hamedi b. Mohd Adnan	26.7.2023
67.	YBhg. Prof. Dr. Mohd Affandi b. Mat Rani	6.9.2023
68.	YBhg. Prof. Datuk Seri Ir. Dr. Zaini b. Ujang	9.11.2023
69.	Tuan Hj. Sainuri b. Yahmin	9.11.2023

# MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah IKIM pada tahun berakhir 27 Disember 2023 telah bersidang sebanyak enam (6) kali iaitu pada 28 Februari 2023, 12 April 2023, 14 Jun 2023, 30 Ogos 2023, 25 Oktober 2023 dan 27 Disember 2023.

Senarai kehadiran mesyuarat untuk tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama	Bil. Hadir Mesyuarat Lembaga Pengarah
1.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Nur Manutu Pengerusi IKIM (8 Mei 2023 – Pengerusi Mesyuarat)	(3/4)
2.	YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz Timbalan Pengerusi IKIM (2 Januari 2023–7 Mei 2023: Pengerusi Mesyuarat)	(5/6)
3.	YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil Ketua Pengarah IKIM	(6/6)
4.	Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron Ahli	(5/6)
5.	Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob Ahli	(6/6)
6.	Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin Ahli	(5/6)
7.	Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof b. Hj. Othman Ahli	(6/6)
8.	Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain Ahli	(5/6)
9.	Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal Ahli	(5/6)
10.	Datuk Hj. Misnu b. Hj. Taha Ahli	(5/6)
11.	Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman Ahli	(3/6)

Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah membuat keputusan perkara-perkara yang diusulkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

## JAWATAN KUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

### 1. JAWATANKUASA PERJAWATAN & KEMAJUAN KERJAYA


Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abdul Aziz [Pengerusi](#)
- ii. YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil [Ahli](#)
- iii. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal [Ahli](#)
- iv. YBhg. Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin [Ahli](#)
- v. YBhg. Datuk Hj. Misnu b. Hj. Taha [Ahli](#)

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali, iaitu pada 15 Mac 2023, 9 Jun 2023, 27 September 2023 dan 22 Disember 2023. Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perjawatan dan Kemajuan Kerjaya (JPKK) sebanyak dua (2) kali iaitu pada 20 Februari 2023 dan 9 Ogos 2023.

Mesyuarat telah membincangkan perkara-perkara berikut:

- i. Cadangan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat, Pelantikan Jawatan Baharu, Pengisian Jawatan dan Pelantikan Baharu
- ii. Cadangan Pelanjutan Kontrak Fellow Kehormat IKIM dan Pelantikan Baharu Fellow Kehormat IKIM
- iii. Cadangan Penambahbaikan Pekeliling Sistem Penilaian Prestasi dan Borang LNPT
- iv. Cadangan Penambahbaikan Dasar dan Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian
- v. Cadangan Pelanjutan Tempoh Pinjaman, Pelanjutan Tempoh Pemangkuhan dan Penamatkan Tempoh Pemangkuhan.



- vi. Cadangan Temu Duga Berstruktur Bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional.
- vii. Cadangan Bayaran Elaun Penanggungan Kerja Kepada Pegawai-Pegawai IKIM.
- viii. Cadangan Temuduga Kenaikan Pangkat Pegawai
- ix. Cadangan Pengukuhan Struktur Organisasi di Bahagian/Unit IKIM
- x. Cadangan Pergerakan Gaji Tahunan Bagi Tahun 2023.
- xi. Cadangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bagi Tahun 2023.
- xii. Cadangan Pemberian Anugerah Khidmat Setia IKIM 2023.
- xiii. Cadangan Pemberian Anugerah Setia Cemerlang 25 Tahun.
- xiv. Cadangan Pemberian Anugerah Khas 30 Tahun IKIM.
- 2. JAWATANKUASA KEWANGAN, PELABURAN & AKAUN**
- Keahlian Jawatankuasa:
- YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman **Pengerusi**  
(Hingga Oktober 2023 – Faktor Kesihatan)
  - YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd. Hussain **Pengerusi**  
(Bermula November–Disember 2023)
  - YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abdul Aziz **Ahli**
  - YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil **Ahli**
  - YBhg. Datuk Hj. Misnu b. Hj. Taha **Ahli**
- Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali iaitu pada 8 Mac 2023, 6 Mac 2023, 30 November 2023 dan 20 Disember 2023.
- Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:
- Laporan Prestasi Kewangan Tahun 2023.
  - Laporan Kedudukan Portfolio Pelaburan Tahun 2023.
  - Pembentangan Pengurus Dana.
  - Laporan Kemajuan Penambahbaikan Perjanjian Pengurus Dana.
  - Laporan Portfolio dan Kepelbagaian Pelaburan.
  - Laporan Kemajuan Pelan Tindakan Inisiatif-Inisiatif Pendapatan.
  - Cadangan Menetapkan Dasar Tempoh Perjanjian Pengurusan Pelaburan.
  - Cadangan Mendapatkan Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Bawah Sub-Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.
  - Cadangan Pengurusan Wakaf di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
  - Cadangan Bajet IKIM Tahun 2024.

### 3. JAWATANKUASA AUDIT

Keahlian Jawatankuasa:

- i. Pn. Nur Hayati bt. Baharuddin [Pengerusi](#)
- ii. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman [Ahli](#)
- iii. YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abdul Aziz [Ahli](#)
- iv. YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain [Ahli](#)
- v. YBhg. Dato' Mohd Salleh b. Mahmud [Ahli](#)

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak lima (5) kali, iaitu pada 2 Februari 2023, 31 Mac 2023, 3 Julai 2023, 19 Oktober 2023 dan 18 Disember 2023.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti berikut:

- i. Pembentangan Perancangan Audit (Audit Plan) oleh Juruaudit Khairuddin Hasyudeen & Razi (KHR).
- ii. Pembentangan Perancangan Audit Tahunan.
- iii. Laporan Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan.
- iv. Laporan Status Penilaian Semula Harga Koleksi Tamadun Islam (KTI).
- v. Laporan Pengauditan Susulan Terhadap Koleksi Tamadun Islam (KTI).
- vi. Cadangan Piagam Audit Dalam.
- vii. Cadangan Rancangan Tahunan Audit Dalam 2023.
- viii. Kajian Semula Rancangan Audit Tahunan Bagi Tahun 2023.
- ix. Cadangan Pengauditan Terhadap Pengurusan Stor Tahun 2023.
- x. Cadangan Penambahbaikan Terma Rujukan Jawatankuasa Audit IKIM.

### 4. JAWATANKUASA TATATERTIB DAN DISIPLIN

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal [Pengerusi](#)
- ii. YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil [Ahli](#)
- iii. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman [Ahli](#)
- iv. YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin [Ahli](#)
- v. YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain [Ahli](#)

Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekiranya terdapat kes tatatertib melibatkan warga kerja IKIM dan pada tahun ini. Pada tahun 2023, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat satu (1) kali sahaja iaitu pada 10 November 2023.

Mesyuarat telah membincangkan perkara Ketidakpatuhan Kepada Ketua Terhadap Organisasi dan Kehadiran Lewat ke Pejabat.

### 5. JAWATANKUASA LEMBAGA TENDER IKIM

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin [Pengerusi](#)
- ii. YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil [Ahli](#)
- iii. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal [Ahli](#)
- iv. YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain [Ahli](#)
- v. YBrs. Ir. Dr. Muhamad Fuad b. Abdullah [Ahli](#)

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 13 Jun 2023 dan 24 November 2023.

Mesyuarat telah membincangkan perkara berikut:

- i. Cadangan melanjutkan Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan untuk dua (2) tahun bermula 1 Mac 2021 hingga 28 Februari 2023.
- ii. Cadangan Khas melanjutkan Kontrak Perkhidmatan Kajian Radio Audience Measurement (RAM) bagi Radio IKIM untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 1 Mac 2022 hingga 28 Februari 2025.

### 6. JAWATANKUASA LATIHAN

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman [Pengerusi](#)
- ii. YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil [Ahli](#)
- iii. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron [Ahli](#)
- iv. YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir b. Yaacob [Ahli](#)

Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekiranya terdapat permohonan daripada pegawai IKIM

untuk mengikuti program latihan jangka panjang dan latihan jangka sederhana. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 14 Mac 2023, 24 Ogos 2023 dan 12 Disember 2023.

Mesyuarat telah membincangkan perkara berikut:

- i. Cadangan Penambahbaikan Dasar Latihan IKIM.
- ii. Permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh Peringkat Doktor Falsafah En. Muhammad Mustaqim b. Malek, Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz, Rosmidzatul Azila bt. Mat Yamin dan Pn. Hafizah bt. Mohamed.

## **7. JAWATANKUASA KERJA PROJEK PEMBANGUNAN BERSEPADU IKIM**

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Ir. Dr. Muhamad Fuad b. Abdullah **Pengerusi**
- ii. YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adila **Ahli**
- iii. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd. Awal **Ahli**
- iv. YBhg. Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin **Ahli**
- v. YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir b. Yaacob **Ahli**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 8 Mei 2023, 11 Julai 2023 dan 23 Oktober 2023.

Mesyuarat telah membincangkan perkara berikut:

- i. Status Tanah IKIM di Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang dan cadangan untuk menujuhkan Pusat Latihan IKIM di Kuantan, Pahang.
- ii. Status Tanah IKIM di Menggatal, Kota Kinabalu Sabah dan cadangan pembinaan awal Pejabat IKIM Cawangan Sabah.

## **8. JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO**

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir b. Yaacob **Pengerusi**
- ii. YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil **Ahli**
- iii. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman **Ahli**
- iv. YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd. Hussain **Ahli**
- v. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof b. Hj. Othman **Ahli**
- vi. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron **Ahli**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 15 Mei 2023 dan 22 November 2023 manakala mesyuarat khas sebanyak satu (1) kali pada 2 Julai 2023.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Laporan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (JKPR).
- ii. Laporan Pencapaian Daftar Risiko dan Tahap Risiko IKIM.
- iii. Kesinambungan Perkhidmatan Siaran Radio IKIM.
- iv. Kedudukan Integriti IKIM.
- v. Maklum Balas Pelanggan IKIM.
- vi. Risiko Kepimpinan IKIM.

# RUMUSAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK 2021-2023

## RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK 2021-2023

Tahun 2023 merupakan tahun terakhir IKIM meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif dalam Pelan Strategik 2021-2023, yang menuntut komitmen berterusan warga kerja IKIM untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti ke arah kecemerlangan dalam mendepani cabaran fasa baharu yang didasari pelaksanaan meliputi usaha kolektif untuk fasa Pelan Strategik IKIM 2016–2020. Bagi memastikan gerak kerja pelaksanaan Pelan Strategik IKIM 2021–2023 menjadi lebih tersusun dan pemantauannya dilaksanakan secara berterusan, setiap ketua Teras Strategik telah mengadakan perbincangan bersama ahli teras masing-masing. Proses libat sama dengan semua peringkat warga kerja juga telah membantu dalam pencapaian Pelan Tindakan setiap teras yang dirangka. Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Pelan Strategik juga telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali pada tahun 2023 bagi memantau dan mengemas kini status pelaksanaan objektif strategik masing-masing dan pencapaian sasaran. Proses penilaian dan pemantauan Pelan Strategik ini dilaksanakan semasa pembentangan Mesyuarat Kajian Semakan Pengurusan (MKSP) IKIM, kerana objektif Strategik adalah selari dengan KPI Tahunan IKIM yang diukur dan dinilai dua (2) kali setahun. Sebanyak sepuluh (10) Teras Strategik dan empat puluh satu (41) objektif strategik pada tahun 2021–2023 seperti berikut:



### TERAS 1

#### Penyelidikan dan Perundingan Bermanfaat

Ketua Teras 1

**Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen  
b. Shaikh Mohd Salleh**

##### Objektif Strategik:

- i. Memastikan kelangsungan pasukan penyelidik bertaraf antarabangsa
- ii. Menjalankan penyelidikan yang menetapati Maqasid Syariah
- iii. Memanfaatkan jaringan kerjasama strategik dalam penyelidikan dan perundingan
- iv. Menjadi sumber rujukan di peringkat tertinggi dalam bidang kepakaran masing-masing



### TERAS 2

#### Kecemerlangan Program Akademik, Perundingan & Latihan

Ketua Teras 2

**Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran**

##### Objektif Strategik:

- i. Memperkasakan program akademik dan latihan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- ii. Menyebarluaskan hasil program Akademik kepada pihak berkepentingan
- iii. Meningkatkan kefahaman Islam melalui program Akademik dan latihan
- iv. Memantapkan kualiti perkhidmatan program Akademik dan latihan



### TERAS 3 Penerbitan Karya yang Bermutu

Ketua Teras 3  
**Dr. Mohd Zaidi b. Ismail**

Objektif Strategik:

- i. Peningkatan kualiti karya bercetak (buku)
- ii. Penerokaan olahan karya yang sesuai dengan perkembangan zaman
- iii. Pelestarian sumber sedia ada dalam proses penerbitan buku supaya dapat mendepani cabaran penerbitan terkini



### TERAS 4 Pemerkasaan Pengurusan Perpustakaan dan Pengarkiban

Ketua Teras 4  
**Dr. Mohd Zaidi b. Ismail**

Objektif Strategik:

- i. Pengukuhan koleksi perpustakaan
- ii. Pengarkiban bahan asal (*primary materials*) untuk memelihara *institutional memory* di IKIM
- iii. Pemantapan pengurusan, pemuliharaan dan penyelenggaraan Koleksi Khas Tamadun Islam (khasnya buku nadir) untuk memastikan kelestariannya
- iv. Penyebaran akses dan capaian maklumat digital
- v. Promosi koleksi perpustakaan
- vi. Penambahbaikan infrastruktur dan infostruktur



### TERAS 5 Pengukuhan Penyiaran

Ketua Teras 5  
**Dr. Mohd Sani b. Badron**

Objektif Strategik:

- i. Pengukuhan penarafan penyiaran dan kedudukan Radio IKIM dan tvIKIM
- ii. Peningkatan jumlah pengunjung ke laman web digital Media IKIM
- iii. Mempergiatkan promosi penjenamaan Radio dan tvIKIM



### TERAS 6 Pengukuhan Penjenamaan

Ketua Teras 6  
**Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil**

Objektif Strategik:

- i. Mengukuhkan imej IKIM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- ii. Kelestarian capaian maklumat mengenai IKIM



**TERAS 7**  
**Tadbir Urus Cemerlang**

Ketua Teras 7  
**Pn. Sapuah bt. Hj. Nawawi**

Objektif Strategik:

- i. Pengukuhan perkhidmatan yang berkualiti mengikut standard yang telah ditetapkan
- ii. Pengukuhan Integriti di IKIM
- iii. Pengukuhan Prosedur /Arahan Kerja / Dasar/Polisi /Peraturan dan Sistem Kerja di IKIM
- iv. Pengukuhan keselamatan di IKIM
- v. Pengukuhan dalam Pengurusan Aset di IKIM



**TERAS 8**  
**Pembangunan Modal Insan Berprestasi Tinggi**

Ketua Teras 8  
**Pn. Sapuah bt. Hj. Nawawi**

Objektif Strategik:

- i. Pengukuhan struktur organisasi dan perjawatan (Akademik, Pentadbiran, Penyiaran dan Pemasaran)
- ii. Pengukuhan dalam Sistem pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat dan persaraan
- iii. Memperkuuh kompetensi Modal Insan untuk menjadi lebih dinamik dan responsif dengan perubahan persekitaran
- iv. Pelestarian pengurusan bakat, kepakaran dan kerjaya
- v. Pemantapan sistem penilaian prestasi
- vi. Pemantapan faedah dan kebajikan warga kerja IKIM



**TERAS 9**  
**Pengukuhan Kewangan dan Pemasaran**

Ketua Teras 9  
**Pn. Hajah Nafiza bt. Mohd Khir Hadi**

Objektif Strategik:

- i. Kemampunan Hasil
- ii. Berdaya Tahan
- iii. Kecekapan pengurusan kewangan



**TERAS 10**  
**Pengukuhan ICT**

Ketua Teras 10  
**Pn. Sapuah bt. Hj. Nawawi**

Objektif Strategik:

- i. Mewujudkan sistem pengurusan maklumat dan infrastruktur yang berkualiti bagi menambah baik sistem pengurusan maklumat sedia ada
- ii. Meningkatkan integrasi pengurusan maklumat dan mewujudkan pusat maklumat sehenti
- iii. Mengukuhkan penggunaan ICT yang mesra pengguna dan memenuhi keperluan pengguna
- iv. Meningkatkan kualiti, perkhidmatan ICT dan memastikan keselamatan, kesihihan dan kesediaan data sistem maklumat IKIM terjamin
- v. Meningkatkan kesedaran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan warga IKIM

Pelan Strategik merupakan salah satu pendekatan untuk mencapai kecemerlangan IKIM. Ia dilaksanakan melalui proses penetapan hala tuju, pengenalpastian isu-isu strategik serta penggubalan strategi-strategi ke arah pencapaian objektif IKIM yang disasarkan.

Bagi memastikan setiap warga IKIM memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh tiga (3) tahun ini, strategik dan pelan tindakan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula. Penilaian pencapaian Pelan Strategik ini dijalankan pada setiap tahun. Untuk menentukan keberkesaan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, satu kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesaan akan dilaksanakan pada 2024. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baharu perubahan persekitaran dan tumpuan strategik.

Untuk kekal relevan, organisasi perlu sentiasa memberikan perkhidmatan yang bertepatan dengan kehendak pelanggan dan *stakeholders*. Kejayaan sesebuah organisasi bergantung pada strategi pengurusan menentukan hala tuju strategik yang jelas. Oleh itu, perancangan pelan strategik merupakan eleman utama untuk terus melangkah ke hadapan dengan teratur serta penuh kejayaan.

Pelan Strategik IKIM 2021–2023 merupakan rujukan kolektif yang memandu gerak kerja organisasi secara holistik untuk tempoh tiga tahun ke hadapan. Hasil pemuaafakan dan usaha kolektif inilah yang akan menentukan kejayaan IKIM mencapai VISI untuk menjadi institusi utama kefahaman Islam bertaraf antarabangsa.



## **BAB 1**

# PENYELIDIKAN

## BAB 1

# PENYELIDIKAN

Penyelidikan ialah aktiviti teras utama bagi IKIM. Atas sebab itu, IKIM memberikan penumpuan terhadap usaha memperkasakan penyelidikan dalam pelbagai bidang dan memastikan agar penyelidikan yang dijalankan memberikan impak yang besar kepada negara. Pada waktu yang sama, IKIM turut dirujuk di peringkat tertinggi dalam bidang-bidang kepakarannya.

Bagi memperkemaskan gerak kerja penyelidikan di IKIM, Lembaga Pengarah IKIM telah bersetuju dengan penubuhan Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU). Secara rasminya, RMU telah beroperasi pada 2 Februari 2023. RMU berperanan untuk memperkasa aktiviti penyelidikan di IKIM dalam usaha mencapai objektif-objektif yang berikut:

- i. Mengurus projek penyelidikan di IKIM secara profesional dan berintegriti.
- ii. Memupuk dan memperkasa budaya penyelidikan dalam kalangan ahli akademik IKIM.
- iii. Mengenal pasti sumber-sumber dana luar bagi menjalankan penyelidikan di IKIM.
- iv. Menyediakan khidmat sokongan bagi aktiviti penyelidikan di IKIM.
- v. Menjadi pusat sehenti bagi data dan maklumat berkaitan penyelidikan di IKIM.

Output aktiviti penyelidikan dijadikan kertas polisi, penerbitan buku, laporan penyelidikan, artikel jurnal, hebahan dan perkongsian di Radio IKIM serta penulisan di akhbar-akhbar tempatan. Bagi mempertingkatkan keberhasilan (*outcome*) penyelidikan IKIM, usaha giat dijalankan untuk memastikan agar dapatkan penyelidikan IKIM yang berkaitan dan relevan dapat menyumbang ke arah pembentukan dasar negara, kemas kini fatwa sedia ada, pembangunan standard Malaysia dan pindaan undang-undang.

Penyelidikan di IKIM digerakkan oleh tiga Pusat Akademik, iaitu Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK), Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) serta Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS). Keseluruhananya bagi tahun 2023, terdapat 14 projek penyelidikan yang berjalan pada pelbagai peringkat pelaksanaan iaitu 6 projek di bawah penyelaras SYARAK, 4 projek di bawah penyelaras EMAS dan 4 lagi projek di bawah penyelaras KIAS. Projek-projek ini melibatkan seramai 23 orang ahli penyelidik daripada IKIM dan 30 orang ahli penyelidik daripada 15 institusi dan organisasi luar IKIM. Rangkuman projek penyelidikan IKIM mengikut pusat yang berjalan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

## SYARAK

Bil.	Projek	Status	Catatan
1.	Piagam Harmoni Malaysia	Sedang berjalan	Projek untuk menghasilkan satu piagam yang berdasarkan Piagam Madinah dan Rukun Negara bagi memenuhi keperluan hubungan antara agama dan kaum di Malaysia.
2.	Kajian Tahap Kefahaman Penjawat Awam tentang Hak Asasi	Sedang berjalan	Projek untuk meninjau persepsi dan kefahaman anggota penjawat awam terhadap isu-isu hak asasi.
3.	Edisi Baharu Ahmad Ibrahim: Sahsiah, Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah	Sedang berjalan	Projek untuk menghasilkan edisi baharu buku berkenaan Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad b. Mohamed Ibrahim.
4.	Kaedah Fiqah dalam Alasan Penghakiman Mahkamah Syariah: Analisis Terhadap Kes-kes Mal	Sedang berjalan	Projek ini melihat kepada kes-kes mal di mahkamah syariah bagi mengenal pasti kaedah fiqah yang diguna pakai dalam penghakiman yang dikeluarkan.

Bil.	Projek	Status	Catatan
5.	Soal Jawab Kefahaman Islam (Fasa 2)	Sedang berjalan	Projek untuk menjawab persoalan-persoalan yang timbul berkenaan tiga aspek iaitu: i. Akidah dan pemikiran, ii. Akhlak dan tasawuf, dan iii. Isu hak asasi manusia semasa.
6.	Kajian Keberkesanan Fatwa di Malaysia: Analisa Perundangan dan Kewibawaan Anggota Fatwa	Tamat	Projek ini telah selesai dengan mengemukakan beberapa pemerhatian dan cadangan berkenaan keanggotan fatwa. Usaha sedang dibuat untuk mengangkat cadangan-cadangan ini kepada pihak berautoriti bagi tujuan pemakluman dan penambahbaikan.

**EMAS**

Bil.	Projek	Status	Catatan
1.	Indeks Literasi Kewangan Islam dalam Kalangan Muslim di Malaysia	Sedang berjalan	Projek kerjasama dengan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).
2.	<i>Praiseworthy Leadership: Towards Success Built to Last</i>	Sedang berjalan	Projek rentas pusat (melibatkan SYARAK dan KIAS) bagi menyediakan modul latihan berkenaan kepimpinan bagi pengurusan kejayaan yang lestari.
3.	Etika dan Amalan Terbaik Pengiklanan Patuh Syariah: Satu Kajian Konseptual	Sedang berjalan	Projek untuk menghasilkan cadangan etika pengiklanan yang memenuhi keperluan syariah.
4.	Kajian Konseptual Potensi Penggunaan Wakaf Zurri sebagai Satu Instrumen Perancangan Pewarisan Kontemporari	Sedang berjalan	Projek diberi dana oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk melihat potensi wakaf zurri sebagai sebuah instrumen kewangan Islam untuk dimanfaatkan.

**KIAS**

Bil.	Projek	Status	Catatan
1.	Kefahaman dan Penerimaan Mahasiswa Muslim terhadap Sains dan Teknologi	Sedang berjalan	Projek ini merupakan usaha untuk mengenal pasti sejauh mana mahasiswa Muslim di universiti menerima bidang sains dan teknologi sebagai satu usaha penting dalam Islam.
2.	Kefahaman tentang Kreativiti dan Inovasi dari Perspektif Islam dalam Kalangan Mahasiswa Muslim	Sedang berjalan	Projek ini mengkaji aspek penerapan dan pembudayaan kreativiti dan inovasi dalam kalangan mahasiswa Muslim.
3.	<i>Artificial Intelligence: Ethical Framework from an Islamic Perspective</i>	Sedang berjalan	Projek ini dijalankan bagi melihat kesediaan umat Islam dalam menghadapi penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dari sudut etika dan nilai agama.
4.	<i>Shariah-Compliant Islamic Medical Service Standard Framework for Health Providers in Malaysia</i>	Tamat	Projek ini telah selesai dengan mengemukakan cadangan supaya satu standard dibangunkan untuk menalaraskan skop dan istilah berkaitan perkhidmatan perubatan dan kesihatan patuh syariah. Cadangan ini telah dimajukan kepada Jabatan Standard Malaysia (JSM) yang menyambut baik syor IKIM tersebut. Perbincangan dengan JSM sedang berjalan ke arah melihat kebolehlaksanaan cadangan pembentukan standard tersebut.

## RINGKASAN MAKLUMAT PENYELIDIKAN TAHUN 2023



**14**

PENYELIDIKAN  
AKTIF PADA  
TAHUN 2023

**3**

PUSAT AKADEMIK:  
SYARAK, EMAS &  
KIAS

**23**

PENYELIDIK  
IKIM

**15**

RAKAN KERJASAMA  
DARIPADA  
INSTITUSI LUAR

**30**  
PENGLIBATAN  
PENYELIDIK  
LUAR

**10**

MoU KERJASAMA  
AKADEMIK

**1**

HASIL PENYELIDIKAN  
DIDAFTARKAN HAK  
CIPERA

## RAKAN STRATEGIK PENYELIDIKAN TAHUN 2023



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*



UTP  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
PETRONAS



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



UNIVERSITI  
MALAYA



UTP  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
PETRONAS



UMS  
UNIVERSITI  
MALAYSIA SABAH



UniKL  
UNIVERSITI  
KUALA LUMPUR



Unisza  
UNIVERSITI  
SULTAN ZAINAL ABIDIN



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



PNB  
Permodalan Nasional Berhad

Microsoft



**BAB 2**  
**PROGRAM**  
**AKADEMIK DAN**  
**LATIHAN**

## BAB 2

# PROGRAM AKADEMIK DAN LATIHAN

### PROGRAM DAN LATIHAN IKIM

Unit Program dan Latihan IKIM menganjurkan program akademik dan latihan untuk masyarakat umum, kerajaan dan pihak swasta. Objektif pengajian program IKIM adalah untuk berusaha ke arah pengendalian program secara berkualiti melalui pengurusan sumber yang cekap dan memberikan perkhidmatan sokongan menguruskan program-program akademik dan latihan IKIM.

Pada tahun 2023, IKIM telah berjaya menganjurkan 25 program akademik yang terdiri daripada lapan (8) persidangan, seminar atau webinar, enam (6) program wacana atau syarahan, dua (2) simposium, empat (4) muzakarah pakar, satu (1) forum, satu (1) kem dan tiga (3) kursus/bengkel.

Antara rakan kerjasama dalam negara yang turut menjayaikan program IKIM termasuklah Bank Islam Malaysia, Pusat Pungutan Zakat-MAIWP (PPZ MAIWP), Hospital Al-Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Yayasan Dakwah Islamiah, Majlis Ugama Islam Sabah dan beberapa lagi organisasi lain. Sementara itu, rakan kerjasama dari luar negara seperti International Islamic Academy Uzbekistan, Imam Bukhari International Scientific Research Centre (IBISRC), Uzbekistan dan Centre for Islamic Civilization, Uzbekistan.

Antara program akademik yang dilaksanakan di IKIM sepanjang tahun 2023 termasuklah program seperti yang berikut:

### 1. BENGKEL

#### **Islam dan Amalan Penyelidikan Beretika**

Program ini telah diadakan pada 14–15 Februari 2023. Bengkel ini dianjurkan buat kali keempat bagi memberikan pendedahan dan kesedaran berkenaan dengan amalan penyelidikan yang beretika, iaitu:

- i. Perspektif Islam mengenai kepentingan amalan penyelidikan beretika.
- ii. Ekosistem dan pihak berkepentingan dalam penyelidikan.
- iii. Pelanggaran etika penyelidikan.
- iv. Etika pengurusan data penyelidikan.
- v. Etika penerbitan dan penulisan hasil penyelidikan.
- vi. Pembudayaan amalan penyelidikan beretika.

Bengkel ini disertai oleh seramai 24 orang peserta yang daripada pelbagai latar belakang. Peserta terdiri daripada penyelidik, pensyarah dan pelajar pascasiswazah daripada institusi-institusi yang berikut:

- i. Universiti Malaya
- ii. Universiti Kebangsaan Malaysia
- iii. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- iv. Universiti Teknologi MARA
- v. Universiti Malaysia Sabah
- vi. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
- vii. Universiti Poly-Tech Malaysia
- viii. KPJ Healthcare College
- ix. Institut Tadbiran Awam Negara
- x. Institut Kefahaman Islam Malaysia

Bengkel “Islam dan Amalan Penyelidikan Beretika” ini penting dalam usaha memastikan agar penyelidikan yang dijalankan mengikut tatacara yang sepatutnya bukan sahaja berasaskan perspektif etika konvensional malahan dari sudut pandang etika Islam. Berdasarkan maklum balas

yang diterima daripada peserta yang menyertai bengkel ini, adalah dicadangkan supaya bengkel ini dilaksanakan secara berkala dari semasa ke semasa bagi tujuan memberikan kesedaran berterusan tentang amalan penyelidikan beretika dari perspektif Islam.



Sesi gerak kerja berkumpulan dan pembentangan dalam kumpulan adalah antara atur cara dalam bengkel tersebut.



YBrs. Dr Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh sebagai penyelaras, bergambar bersama-sama para peserta bengkel pada akhir sesi “Bengkel Islam dan Penyelidikan Beretika.”

## 2. FOCUS GROUP DISCUSSION 1 & 2

### **The Building Bridges Series: Focus Group Discussion 1 & 2 “Upholding Human Dignity For Peaceful Coexistence: Principles And Prerequisites”**

Program ini telah diadakan sebanyak dua kali, iaitu pada 18 Januari dan 1 Mac 2023. Antara objektif program ini adalah seperti yang berikut:

- i. *To explain and examine the significant role of religion in peace-making and the importance of upholding human dignity in a multicultural society.*
- ii. *To analyse the various religious traditions and perspectives on human dignity and unpack from the various traditions the resources that would effectively contribute to mutual peaceful co-existence towards a just, harmonious and prosperous society.*
- iii. *To identify current challenges faced in the aspects of creating a harmonious and peaceful society in the context of Malaysia.*

Senarai panel pembentang pada program FGD 1 (18 Januari 2023) adalah seperti yang berikut:

- i. Dr. Nik Roskiman Abd Samad, Senior Fellow, Centre for the Study of Shariah, Law and Politics, IKIM.
- ii. Prof. Cole Durham, Centre for Law and Religion, Brigham Young University, Utah, USA (Recorded).
- iii. Prof. Dr. Syed Muhammad Khairuddin Al Junied, Professor, Universiti Brunei Darussalam, (Recorded).
- iv. Rev. Dr. Joseph Kumar, Seminari Teologi Malaysia.
- v. Tuan Hj. Badlishah Sham Baharin, UID Sejahtera/ IKRAM.

Senarai panel pembentang pada program FGD 2 (1 Mac 2023) adalah seperti yang berikut:

- i. Dr. Chong Siaw Fung, Seminari Teologi Malaysia.
- ii. Mr. KV Soon, International Network of Engaged Buddhism (INEB).
- iii. Madam Gowri PS Thangaya, Former Secretary General MCCBCHST.
- iv. Assoc. Prof. Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah, RZS CASIS-UTM.



YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan alu-aluan semasa program The Building Bridges Series: "Upholding Human Dignity For Peaceful Coexistence: Principles And Prerequisites."

Antara peserta daripada pelbagai latar belakang turut hadir dalam FGD tersebut yang diadakan di Dewan Besar, IKIM.

### 3. PERSIDANGAN MEJA BULAT

#### Hak Dan Tanggungjawab Penjaga Warga Emas Menurut Perspektif Islam

Persidangan ini telah diadakan pada 14 Mac 2023. Persidangan ini diadakan bagi mencapai matlamat yang berikut:

- i. Meneroka perspektif penjaga warga tua dalam konteks Islam, budaya dan negara.
- ii. Mengenal pasti cabaran, hak dan peluang berkaitan penjaga warga tua yang boleh diketengahkan di peringkat kebangsaan
- iii. Mencadangkan pendekatan-pendekatan yang dapat mengukuhkan sistem sokongan sosial dan pembangunan negara bagi mencapai matlamat Dasar Warga Emas Negara.

Seramai enam orang panel, telah dijemput untuk membentang kertas kerja ini, iaitu:

- i. Pn. Nur Syahidah bt. Abdul Jalil/ Dr. Muhammad Hisyam b. Mohamad, Fellow/ Fellow Kanan, IKIM.
- ii. YBhg. Sahibus Samahah Tuan Hj. Jamali b. Mohd Adnan, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan.
- iii. YM Prof. Dato' Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid, Fellow Penyelidik, Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (UPM)
- iv. YBhg. Prof. Dr. Tan Maw Pin, Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM)

- v. YBhg. Prof. Madya Dr. Khadijah bt. Alavi, Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia (Psitra), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- vi. YBrs. Pn. Hezleen bt. Hassan, Pengarah, Bahagian Warga EMAS, Jabatan Kebajikan Masyarakat

Antara perkara yang dapat disimpulkan dalam seminar ini adalah seperti yang berikut:

- i. Tema "penjaga" dalam persidangan ini lebih dibayangi dengan isu-isu berkaitan dengan "penjagaan" warga emas baik oleh panel dan juga para peserta. Oleh itu, isu-isu yang banyak ditimbulkan adalah berkaitan dengan birokrasi dan strategi ke arah mewujudkan pelan penjagaan jangka panjang warga emas di Malaysia.
- ii. Aspek "penjaga" yang dibincangkan dalam persidangan ini juga lebih terarah kepada penjaga dalam konteks pengendali pusat jagaan warga emas berbanding individu. Ini disumbangkan oleh penyertaan ramai pengendali pusat jagaan warga emas sebagai peserta.
- iii. Antara isu penting yang perlu ditangani dalam skop perbincangan yang akan datang adalah tentang dana dan bantuan kewangan kepada penjaga/pengendali rumah jagaan warga emas. Ketika ini, dana yang diperuntukkan oleh kerajaan adalah terhad.



YBrs. Dr. Muhammad Hisyam Mohamad selaku moderator sesi bersama-sama para pembentang.

#### 4. PERSIDANGAN MEJA BULAT

##### **“Berkenaan Kunjungan Ke Rumah Ibadat”**

Persidangan Meja Bulat ini telah diadakan secara tertutup pada 11 April 2023 di Dewan Besar IKIM.

Antara panel pembentang termasuklah:

- i. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.
- ii. Prof. Madya Dr. Ahmad Sanusi Azmi, Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, USIM.
- iii. Prof. Madya Dr. Haslina Ibrahim, Timbalan Dekan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM.
- iv. Dr. Muhammad Ayman Al-Akiti, Penolong Profesor, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM



Para panel pembentang bergambar kenang-kenangan bersama para peserta di Persidangan Meja Bulat (Tertutup) “Berkenaan Kunjungan Ke Rumah Ibadat”.



Sesi pembentangan duduk dari kiri, Dr. Nik Roskiman Abdul Samad, Fellow Kanan Pusat SYARAK, IKIM (moderator), Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dr. Ahmad Sanusi Azmi, Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, USIM, Prof. Madya Dr. Haslina Ibrahim, Timbalan Dekan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM dan Dr. Muhammad Ayman Al-Akiti, Penolong Profesor, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM sempena Persidangan Meja Bulat (Tertutup) “Berkenaan Kunjungan Ke Rumah Ibadat”.

## 5. KURSUS

### 3-Day Course Thinking With Wisdom

Kursus 3-Day Thinking with Wisdom telah diadakan pada 9–11 Mei 2023 di Dewan Besar, IKIM. Program ini merupakan kali kedua telah ditawarkan kepada orang ramai. Program sebelum ini telah berjaya diadakan pada 15–17 November 2022. Kursus enam modul itu terdiri daripada kuliah dan sesi tutorial interaktif yang setiap satunya diketuai oleh ahli akademik IKIM.

Antara modul yang ditawarkan termasuklah *Man & Mind in Islam* (Dr. Mohd Sani b. Badron); *The Knowing and Thinking Mind* (Dr. Mohd Zaidi b. Ismail); *The Logical Mind* (Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran); *The Dialectical Mind* (Md. Asham b. Ahmad); *The Prospective Mind* (Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad); dan *The Strategic Mind* (Dr. Muhammad Husni b. Mohd Amin)

Modul telah dibentangkan sepanjang 3 hari dengan 2 modul setiap hari dan diikuti dengan modul tutorial yang dikendalikan oleh Dr. Muhammad Syafiq b. Borhanuddin. Seramai 30 orang peserta telah mendaftar untuk program tersebut sama ada secara individu atau berkumpulan. Para peserta terdiri daripada 25 orang peserta dari Singapura, manakala empat orang peserta dari Malaysia. Peserta yang datang daripada pelbagai latar belakang dan institusi termasuk kolej, institusi latihan dan profesional badan, sekolah dan syarikat yang terdiri daripada ahli akademik (3), profesional (25), dan lain-lain (2).

Objektif kursus ini adalah seperti yang berikut:

- i. Memahami hakikat berfikir dan imaginasi.
- ii. Menguasai kemahiran berfikir secara bertadabbur dan berstrategi melalui penguasaan kendiri dan pertimbangan akibat keputusan secara mantiqi.
- iii. Melatih kemahiran memanfaatkan kepintaran yang dikongsi bersama melalui kaedah bersistem *al-bahath wa'l-munazarah*.



YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bersama-sama pembentang dan peserta pada hari pertama kursus *Thinking With Wisdom*.



YBrs. Dr. Muhammad Husni selaku penyelaras program, menggalakkan kehadiran peserta ke kursus *Thinking With Wisdom* tersebut yang diadakan selama tiga hari di Dewan Besar IKIM.

## 6. MUZAKARAH TERTUTUP

### Polemik Kalimah “Allah” Pendekatan Harmoni Membina Masyarakat Madani

IKIM dengan kerjasama JAKIM telah menganjurkan muzakarah tertutup berkenaan isu dan polemik penggunaan kalimah “Allah” pada 15 Jun 2023, di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Muzakarah tertutup ini diadakan ekoran daripada penarikan balik oleh pihak kerajaan (melalui Kementerian Dalam Negeri) terhadap kes rayuan semakan di Mahkamah Tinggi yang menimbulkan pelbagai pertikaian dan perbahasan. Muzakarah IKIM-JAKIM ini adalah untuk menetapkan satu pendirian bersama dalam menjaga kesucian kalimah “Allah” agar tidak disalah gunakan dan dipergunakan serta berusaha menghilangkan kekeliruan masyarakat pelbagai latar belakang terhadap isu ini. Resolusi muzakarah ini turut dimajukan sebagai input kepada Sekretariat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI). Justeru itu, isu ini perlu diselesaikan secara dalaman dengan satu pendirian tegas diambil dalam masa yang sama memelihara keharmonian masyarakat dengan satu harapan agar satu dasar dan panduan khusus dikuatkuasakan berkenaan perkara ini terutamanya oleh pihak berautoriti tertinggi negara agar kesucian nama “Allah” diangkat selayaknya, tidak dipergunakan dan tidak diperdebatkan lagi sama ada menyentuh kefahaman, penggunaan, pentadbiran atau perundangan di Malaysia.



Para pembentang Muzakarah Tertutup Polemik Kalimah “Allah” Pendekatan Harmoni Membina Masyarakat Madani bersama-sama moderator, YBrs. Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran.

Program ini dianjurkan bagi memenuhi objektif-objektif berikut:

- i. Membincangkan kedudukan kalimah Allah dari pelbagai dimensi.
- ii. Menjernihkan penggunaan kalimah Allah di Malaysia.
- iii. Mendapatkan maklum balas penggunaan kalimah Allah dan cadangan penggunaan kalimah Allah oleh golongan bukan Islam.

Muzakarah ini telah dihadiri oleh 30 orang peserta dari pelbagai agensi dan institusi seperti Pejabat Mufti, JAKIM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Akademi Islam Universiti Malaya (UM).

Dalam persidangan meja bulat ini, empat orang pembentang telah dijemput dalam membincangkan topik berkenaan berdasarkan kepakaran masing-masing:

- i. YBhg. Prof. Dato' Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.
- ii. YBhg. SS Datuk Dr. Luqman b. Hj. Abdullah-Mufti Wilayah Persekutuan.
- iii. YBhg. SS Datuk Hj. Bungsu @ Aziz b. Hj. Jaafar-Mufti Kerajaan Negeri Sabah.
- iv. YBrs. Dr. Mohd Sani Badron-Pengarah, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, IKIM.



Antara peserta yang turut hadir dalam Muzakarah Tertutup Polemik Kalimah “Allah” Pendekatan Harmoni Membina Masyarakat Madani.

## 7. SIMPOSIUM

### International Symposium On “Upholding Human Dignity For Peaceful Coexistence”

Program Ini diadakan pada 5–6 Julai 2023 bertempat di The Grand Ballroom, Seri Pacific Hotel. Program ini merupakan kerjasama antara IKIM dengan Brigham Young University, UID Sejahtera dan Seminari Teologi Malaysia. Objektif program ini adalah seperti yang berikut:



YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Pengurus IKIM menyampaikan ucapan alu-aluan semasa program International Symposium On “Upholding Human Dignity for Peaceful Coexistence” pada 5 Julai 2023.

- i. Unpacked and expand the points of convergence on human dignity raised at the two focus groups discussions towards a coherence understanding of the concept of human dignity as foundational to the different aspects of Malaysian life.
- ii. Raise fresh and new ideas on human dignity as it relates to the different aspects of Malaysian life and examine ways in which it may be expressed in positive actions and outcomes



YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Pengurus IKIM, bergambar kenang-kenangan bersama para peserta International Symposium on “Upholding Human Dignity for Peaceful Coexistence.”

## 8. SYARAHAN KHAS

### “Mitigating Environmental Degradation: Muslims’ Strategic Roles For Human Well-Being And Planetary Stability”

Program Syarahan Khas oleh YBrs. Dr. Daud Batchelor, Fellow Pelawat IKIM bertajuk *Mitigating Environmental Degradation: Muslims’ Strategic Roles For Human Well-Being And Planetary Stability*

kepada lebih 100 orang pelajar telah berlangsung di Dewan Kuliah Universiti Teknologi Petronas (UTP) pada 19 September 2023.

Selepas syarahan khas tersebut, YBrs. Dr. Daud Batchelor dan delegasi IKIM mengadakan pertemuan ringkas dengan Naib Canselor UTP, Profesor Ts. Dr. Mohamed Ibrahim b. Abdul Mutalib, di perkarangan Perpustakaan atau Information Resource Centre, UTP.



YBrs. Dr. Daud Batchelor, Fellow Pelawat IKIM menyampaikan syarahan yang bertajuk “Mitigating Environmental Degradation: Muslims’ Strategic Roles For Human Well-Being and Planetary Stability”



YBrs. Dr. Daud Batchelor turut mengadakan pertemuan ringkas dengan Naib Canselor UTP, Profesor Ts. Dr. Mohamed Ibrahim b. Abdul Mutalib.

## 9. KEM

### Program Kem Ekologi IKIM – Lestari UKM 2023

Program ini diadakan pada 21-23 September 2023. Lokasi penganjuran Kem Ekologi IKIM – LESTARI UKM 2023, melibatkan kawasan di sekitar Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL – ALAF), Taman Eko Rimba Telaga Tujuh dan Kilim Karst Geoforest Park. Pemilihan lokasi-lokasi ini mengambil kira kedudukannya yang strategik dikelilingi kepelbagaiannya ekosistem dan warisan budaya khususnya di dalam latar UNESCO Global Geopark. Ia telah memberi ruang yang maksimum kepada tenaga pengajar untuk pengisian modul yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Penganjuran Kem Ekologi IKIM – LESTARI UKM 2023 ini adalah bertujuan bagi memberikan pendedahan secara langsung kepada para peserta berkaitan ekologi melalui pemahaman konsep, teori dan aplikasi ekologi yang baik menerusi aktiviti-aktiviti secara praktikal yang diketengahkan dalam pelaksanaan kem ini. Kem seumpama ini juga merupakan platform terbaik dalam menyampaikan mesej kesedaran alam sekitar kepada para pelajar di pelbagai peringkat usia. Sesi pembelajaran yang dilaksanakan menggunakan kaedah “*experiential learning*” dengan memindahkan kelas pembelajaran normal kepada kelas di luar darjah atau dengan lebih tepat lagi “kelas di dalam hutan”.


Objektif penganjuran Kem Ekologi IKIM – LESTARI UKM adalah seperti yang berikut:

- i. Mendekatkan para peserta kepada penciptaan alam dan meningkatkan rasa Syukur kepada Allah SWT terhadap anugerah alam yang tidak ternilai kepada manusia.

- ii. Memberi pendedahan terhadap kepentingan alam sekitar dan tanggungjawab manusia melestarikan ekologi dan alam sekitar.
- iii. Meningkatkan tahap kesedaran para peserta terhadap aspek penjagaan ekologi dan alam sekitar.

Kem Ekologi IKIM – LESTARI UKM 2023 ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh En. Malik b. Hassan, Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, kemudian diikuti dengan ucapan perasmian oleh Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil, dan disusuli dengan pengendalian setiap sesi dan modul oleh tenaga pengajar.

Program ini telah menekankan tentang aspek ekologi dari sudut teori dan disusuli dengan aspek praktikal di lapangan. Kaedah pendedahan secara teori dan lapangan ini dilihat amat berkesan dalam memberi pemahaman yang mendalam kepada para pelajar tentang kepentingan ekologi dari perspektif Islam. Program ini turut dicadangkan untuk dilaksanakan sebagai program tahunan IKIM dengan menyasarkan pelajar-pelajar sekolah di seluruh Malaysia agar matlamat menyampaikan mesej kesedaran alam sekitar kepada golongan berkenaan sentiasa berterusan dan tidak terhenti setakat ini sahaja. Hal ini memandangkan, amat penting untuk menerapkan pendidikan alam sekitar pada peringkat sekolah agar mereka memahami dan sentiasa berpegang teguh kepada nilai dan prinsip asas berkaitan alam sekitar seperti yang terkandung dalam al-Quran dan sunnah. Melalui penganjuran program ini juga dapat memperkasakan lagi fungsi dan peranan IKIM dalam menyebarluaskan kefahaman Islam tentang kesedaran pemuliharaan ekologi dan alam sekitar kepada golongan pelajar.



YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan alu-aluan semasa Kem Ekologi IKIM-LESTSRI UKM di Langkawi pada 21 September 2023.



Barisan para peserta kem bergambar kenangan bersama-sama YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.

## 10. PERSIDANGAN

### Persidangan Etika Dan Amalan Terbaik Pengiklanan Patuh Syariah

IKIM telah mengadakan Persidangan Etika dan Amalan Terbaik Pengiklanan Patuh Syariah di Hotel Premiera, Kuala Lumpur pada 24 Oktober 2023. Program yang berlangsung selama satu hari



Antara para panel pembentang bersama-sama moderator semasa Persidangan Etika Dan Amalan Terbaik Pengiklanan Patuh Syariah di Hotel Premiera, Kuala Lumpur pada 24 Oktober 2023.

itu melibatkan peserta daripada latar belakang pengiklanan dan pelbagai agensi iklan serta jabatan kerajaan. IKIM sentiasa komited dalam usaha memberikan pendedahan pengiklanan yang berlandaskan iklan patuh syariah dalam setiap programnya. Sehubungan dengan itu, program ini membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan etika pengiklanan di Malaysia disertai seramai 60 orang peserta.



Antara peserta yang hadir ke Persidangan Etika Dan Amalan Terbaik Pengiklanan Patuh Syariah di Hotel Premiera, Kuala Lumpur pada 24 Oktober 2023.

## 11. SIMPOSIUM

### International Madani Symposium “Sustainability: What Can the Civilisation of Islam Offer?”

Program International Madani Symposium “Sustainability: What Can The Civilisation Of Islam

Offer?” telah diadakan pada 31 Oktober 2023, di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YB Nik Nazmi b. Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.



YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bersama-sama YB Nik Nazmi b. Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Dr. Muhammad Syafiq Burhanuddin, Fellow Pusat EMAS melihat buku-buku terbitan IKIM.



Antara para peserta yang turut hadir ke program International Madani Symposium “Sustainability: What Can The Civilisation Of Islam Offer?” di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur.

## 12. BENGKEL

### Bengkel Al-Quran dan Kesihatan Jiwa: Tangani Stres, Kebimbangan dan Kemurungan Dengan Berkesan

Bengkel ini diadakan pada 7 November 2023 bertempat di Dewan Memorial Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan untuk menyampaikan ilmu dan pengetahuan kepada peserta tentang petunjuk al-Quran sebagai terapi dalam menyelesaikan isu kesihatan mental.

Objektif bengkel ini adalah seperti yang berikut:

- i. Memberikan pendedahan berkaitan dengan isu kesihatan jiwa semasa dan kesan terhadap kehidupan secara keseluruhan.
- ii. Menjelaskan kepentingan jiwa yang sihat bagi seseorang agar dapat berfungsi dengan baik sama ada dalam keluarga, tempat kerja maupun juga masyarakat.
- iii. Menghuraikan kandungan al-Quran sebagai terapi bagi pemulihan kesihatan jiwa.
- iv. Mendedahkan pengalaman yang dihadapi oleh pesakit jiwa dan kejayaan melalui cabaran serta kesungguhan mendapatkan rawatan sehingga mencapai kesembuhan.



Ucapan alu-aluan oleh YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.



YBrs. Cik Wan Roslili bt. Majid selaku moderator bersama-sama YBrs. En. Md Asham Ahmad, Fellow Kanan, Pusat SYARAK IKIM selaku pembentang sesi 1.

Turut diadakan ialah sesi kaunseling atau perkongsian selari. Dalam sesi yang dijalankan secara serentak ini, peserta dibahagikan kepada kumpulan tertentu. Mereka diberikan peluang untuk mendapatkan garis panduan ringkas bagi mengambil tindakan selanjutnya untuk masalah yang sedang dihadapi oleh diri sendiri, ahli keluarga, rakan sekerja dan sebagainya.



Antara peserta yang hadir dalam "Bengkel Al-Quran Dan Kesihatan Jiwa: Tangani Stres, Kebimbangan Dan Kemurungan Dengan Berkesan" pada 7 November 2023.

### 13. SEMINAR

#### **Seminar Pemeliharaan dan Pengukuhan Kearifan Tempatan: Perspektif Islam**

Seminar ini telah diadakan pada 21 November 2023. Seminar ini telah berlangsung secara fizikal di Hotel Premiera, Kuala Lumpur berserta rakaman di tvIKIM Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Seminar ini mengandungi tiga sesi pembentangan kertas kerja.

Seminar ini menyasarkan beberapa objektif, iaitu:

- i. Memahami konsep kearifan tempatan dan pemeliharaannya di Malaysia.
- ii. Membincangkan kearifan tempatan menurut perspektif Islam.
- iii. Memahami peranan dan nilai kearifan tempatan dalam kehidupan masyarakat tempatan.

Seminar ini dihadiri oleh peserta seramai 29 orang dari pelbagai latar belakang. Seminar ini juga diikuti melalui tvIKIM dan jumlah tontonan di tvIKIM sebanyak 151,079 tontonan.



YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan aluan semasa Seminar Pemeliharaan Dan Pengukuhan Kearifan Tempatan: Perspektif Islam pada 21 November 2023.



Antara peserta yang turut hadir dalam seminar tersebut yang berlangsung di Hotel Premiera, Kuala Lumpur.

### 14. MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MEREKA CIPTA VIDEO PENDEK KEFAHAMAN ISLAM (VIPKI) 2023

Pertandingan Mereka Cipta Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI) untuk Penuntut IPT 2023 telah dilancarkan pada 10 Februari 2023. IKIM menganjurkan pertandingan ini bertujuan menggalakkan penghasilan video pendek kefahaman Islam bagi membina minda Islami dan menanamkan nilai-nilai murni sejagat dalam kalangan masyarakat. Tempoh pertandingan adalah selama lebih kurang enam bulan dan tarikh akhir untuk menghantar penyertaan adalah pada 31 Julai 2023.

Urus setia pertandingan telah menerima 165 VIPKI untuk disaring. Penyertaan diterima daripada 46 buah IPT dengan jumlah peserta (baik secara individu maupun berkumpulan) seramai 618 orang.

Pertandingan ini juga berjaya menarik penyertaan 62 orang penuntut bukan Islam. Malah, pengarah video pendek yang dinobatkan sebagai johan adalah seorang bukan Islam. Melalui sinergi dengan rakan sekumpulan yang Muslim, mereka berjaya menghasilkan VIPKI yang layak membawa pulang tiga buah hadiah utama Johan bernilai RM15,000, Naib Johan bernilai RM10,000 dan tempat ketiga bernilai RM5,000. Sementara itu, terdapat enam hadiah sagu hati berbentuk sijil penghargaan dan wang tunai RM1,000.00 setiap satu.

Majlis penyampaian hadiah sempena Pertandingan Mereka Cipta Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI) telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manut, Pengurus IKIM yang telah diadakan pada 28 November 2023 di Ballroom 1, Hotel Premiera, Kuala Lumpur. Turut sama dalam majlis tersebut ialah Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM bersama-sama penaja Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pusat Pungutan Zakat, Wilayah Persekutuan (PPZ) dan Bank Islam Malaysia Bhd.



Tahniah! Johan Pertandingan VIPKI membawa pulang hadiah utama Trofi, Sijil Penghargaan dan Wang Tunai RM15,000.00. Pemenang tempat pertama daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan tajuk videonya "Kopi".



Naib johan Pertandingan VIPKI membawa pulang Trofi, Sijil Penghargaan dan Wang Tunai RM10,000.00, dimenangi oleh penuntut daripada Universiti Multimedia, dengan tajuk videonya "Hidup".



Tempat ketiga pertandingan VIPKI membawa pulang hadiah Trofi, Sijil Penghargaan dan Wang Tunai RM5,000.00, dimenangi oleh penuntut daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tajuk videonya "Taklim".





**BAB 3**  
**AKTIVITI**  
**PUSAT MEDIA IKIM**

## BAB 3

# AKTIVITI PUSAT MEDIA IKIM

Setelah 22 tahun berada dalam industri penyiaran radio, Radio IKIM terus mengekalkan kedudukannya sebagai Radio Islami no. 1 di Malaysia. Menerusi tagline “Inspirasi Inforia Islami”, Radio IKIM terus menyalurkan kefahaman Islam kepada khalayak dengan mengambil segala cabaran yang ada dalam dunia penyiaran hari ini. Sehingga penghujung tahun 2023, Radio IKIM telah menambat hati 1.2 juta orang pendengar di Semenanjung Malaysia menerusi kaji selidik yang dijalankan oleh GFK dengan meletakkan radio IKIM di tangga ke-6 radio berbahasa Melayu teratas di Malaysia.

Dunia penyiaran radio kini sudah terkehadapan dalam saluran penyebarannya. Radio IKIM sebaris dengan radio-radio yang lain dalam memanfaatkan teknologi yang ada. Tidak ketinggalan untuk sama-sama terjun ke dunia penyiaran Radio IKIM kini bukan sahaja dapat didengari melalui frekuensi-frekuensi yang telah disediakan diseluruh negara malahan Radio IKIM juga aktif rangkaian media sosialnya. Terbaru, radio IKIM telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan MYTV Mana-mana yang membolehkan radio IKIM didengari menerusi kaca televisyen.

Pada usia 22 tahun, Radio IKIM semakin matang dalam menyajikan rancangan-rancangan ilmiah dalam bentuk yang lebih relevan dan popular di kalangan khalayak. Radio IKIM telah menerbitkan rancangan berkonsep *Audio book* yang mengadaptasikan buku puisi tentang Rasulullah SAW iaitu rancangan Riwayat Agung. Di samping itu, Radio IKIM juga menyeimbangkan pemilihan lagu-lagu lama dan baharu dengan menampilkan rancangan Nasyid Retro di radio IKIM. Pada masa yang sama, penerbitan rancangan di media sosial juga diperhebatkan menerusi penerbitan rancangan *Sit & Seek* di platform podcast IKIM.

Kaji selidik *GfK Radio Audience Measurement (RAM)* Wave 1/2023 telah menunjukkan jumlah pendengar Radio IKIM adalah sebanyak 1.114 juta orang seminggu. Namun begitu, keputusan kaji selidik bagi Wave 2/2023 menunjukkan peningkatan

jumlah pendengar menghampiri 1.2 juta orang pendengar. Radio IKIM berjaya mengekalkan kedudukan tangga ke-6 dalam kalangan stesen radio berbahasa Melayu dan meningkatkan jumlah masa mendengar (*Time Spent Listening*) kepada 5 jam 32 minit berbanding 5 jam 26 minit pada Wave 1/2023. Turut menunjukkan peningkatan ialah jumlah pendengar eksklusif (*Exclusive Listeners*) kepada 241 ribu orang pendengar berbanding 187 ribu orang pendengar pada Wave sebelumnya.

Usaha-usaha Radio IKIM juga telah mendapat beberapa anugerah, pengiktirafan dan penghargaan daripada pelbagai pihak antaranya Anugerah Kecemerlangan Media KPKT 2023, Anugerah Aprisiasi Media MAIWP 2023 dan Sijil Penghargaan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia 2023 (Kategori Media).

Penerbitan rancangan akademik juga diperkuuhkan dengan memfokus kepada setiap pusat akademik di IKIM. Maka terbitlah rancangan SYARAK@IKIM, EMAS@IKIM, Islam dan Sains dan Rancangan Resolusi yang menampilkan pengisian menerusi MoU yang dijalankan oleh IKIM dengan institut pengajian tinggi awam seperti USM, UTHM, UM, UTP, UM, UTM dan UKM. Sebagai menyokong usaha mengantarabangsakan IKIM, radio IKIM telah menampilkan rancangan *Special Interview* bersama Sara El-Awaisi, Secretary of the Academy for Islamic Jerusalem Studies (ISRA) United Kingdom, Dr. Dina Sijamhodžić-Nadarević, Associate Professor at the Faculty of Islamic Studies of the University of Sarajevo, Dr. Abdul Majed Al Aloul, Director of Gaza Destek Foundation (GDD), H.E Professor Emeritus Dato Dr. Koutoub Moustapha Sano, Prof. Dr. Ebrahim Moosa, Mirza Family Professor, Keough School of Global Affairs, University of Notre Dame, USA, Anse Dr. Tamara Gray, Founder and Executive Director of Rabata, Member Academic Council of The Islamic Seminary of America & Senior Research Fellow, Yaqeen dan Reverend Dr. Stephen Robert Sizer, Founder & Director of Peacemaker Trust, Chair of the Convivencia Alliance & Retired Anglican priest.



Kejayaan penyiaran Radio IKIM disokong oleh Unit Kejuruteraan Penyiarnya. Unit Kejuruteraan Penyiaran Radio di Bahagian Radio diterajui oleh seorang Pengurus Kejuruteraan Penyiaran dan enam orang Pembantu Teknik. Fungsi dan peranan Unit Kejuruteraan Penyiaran Radio adalah untuk memastikan operasi teknikal sistem penyiaran Radio IKIM yang merangkumi penyediaan peralatan penyiaran, penyelenggaraan, produksi audio dan sokongan teknikal bagi memastikan siaran Radio IKIM berjalan dengan lancar. Unit ini juga menjalankan kerja-kerja produksi audio, mengadakan siaran langsung, rakaman, penyelenggaraan dan pelbagai tugas lain yang berkaitan dengan operasi teknikal Radio IKIM.

Selain itu, kejayaan Radio IKIM turut dibantu oleh Unit Teknologi Digital (UTEL) yang diterajui oleh seorang Ketua Unit dan tiga orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat. Fungsi dan peranan UTEL adalah untuk membangun, memantau dan menyelenggara laman web serta aplikasi peranti mudah alih Radio dan tvIKIM, memantau dan menyelenggara infrastruktur digital Radio IKIM termasuk peralatan seperti storan ‘back up’ bagi arkib audio, menyediakan perkhidmatan reka

bentuk multimedia dan grafik seperti rekaan grafik untuk poster dan banner bagi kegunaan rancangan radio, melaksanakan pembangunan dan kemaskini sistem web dan aplikasi untuk pengguna platform digital media Radio IKIM dan tvIKIM, menyediakan keperluan perisian penstriman video langsung bagi pelaksanaan program dan aktiviti di Radio IKIM dan tvIKIM seperti di konti dan studio rakaman, memantau kandungan di web dan media sosial Radio IKIM serta merangka strategi sesuai untuk transformasi dan capaian digital media IKIM. Pada tahun ini, UTEL turut memperkuuhkan platfrom digital radio IKIM dengan pewujudan media sosial baharu, iaitu “Podcast radio IKIM” yang semakin mendapat sambutan daripada pendengar Radio IKIM. Platform digital radio boleh dicapai melalui pautan berikut:

	<a href="http://www.ikim.my">www.ikim.my</a>		ikimfm
	ikimmedia		ikim.my
	@RadioIKIM		IKIM
	radioikim		ikimmedia

Acara turun padang Radio IKIM sepanjang tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

Bil	Tarikh	Program	Lokasi
1.	22 Februari 2023 (Rabu)	Ziarah Zohor Radio IKIM (Siri 1)	Menara PERKESO, Jalan Ampang
2.	4 Mac 2023 (Sabtu)	Forum Bicara Ad-Din	Sempena Ekspo Jejak Haji 2023 (Universiti Islam Selangor)
3.	5 Mac 2023 (Ahad)	Konsert Saujana25 (Radio Rasmi)	Zepp, Kuala Lumpur
4.	10 Mac 2023 (Jumaat)	Forum Bicara Ad-Din	Sempena Karnival Masjid (Taman Sutera, Kajang)
5.	12 Mac 2023 (Ahad)	Forum Bicara Ad-Din	Sempena Selangor Halal Convention (WTC, Kuala Lumpur)
6.	18–19 Mac 2023 (Sabtu-Ahad)	Jelajah Mahabbah Radio IKIM (Siri 1) – PUTRAJAYA	Sempena Festival Ramadan Ya Ramadan Durioo+ 2023 IOI Grand, IOI City Mall, Putrajaya
7.	26 Mei–4 Jun 2023	PBAKL 2023	WTC, Kuala Lumpur
8.	14 Julai 2023 (Jumaat)	Forum Bicara Ad-Din	Sempena MoU IKIM-UTM (UTM Kampus Kota)
9.	21–23 Julai 2023 (Jumaat-Ahad)	Jelajah Mahabbah Radio IKIM (Siri 2) – JOHOR	Sempena MYFESTIVA AEON Tebrau City, Johor Bahru
10.	25 Julai 2023 (Selasa)	Forum Bicara Ad-Din	Sempena Ijtimak Ulamak Antarabangsa (Masjid Abyad, Kuching)
11.	1 September 2023 (Jumaat)	Malam Munajat sempena Ulang Tahun Ke-22 Radio IKIM	Masjid Sri Sendayan, Negeri Sembilan
12.	16–17 September 2023 (Sabtu-Ahad)	Jelajah Mahabbah Radio IKIM (Siri 3) – SELANGOR	Sempena MYFESTIVA AEON Mall, Shah Alam
13.	27 September 2023 (Rabu)	Ziarah Zohor Radio IKIM (Siri 2)	Kompleks Balai Islam An-Nur TNB
14.	13 Oktober 2023 (Jumaat)	Forum Bicara Ad-Din	Sempena MoU IKIM-PNB (Menara PNB)
15.	18 Oktober 2023 (Rabu)	Ziarah Zohor Radio IKIM (Siri 3)	SME Corp. Malaysia, Kuala Lumpur
16.	29 Oktober 2023 (Ahad)	Solidariti 4 Palestin	Dataran Kemerdekaan Shah Alam
17.	6 November 2023 ( Isnin)	Forum Bicara Ad-Din	Sempena MoU IKIM-Nasyrul Quran & Yayasan Restu (Kompleks Nasyrul Quran, Putrajaya)
18.	3 Disember 2023 (Ahad)	Bual Bicara Lembayung Al-Quran	SIBF 2023
19.	9–10 Disember 2023 (Sabtu-Ahad)	Jelajah Mahabbah Radio IKIM (Siri 4) – Sabah	i. Pasar Budaya, Kundasang ii. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu



Ziarah Zohor Radio IKIM (Siri 1)



Jelajah Mahabbah Radio IKIM (Siri 1) - PUTRAJAYA



Jelajah Mahabbah Radio IKIM (Siri 2) – JOHOR



Jelajah Mahabbah Radio IKIM (Siri 3) – SELANGOR



Jelajah Mahabbah Radio IKIM (Siri 4) – Sabah

## KANDUNGAN RANCANGAN RADIO IKIM 2023

Keunikan dan sumbangan Radio IKIM dalam meningkatkan Kefahaman Islam di dalam dan luar negara boleh dilihat seperti yang berikut:

### SEGMENT DI RADIO IKIM

Bil.	Segmen	Catatan
1.	<b>Warna Pagi</b> Isnin–Jumaat 6.00 pg.–10.00 pg.	Tuan Hj. Mohd Faiz Hj. Othman menerbitkan segmen ini sepanjang tahun 2023. Menampilkan penyampai Hj. Muhammad Suffian b. Amrin bersama gandingan Hj. Luqman Hakim. Segmen "Warna Pagi" diperkuatkan dengan lima rancangan bual bicara utama, iaitu "Analisis" (Isnin), "Topik Pagi" (Selasa), "Kesihatan" (Rabu), "Generasi" (Khamis) kemudian diganti dengan rancangan "Cinta Palestin" pada bulan Disember 2023 dan "Topik Jumaat" (Jumaat). Semua rancangan ini disiarkan pada pukul 8.30–9.30 pagi. Rancangan-rancangan lain yang disiarkan dalam segmen "Warna Pagi" ialah rancangan "Tafsir Al-Quran" (Isnin–Jumaat, 6.30 pagi), "Motivasi Pagi" (Isnin–Jumaat, 7.30 pagi), disamping slot yang dikhatusukan untuk diisi dengan hebatan komuniti disiarkan pada Jumaat pukul 9.30–9.50 pagi.

Bil.	Segmen	Catatan
2.	<b>Aspirasi 10-1</b> Isnin–Jumaat 10.00 pg. –1.00 ptg.	Penerbit dan Penyampai segmen ini ialah En. Muhamad Syafiq Mohammad Salleh Alai Huddin. Rancangan-rancangan yang bersiaran pada pukul 10.15 pagi ialah “Pesona D’Zahrah” (Isnin), “Syariah dan Perundangan” (Selasa), “Kelvin Bertanya” (Rabu), “Tahsinul Ibadah” (Khamis) “Turbiah” (Jumaat) dan “Tadabbur” (Jumaat, 11.15 pagi). Sementara rancangan akademik iaitu SYARAK@IKIM, EMAS@IKIM, Islam dan Sains serta Resolusi bersiaran pada pukul 12.15 tengah hari setiap Isnin hingga Khamis.
3.	<b>Aspirasi 1-4</b> Isnin–Jumaat 1.00 tgh. hari–4.00 ptg.	Penyampai Cik Siti Rohani bt. Surani mengendalikan segmen ini dengan rancangan terbitannya yang bersiaran pada pukul 3.15 petang seperti “Dapur Kita” (Isnin), “Prihatin”, “Zakat D’Hati” (Selasa), “Bahasa Al-Mushaf” (Rabu), “Bual Bicara Buku IKIM” (Khamis) dan “Mutiara Hadis” (Jumaat).
4.	<b>Destinasi</b> Isnin–Jumaat 4.00 ptg –7.00 mlm.	Segmen “Destinasi” dikendalikan oleh penyampai, Datin Mona bt. Jasman. Rancangan-rancangan utama dalam segmen ini merupakan rancangan yang bersiaran pada pukul 5.15 petang adalah “Tariq An-Nur” (Isnin), “Islam Agamaku” (Selasa), “Fas’aluna” (Rabu), “Imanuna” (Khamis) dan “Usrah Nurani” (Jumaat).
5.	<b>Ekspresi</b> Isnin–Jumaat 8.00 mlm–12.00 tgh. mlm.	Segmen Ekspresi dikendalikan oleh penyampai Pn. Hajah Norhayati bt. Paradi. Rancangan utama bermula pukul 9.00 malam hingga 12.00 tengah malam pada setiap Isnin hingga Jumaat iaitu rancangan “Riwayat Agung” (Isnin), “Bicara Adab” (Selasa), “Khabar Orang Muda” hingga bulan Jun kemudian diganti dengan rancangan “Ibrah: Kisah dalam Al-Quran” (Rabu), “Kemuliaan al-Mustofa” (Khamis) dan “Pengembara Muslim” (Jumaat). Pendengar juga dihidangkan dengan rancangan hiburan pada pukul 10.00 malam dengan rancangan Carta X-Presi sebuah rancangan carta lagu-lagu nasyid serta rancangan Nasyid Retro pada malam hujung minggu.

**BICARA DI RADIO IKIM**

 <b>YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil</b> Ketua Pengarah		
<b>Rancangan/Hari/Jam</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk</b>
<b>Syariah dan Perundangan</b> Selasa 10.15 pagi–11.00 pagi	3 Januari 2023	Konsep Fiqh al-Ta’ayush (Hidup Bersama) di Malaysia (Bhg. 2)
	31 Januari 2023	Hentikan Kebebasan Mutlak Dalam Memerangi Islamofobia
	7 Februari 2023	Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam Menurut Taha Jabir al-Alwani (Bhg. 1)
	7 Mac 2023	Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam Menurut Taha Jabir al-Alwani (Bhg. 2)
	4 April 2023	Perlembagaan Persekutuan Bukan Sekular
	2 Mei 2023	Bolehkah Undang-undang Hudud dilaksanakan di Malaysia? (Bhg. 1)
	30 Mei 2023	Bolehkah Undang-undang Hudud dilaksanakan di Malaysia? (Bhg. 2)
	6 Jun 2023	Kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong Memacu Malaysia MADANI
	4 Julai 2023	Pemikiran Mahmood Zuhdi Dalam Perundangan Islam di Malaysia
	1 Ogos 2023	Kupasan 19th Emeritus Professor Ahmad Ibrahim Memorial Lecture oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd. Na'im Hj. Mokhtar - 24 Julai 2023
	29 Ogos 2023	Perlembagaan Persekutuan: 66 Tahun Merdeka
	5 September 2023	Apakah Pemerintah Malaysia Sekular?
	3 Oktober 2023	Qazaf Menurut Hukum Syarak dan Undang-undang di Malaysia
	31 Oktober 2023	Malaysia Sebuah Negara Sekular?
	7 November 2023	Agama Kanak-Kanak: Hak Siapa?
	5 Disember 2023	Adakah Undang-undang Islam di Malaysia Tercabar?
<b>Warna Pagi</b> Khamis 9.00 pagi–10.00 pagi	28 Disember 2023	Tetamu bersama Pn. Sri Sarina Dewi bt. Suhaimin, Ketua Penerbit IKIM—Berkenaan Anugerah Buku Negara 2023 yang diterima oleh IKIM pada 21 Disember 2023 di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim (UPSI)

**Dr. Mohd Zaidi b. Ismail**

Timbalan Ketua Pengarah

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>Segmen Warna Pagi</b> 9.30–10.00 pg.	22 Februari 2023	Hebahan Majlis Penamaan Perpustakaan IKIM dan Pelancaran buku 'Treasure Trove of Ethics'
	7 Ogos 2023	Topik Pagi—Pilihlah yang Terbaik

**PUSAT KAJIAN SYARIAH, UNDANG-UNDANG DAN POLITIK (SYARAK)****Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran**

Felow Utama/ Pengarah

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>Fas'aluuna</b> Rabu 5.15–5.45 ptg.	1 Februari 2023	Bolehkah Kita Hidup Tanpa Panduan Rasul dan Wahyu
	8 Februari 2023	Mengapa Rasul dan Wahyu Penting dalam Kehidupan? (Bhg. 2)
	15 Februari 2023	Menentukan Keutamaan dalam Kehidupan
	22 Februari 2023	Dalil Kewujudan Tuhan
	1 Mac 2023	Apakah Dalil Adanya Tuhan? (Bhg. 2)
	8 Mac 2023	Antara Menerima Ketentuan dan Berusaha
	15 Mac 2023	Persiapan Ruhaniah dan Aqliah menjelang bulan Barakah
	22 Mac 2023	Menghayati Ruh Al-Quran di bulan keberkatan
	29 Mac 2023	Puasa Meningkatkan Kesabaran
	5 Julai 2023	Keseronokan dan Kebahagiaan: Mana yang dicari?
	12 Julai 2023	Makna Kebahagiaan dalam Islam
	19 Julai 2023	Hijrah: Perubahan ke arah Kebaikan
	26 Julai 2023	Tanggungjawab Belajar: Sampai Bila?
	6 Disember 2023	Bolehkah Umat Islam Bangkit Semula?
	13 Disember 2023	Bolehkah Umat Islam Bangkit Semula? (Bhg. 2)
	20 Disember 2023	Bolehkah Umat Islam Bangkit Semula? (Bhg. 3)
	27 Disember 2023	Bolehkah Umat Islam Bangkit Semula? (Bhg. 4)
<b>Analisis</b> Selasa 8.30–9.30 pagi	12 September 2023	Buku Adab Ikhtilaf
<b>Refleksi</b> Selasa 12.15–12.45 tghri.	30 Mei 2023	Buku Pendidikan dan Peradaban <b>sempena PBAKL 2023</b>
	22 Disember 2023	Buku Pendidikan dan Peradaban
<b>Bual Bicara Buku</b> Khamis 2.10–2.30 ptg.	7 November 2023	Demystifying Islamophobia: Towards a Deeper Understanding of Islam

**Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad**

Fellow Kanan

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>Fas'aluuna</b> Rabu 5.15–5.45 ptg.	6 September 2023	Adab Penuntut Ilmu: Pengenalan Kitab & Pengarang (Siri 1)
	13 September 2023	Hakikat Ilmu dan Kelebihannya (Siri 2)
	20 September 2023	Niat Dalam Menuntut Ilmu (Siri 3)
	27 September 2023	Kitab Ta'lim Al-Muta'alim Tariq At-Ta'Allum (Adab Penuntut Ilmu)
	4 Oktober 2023	Penghormatan Ilmu dan Ulama (Siri 5)
	11 Oktober 2023	Kesungguhan Menuntut Ilmu (Siri 6)
	18 Oktober 2023	Kesungguhan Menuntut Ilmu (Bhg. 2) – <b>ulang siar</b>
	25 Oktober 2023	Kesungguhan Menuntut Ilmu (Bhg. 3) – <b>ulang siar</b>
	1 November 2023	Kurangkan Berdebat
	8 November 2023	Ilmu Dituntut Sepanjang Usia
	15 November 2023	Berkasih Sayang Dalam Menuntut Ilmu
	22 November 2023	Kurangkan Berdebat
	29 November 2023	Sikap Warak Dalam Menuntut Ilmu

**Md. Asham b. Ahmad**

Fellow Kanan

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>SYARAK@IKIM</b> 12.15 tgh. hari–1.00 ptg.	23 Januari 2023	Media Sosial bukan Medan Bahas Hal Rumahtangga
	20 Februari 2023	Media Sosial bukan Medan Bahas Hal Rumahtangga – <b>ulang siar</b>
	27 Mac 2023	Ilmu vs Adab – Mana Perlu Didahulukan?
	10 April 2023	Kerana Lisan, Rosak Amalan
	1 Mei 2023	Kerja itu Ibadah
	29 Mei 2023	Refleksi Hari Ibu
	19 Jun 2023	Penyatuan
	10 Julai 2023	Makna Diri dan Tujuan Hidup
	31 Julai 2023	Pemimpin Mesti Berani Mempertahankan Prinsip
<b>Topik Pagi</b> Isnin–Jumaat 9.30–10.00 pagi	20 Mac 2023	Kreativiti atau Limutasi?
<b>Great Works of the Muslim World</b>	9 April 2023	Mizan Al-'Amal: Imam Al-Ghazali's Exposition On Human Action (bersama Dr. Muhammad Husni Mohd. Amin)
	11 Jun 2023	Al-Risalah al-Waladiyyah: Saçaqlızıade's Art of Disputation (bersama Dr. Muhammad Husni Mohd. Amin)
<b>Warna Pagi</b> Isnin–Jumaat 9.30–10.00 pagi	15 September 2023	Promosi Koleksi Buku Etika Perpustakaan IKIM
	19 September 2023	Pendekatan Islam dalam Mengahadapi Cabaran Kesihatan Mental

**Wan Roslili bt. Majid**

Fellow

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>SYARAK@IKIM</b> 12.15 tghri–1.00 ptg.	16 Januari 2023	Kanak-kanak: Tatanglah bagai Minyak yang Penuh
	27 Februari 2023	Ibrah Gempa
	13 Mac 2023	Ahlan ya Ramadan
	3 April 2023	Ramadan dan Kesejahteraan Jiwa
	22 Mei 2023	Persediaan Duyufur Rahman
	12 Jun 2023	Sebarkan Kasih Sayang, Bukan Kebencian
	3 Julai 2023	Sebar Kasih Sayang, Bukan Kebencian - <b>ulang siar</b>
	7 Ogos 2023	Rawat Masyarakat dengan ProAlert
	11 September 2023	Penghayatan Hadis 40 & Semarak Kasih Sayang - <b>ulang siar</b>
	18 September 2023	Pendidikan Kanak-Kanak Tidak Bernegara
	25 September 2023	Bengkel Al-Quran dan Kesihatan Jiwa
	2 Oktober 2023	Sejahtera Akal Hidup Bahagia
	27 November 2023	Kanak-kanak dan Derita Perang
	18 Disember 2023	Perang dan Derita Emosi Kanak-Kanak
<b>Special Interview</b> 12.15 tgh. hari–1.00 ptg.	24 Februari 2023	Updates on Turkiye-Syria Earthquake with Mr. Mustafa Tutkun, CEO Humanitarian NGO's Turkiye
<b>Usrah Nurani</b> Jumaat 5.15–6.30 ptg.	29 September 2023	Wanita di mata Rasulullah

**Enizahura bt. Abdul Aziz**

Fellow

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>Open Forum</b> Ahad 5.15–6.15 ptg.	6 Ogos 2023	Harmony and Peaceful Co-Existence As Principles In Islam
	13 Ogos 2023	Loving This Nation We Call Home
	10 September 2023	Ensuring Sustainable Peace for Malaysia
<b>Warna Pagi</b> Isnin–Jumaat 9.30–10.00 pagi	28 Julai 2023	Buku Kekeliruan Gender: Penjelasan Islami
	22 September 2023	Buku New Zealand Paling Islamik: Malaysia Bagaimana?
<b>Bual Bicara Buku</b> Khamis 2.10–2.30 ptg.	23 November 2023	Khayra Ummah Series (No. 9/9) - Buku New Zealand Paling Islamik: Malaysia Bagaimana?

**Mohd Noor b. Omar**

Fellow

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>SYARAK@IKIM</b> 12.15 tgh. hari–1.00 ptg.	9 Januari 2023	Warkah Saidina Ali kepada Malik ibn Harith Al-Asytar
	6 Februari 2023	Pesanan Saidina Ali tentang Pelantikan dan Imbuhan
	20 Mac 2023	Zakat Aset Digital
	24 April 2023	Refleksi Syawal
	15 Mei 2023	OPR : Petanda dan Waspada

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
	26 Jun 2023	Gelombang Maya mengancam Kehidupan Bersyariat
	24 Julai 2023	3R Satu Jenayah?
	21 Ogos 2023	Refleksi Rukun Negara Merdeka
	4 September 2023	Integriti Teras Tatakelola
	16 Oktober 2023	Keharmonian Serantau
	23 Oktober 2023	Integriti Teras Tatakelola – <b>ulang siar</b>
	30 Oktober 2023	Gelombang Maya Mengancam Kehidupan Bersyariat – <b>ulang siar</b>
	6 November 2023	Rehat dan Rawat Diri
	11 Disember 2023	Tajdid Niat
<b>Warna Pagi</b> 9.30–10.00 pg.	6 Oktober 2023	Promosi Seminar Keharmonian Serantau – Memperkuat Ketamadunan Ummah dalam Menghadapi Cabaran Global

**Siti Shamsiah bt. Md Supi**

Pegawai Penyelidik Kanan

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>SYARAK@IKIM</b> 12.15–1.00 ptg.	2 Januari 2023	Perancangan Islamik untuk Tahun Baharu
	30 Januari 2023	Poligami: Manfaat atau Mudarat?
	13 Februari 2023	Poligami: Manfaat atau Mudarat? (Bhg. 2)
	6 Mac 2023	Hibah dan Hukum Hakam Mengenainya (Bhg. 1)
	17 April 2023	Hibah dan Hukum Hakam Mengenainya (Bhg. 2)
	8 Mei 2023	Hibah dan Hukum Hakam Mengenainya (Bhg. Akhir)
	5 Jun 2023	Adakah Wanita Islam Memiliki Kebebasan?
	17 Julai 2023	Mas Kahwin: Hukum Hakam dan Isu-isu Berkaitan
	14 Ogos 2023	Projek Penerbitan Buku Almarhum Prof. Ahmad Ibrahim

**PUSAT KAJIAN EKONOMI DAN KEMASYARAKATAN (EMAS)****Dr. Mohd. Sani b. Badron**

Fellow Utama/ Pengarah

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>EMAS@IKIM</b> Selasa 12.15 tgh. hari	10 Januari 2023	Cabar Teknologi Baharu ChatGPT kepada Sekolah dan Universiti
	14 Mac 2023	Bila Gambar Bukan Gambar: Bersediakah Kita untuk Audio-Video Sintetik oleh Kecerdasan Buatan (A.I.)?
	18 April 2023	Berpuasa tapi malas Berzakat
	6 Jun 2023	Pencerobohan Otak & Neuroteknologi-Bersediakah Kita?]
	11 Julai 2023	Mengurus Kepelbagai
	19 Disember 2023	Membudayakan Integriti dan sifat Amanah
	10 Oktober 2023	Mengimbau Zaman Nizamul Muluk dalam Konteks Kos Sarawak Hidup
	21 November 2023	Kepimpinan Silam dan Moden
	8 Disember 2023	Ilmu Kepimpinan dan Tamadun Islam
<b>Slot Hebah (Warna Pagi)</b>	24 Februari 2023	Pasca “Majlis Perasmian Penamaan Perpustakaan Tun Ahmad Sarji dan Pelancaran Penerbitan Khas Keistimewaan Perpustakaan IKIM” Tajuk Buku: Treasure Trove of Ethics

**Siti Fatimah bt. Abdul Rahman**

Felow Kanan

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>EMAS@IKIM</b> Selasa 12.15 tgh. hari	24 Januari 2023	Kemiskinan Haid Perlukan Pendekatan Menyeluruh
	7 Februari 2023	Warga Emas dan Penganiayaan Kewangan
	28 Mac 2023	Hari Tua Idaman
	11 April 2023	Filem Pendek Sebagai Medium Dakwah
	27 Jun 2023	Membendung aktiviti seksual remaja
	8 Ogos 2023	Jalan-jalan tengok tempat orang
	26 September 2023	Mencari pemenang VIPKI
	17 Oktober 2023	Akta Antiganguan Seksual 2022 (Akta 840)
	14 November 2023	Pengiklanan Islami: Satu Pengamatan
	12 Disember 2023	Bersama Naib Juara VIPKI
<b>Slot Bual Bicara Buku</b>	12 Januari 2023	Buku Khayra Ummah Series (No. 4/9) bertajuk "Islam and Moral Freedom: Issues And Challenges"
<b>Slot Warna Pagi</b>	8 Mac 2023	Mempromosikan Pertandingan Merekacipta Video Pendek Kefahaman Islam (ViPKI) untuk penuntut Insitut Pengajian Tinggi (IPT) 2023
<b>Slot Radio Ikim "Apa Khabar Orang Muda"</b>	15 Mac 2023	Mempromosikan Pertandingan Merekacipta Video Pendek Kefahaman Islam (ViPKI) untuk penuntut Insitut Pengajian Tinggi (IPT) 2023

**Dr. Muhammad Hisyam b. Mohamad**

Felow Kanan

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>EMAS@IKIM</b> Selasa 12.15 tgh. hari	3 Januari 2023	Cabaran Kos Sara Hidup 2023
	28 Februari 2023	Isu Simpanan Hari Tua dan Gaji Rendah
	2 Mei 2023	Wakaf Zurri dari Sudut Pandang Pewarisan Islam
	25 Julai 2023	Halal Ekonomi Dan Beberapa Isu Berkaitan
	22 Ogos 2023	Ekonomi Madani
	3 Oktober 2023	Isu dan Cabaran Pekerja Mewujud
	7 November 2023	Konsep Harta Sepencarian- Satu Kearifan tempatan dalam perjagaan harta kaum wanita
<b>Slot Bual Bicara Buku</b> 2.30 ptg.	19 Januari 2023	Buku Khayra Ummah Siri 5/9 – The Failure of Extreme Capitalism : Islamics the Answer"
	21 September 2023	Buku "Values And Rule Compliance In Islamic Economics and Mu'amalat"
<b>Slot Refleksi Buku</b>	24 Mac 2023	Buku The Failure of Extreme Capitalism : Islamics the Answer"
	24 November 2023	Buku Value & Rules Compliance in Islamic Economics and Muamalat.

**Khairul Azhar b. Idris**

Fellow

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>EMAS@IKIM</b> Selasa 12.15 tgh. hari	17 Januari 2023	Islamofobia dan Kesihatan Mental
	14 Februari 2023	Austisma Orang Dewasa
	21 Mac 2023	Banteras Diskriminasi dalam Kesihatan Mental
	9 Mei 2023	Autism dan Isu Sensori dalam Komunikasi
	30 Mei 2023	Ulasan Buku Islam dan Kesihatan Mental
	18 Julai 2023	Hijrah Minda dan Kesihatan Mental
	29 Ogos 2023	Picky eating atau cerewet makan dalam kalangan kanak-kanak
	18 Disember 2023	Kemurungan selepas Bersalin
<b>Refleksi Buku</b>	23 Jun 2023	Buku Islam dan Kesihatan Mental
<b>Slot Bual Bicara Buku</b> 2.30 ptg.	31 Ogos 2023	Buku Islam dan Kesihatan Mental

**Nur Syahidah bt. Abdul Jalil**

Fellow

Rancangan/Hari/Jam	Tarikh	Tajuk
<b>EMAS@IKIM</b> Selasa 12.15 tgh. hari	31 Januari 2023	Pekerjaan Informal dan Tangungjawabnya
	21 Februari 2023	Pengurusan Harta Anak Yatim
	4 April 2023	Meneroka Prospek Penjaga Warga Tua
	23 Mei 2023	Kembara Rohani, Perjalanan Seumur Hidup
	13 Jun 2023	Rasionalisasi Subsidi dalam konteks Kadar Upah dan Sistem Percukaian Semasa Serta Konsep Zakat
	20 Jun 2023	Matlamat Pengurusan Perbelanjaan, (ganti slot Dr. Muhammad Hisyam)
	12 September 2023	Keusangan Kemahiran dalam tenaga kerja
	31 Oktober 2023	Usah Jadikan Anak Sebagai Tabung Persaraan
	26 Disember 2023	Toleransi dalam Nilai dan Budaya Masyarakat
PTAS sedang giat memperkaya koleksi bidang Etika mengikut konsep yang telah diwujudkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Koleksi Etika sejak tahun 2011. Pada tahun 2023, PTAS telah memperoleh sebanyak 36 naskhah buku Etika dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta 108 naskhah buku Etika dalam bahasa Arab.

### **3. Promosi**

PTAS mengadakan sesi temu bual di Radio IKIM dalam Program *Warna Pagi* bersama pegawai akademik sebanyak empat kali, iaitu dalam bulan Mac, Jun, September dan Disember 2023. Ketua PTAS dan Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan berkongsi berkenaan operasi dan perkhidmatan perpustakaan manakala Pegawai Akademik IKIM dan Pembantu Penyelidik Perpustakaan mengulas buku berkaitan bidang Etika yang terdapat dalam koleksi perpustakaan. Seterusnya enam (6) ringkasan buku Koleksi Etika yang bertemakan Hari Wanita Antarabangsa, Hari Pekerja, Hari Alam Sekitar Sedunia, Hari Kemanusiaan Sedunia dan Hari Kanak-Kanak telah dimuat naik ke Facebook

PTAS, Facebook rasmi IKIM dan YouTube IKIM. Taklimat PTAS turut disampaikan semasa lawatan ke perpustakaan. Selain itu sebanyak lapan (8) hantaran facebook yang mengandungi maklumat berkaitan buku-buku nadir Koleksi Khas Tamadun Islam (KTI) telah dibuat dan sebanyak dua (2) artikel berkaitan KTI turut dihantar dan diterbitkan di Utusan Malaysia dan Dewan Tamadun Islam. Penerbitan khas KTI yang berjudul *Library: The Special Collection on Islamic Civilisation* dan flyers KTI juga telah diedarkan semasa Pesta Buku Antarabangsa Selangor 2023 untuk mempromosi KTI kepada Masyarakat.

#### **4. Penamaan Perpustakaan**

Pada 23 Februari 2023, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi b. Hj. Abdul Razak S.M.N., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.L.J. (Brunei), D.M.P.N., D.S.P.N., J.S.M., A.M.N. Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah merasmikan Majlis Perasmian Penamaan Perpustakaan dan Pelancaran Penerbitan Perihal Keistimewaan Perpustakaan IKIM. Kini perpustakaan IKIM dikenali dengan nama Perpustakaan Tun Ahmad Sarji (PTAS). Seterusnya, tajuk penerbitan yang dilancarkan ialah '*Treasure Trove of Ethics*' yang menghuraikan tema berkaitan nilai dan etika serta buku-buku dalam Koleksi Etika yang dimiliki oleh PTAS.



#### **5. Pemeteraihan MoU di Antara Arkib Negara Malaysia (ANM) dengan IKIM**

Majlis pemeteraihan MoU di antara ANM dengan IKIM berkaitan inisiatif pendigitalan telah berlangsung pada 17 Julai 2023 di Dewan Memorial Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur. Dokumen MoU telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Jaafar b. Sidek, Ketua Pengarah ANM dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM. Pemeteraihan ini merupakan kerjasama strategik di antara IKIM dengan ANM dalam

penyediaan isi kandungan digital bagi memudahkan akses serta rujukan warga IKIM dan masyarakat.



#### **6. Penganjuran Syarahan Tun Ahmad Sarji**

Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Ahmad Sarji (PTAS) telah menganjurkan Syarahan Tun Ahmad Sarji Siri Ke-2 yang berlangsung di Anjung Pro-Canselor Tun Ahmad Sarji, PTS, Bangi pada 16 November 2023. Syarahan yang bertemakan Keunggulan Tamadun Islam telah disampaikan oleh YBhg. Timbalan Pengurus IKIM, Dato' Wan Mohamad b. Sheikh Abdul Aziz. Majlis dihadiri oleh Pengurusi Lembaga Pengarah UKM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad b. Abd Razak, Ahli Lembaga Pengarah IKIM, tetamu-tetamu kehormat, kakitangan UKM dan IKIM serta para pelajar UKM.



#### **7. Lawatan Penandaarasan**

Sepanjang tahun 2023, sebanyak tiga (3) lawatan penandaarasan ke perpustakaan telah diadakan. Antaranya ialah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perpustakaan Raja Tun Uda dan Mediatheque iaitu Perpustakaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Lawatan yang diadakan dapat dijadikan panduan dalam pengurusan koleksi PTAS, mengeratkan lagi hubungan serta kerjasama di antara PTAS dengan perpustakaan yang diziarahi.



**BAB 6**  
**KUNJUNGAN**  
**HORMAT**

## BAB 6

# KUNJUNGAN HORMAT

Bil	Tarikh	Jabatan / Agensi
<b>JANUARI</b>		
1.	10 Januari 2023	Kunjungan hormat daripada YH. Dato' Hj. Halidan Md Daud, Pengurus Besar Kanan Pusat Kutipan Zakat Pahang ke atas Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bagi menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
2.	10 Januari 2023	Kunjungan hormat daripada Prof. Madya Dato' Dr. Hj. Mohd Zawvi Zainal Abidin, Naib Canselor, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS) ke atas Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bertujuan membina hubungan strategik antara IKIM dan UNIPSAS.
3.	11 Januari 2023	Kunjungan hormat Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bagi perbincangan penerbitan dan tajaan rancangan Moh Bertarannum di Pusat Zakat Pahang
4.	12 Januari 2023	Kunjungan hormat daripada Dr. Wan Haslan Khairuddin, Pengarah Pusat Islam UKM ke atas Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bertujuan membina hubungan strategik antara IKIM bersama UKM.
5.	13 Januari 2023	Kunjungan hormat daripada Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil ke atas Dato' Jaafar Sidek Hj. Abdul Rahman, Ketua Pengarah Arkib Negara di Bilik Mesyuarat Utama, Wisma Warisan, Arkib Negara Malaysia bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
6.	27 Januari 2023	Kunjungan hormat Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bersama YAB Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia, bagi berkongsi peranan dan fungsi IKIM dalam menyampaikan kefahaman Islam sebenar kepada seluruh masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini. Ketua Pengarah IKIM turut menyampaikan hasrat bagi menjalin kerjasama dengan Majlis Islam Sarawak dan kerajaan negeri bagi mengukuhkan syiar Islam kepada Umat Islam.
7.	30 Januari 2023	Kunjungan hormat daripada Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) ke atas Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bertujuan membina hubungan strategik antara IKIM dan IIM.
8.	31 Januari 2023	Kunjungan hormat delegasi IKIM ke Muzium Kesenian Islam Malaysia yang diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Muzium Kesenian Islam Malaysia turut sama Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM bagi perbincangan meneroka kerjasama yg lebih strategik antara kedua belah pihak.
<b>FEBRUARI</b>		
9.	4 Februari 2023	Kunjungan hormat Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil kepada Pengurus Yayasan Himmah Malaysia, Ustaz Mohd Gunawan Che Abd Aziz dan perbincangan meneroka kerjasama strategik antara kedua belah pihak.
10.	7 Februari 2023	Kunjungan hormat daripada Yayasan Muslimin Malaysia Berhad, Tuan Hj. Muhammat Puzi b. Ahmat Pengarah Urusan, Abdul Majed Al-Aloul dari Gazze Destek Dernegi (GDD) dan En. Muhammad Faqihus Syari, GDD (Southeast Asia Partnership) kepada Timbalan Pengerusi IKIM, YBhg. Dato' Wan Muhammad b. Dato' Sheikh Abdul Aziz bertujuan membina hubungan strategik antara IKIM bersama dua pihak.
11.	10 Februari 2023	Kunjungan hormat Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil ke Kedutaan Besar Pakistan disambut oleh Her Excellency Amna Baloch. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengeratkan silaturahim yang sedia ada terjalin dan mengukuhkan lagi kerjasama dalam pelbagai hala di samping bertukar-tukar pandangan.

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Jabatan / Agensi</b>
12.	13 Februari 2023	Kunjungan hormat Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil kepada TYT Dr. Joachim Bergstrom, Duta Sweden di Malaysia. Bertujuan kepentingan mempromosi kedamaian, toleransi dan saling menghormati apa sahaja bentuk kepercayaan bagi terus mengekalkan keamanan sejagat.
13.	14 Februari 2023	Kunjungan hormat oleh Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail yang mengetuai rombongan IKIM ke program Bengkel Projek Buku Infografik Pengurusan Harta Keluarga Islam IKIM di Shah Alam, Selangor.
14.	15 Februari 2023	Kunjungan hormat oleh Pengarah En. Zahrollail Zainal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ke IKIM disambut oleh Pengarah Pusat SYARAK IKIM, Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran bagi perbincangan berkenaan program kerjasama IKIM dan Sekretariat MABIMS untuk program Seminar bagi tahun 2023.
15.	15 Februari 2023	Kunjungan hormat daripada Kedutaan Besar Sepanyol oleh TYT H.E Jose Luis Pardo, Duta Besar Sepanyol di Malaysia dan disambut oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengeratkan silaturahim yang sedia ada terjalin dan mengukuhkan lagi kerjasama dalam pelbagai hala di samping bertukar-tukar pandangan.
16.	16 Februari 2023	Kunjungan hormat daripada Dr. Sheikh Salim Alwan al-Husayni, Pengerusi Darulftawa-Australia disambut oleh Timbalan Pengerusi IKIM, YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abdul Aziz dan Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengeratkan silaturahim yang sedia ada terjalin dan mengukuhkan lagi kerjasama dalam pelbagai hala serta bertukar-tukar pandangan.
17.	20 Februari 2023	Kunjungan hormat delegasi IKIM yg diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil Ketua Pengarah IKIM ke Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) bersama Datin Paduka Mastura Muhamad bagi membincangkan kerjasama dua hala antara kedua belah pihak.
18.	21 Februari 2023	Kunjungan hormat dan sesi perbincangan Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bersama Timbalan Ketua Setiausaha Kanan diwakili oleh Pn. Inu Baizura Mohamad Zain (Setiausaha Bahagian Kewangan) di Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri (TKSUK JPM) bagi membincangkan kerjasama dua hala antara kedua belah pihak.
19.	21 Februari 2023	Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi IKIM yang diketuai oleh Ketua Pengarah IKIM , Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil ke Jabatan Peguam Negara di Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya turut sama Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM bagi membincangkan kerjasama dua hala antara kedua belah pihak.
20.	22 Februari 2023	Kunjungan hormat Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil kepada TYT Emir Salim Yuksel, Duta Turkiye di Malaysia berlangsung dalam suasana penuh mahabbah. IKIM menyatakan rasa dukacita yang mendalam atas tragedi gempa bumi yang berlaku di beberapa wilayah/ negeri di Turkiye. Dalam pertemuan tersebut YBhg. Ketua Pengarah menyampaikan replika cek kepada TYT Duta Turkiye sebanyak RM 20,000.00 hasil daripada sumbangan orang ramai melalui Tabung Gempa Bumi yang dilaksanakan oleh IKIM dengan kerjasama Muslim Care Malaysia Society.
21.	24 Februari 2023	Kunjungan hormat daripada Angkatan Belia Islam Malaysia(ABIM) bersama ahli Lembaga Pengarah Institut Antarabangsa Pemikiran Islam(IIIT) Dr. Omar Hisham Altalib disambut oleh Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bagi membincangkan kerjasama dua hala antara kedua belah pihak.
22.	27 Februari 2023	Kunjungan hormat daripada Centre for Islamic Civilization, Uzbekistan yang merupakan rakan MOU IKIM yang diketuai oleh Mr. Firdavs Halimov, Timbalan Pengarah Centre of Islamic Civilization, Uzbekistan disambut oleh Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bertujuan bertukar pandangan dua hala antara kedua belah pihak.
23.	28 Februari 2023	Kunjungan hormat Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil kepada YBhg. Prof Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Bharuddin, Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA), UKM. Turut disertai oleh para penyelidik Kajian Plagam Harmoni Malaysia daripada IKIM iaitu Dr. Mohd Farid Mohd Shahran, Dr. Mohd Sani Badron, Pn. Enizahura Abdul Aziz dan En. Mohammad Amiruddin Kamarulzaidi.

Bil	Tarikh	Jabatan / Agensi
MAC		
24.	2 Mac 2023	Kunjungan hormat daripada Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Al-Hikmah, En. Muhammad Suhaimi ke atas Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil di Pejabat Ketua Pengarah IKIM bagi perbincangan kerjasama dua hala Persidangan Ilmuwan Islam. Cabaran Mengurus Kemiskinan di Malaysia.
25.	3 Mac 2023	Kunjungan hormat Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil ke Kedutaan Besar Republik Iran di Malaysia dan telah disambut oleh H.E. Ali Asghar Mohammadi bertujuan bertukar pandangan dua hala antara IKIM dan pihak kedutaan Republik Iran.
26.	10 Mac 2023	Kunjungan hormat delegasi Universiti Teknologi Malaysia, Johor yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Che Yaacob, Pengarah Pusat Islam, UTM telah disambut Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bagi membincangkan kerjasama dan aktiviti antara kedua-dua belah pihak.
27.	15 Mac 2023	Kunjungan hormat dari Jabatan Audit Negara dan Office of The Comptroller and Auditor General of Bangladesh (OCAG) ke IKIM. Sesi dialog bersama pihak OCAG dan IKIM diketuai oleh YBhg. Dr. Shaikh Saifudddeen Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU).
28.	15 Mac 2023	Kunjungan hormat Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil ke Majlis Gereja-Gereja Malaysia (CCM) disambut oleh The President of Council of Churches Malaysia-The very Reverend Cor Episcopa Philip Thomas di Petaling Jaya, Selangor.
29.	16 Mac 2023	Kunjungan hormat daripada Dr. Razali Othman, mantan Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen dan sekarang bersama Majlis Dakwah Negara (MDN) dan fellow Majlis Profesor Negara (MPN) disambut baik oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil. Antara yang dibincangkan adalah berkaitan pemerkasaan institusi wakaf negara menerusi platform IKIM. Tambahan pula, wakaf tersebut telah mendapat sentuhan daripada YAB Perdana Menteri menerusi Wakaf Madani RM1B.
30.	22 Mac 2023	Kunjungan hormat delegasi Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang diketuai oleh YH Datuk Ahmad Hairi b. Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif MUIP telah disambut Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bagi membincangkan kerjasama antara kedua belah pihak.
31.	22 Mac 2023	Kunjungan hormat Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil ke Nestle Manufacturing (M) Sdn Bhd yang telah disambut oleh YBhg. Dato Adnan B. Pawanteh, Pengarah Hal Ehwal Korporat Nestle bertujuan membincangkan kerjasama dan aktiviti antara kedua-dua belah pihak.
32.	27 Mac 2023	Kunjungan hormat YBhg. Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil kepada Presiden Cambodia University of Management and Technology (CUMT) H.E Dr. Hosen Mohamad Farid di CUMT bagi menjalankan kerjasama antara kedua-dua belah pihak disamping bertukar pandangan isu-isu semasa.
33.	29 Mac 2023	Kunjungan Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil ke Kemboja atas jemputan Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Kemboja, Oknha Datuk Dr Othsman Hassan membuka ruang kerjasama strategik antara agensi agama seperti IKIM dalam memperkasakan pemahaman Islam sebenar kepada masyarakat Islam Kemboja.
34.	29 Mac 2023	Kunjungan hormat daripada H.E Ahmed Temel, Attaché Agama Kedutaan Turki disambut oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil. Turut serta Fellow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) Dr. Muhammad Syafiq Borhanuddin. H.E Ahmed Temel turut dibawa melawat Koleksi Tamadun Islam di Perpustakaan Tun Ahmad Sarji.
35.	30 Mac 2023	Kunjungan hormat daripada Media Prima Audio, En. Alex Poon ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bertemu Ketua Pengarah YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil. Lawatan ini bertujuan untuk menandatangani perjanjian bagi mengintegrasikan penstriman radio IKIM ke dalam platform Audio. Kerjasama ini memberikan peluang untuk menyampaikan kandungan Islamik kepada lebih ramai orang melalui platform Audio. Integrasi siaran radio IKIM ke dalam platform ini akan memudahkan akses kepada kandungan yang disediakan oleh IKIM serta memperkenalkan IKIM kepada lebih ramai pendengar dalam talian.

Bil	Tarikh	Jabatan / Agensi
<b>APRIL</b>		
36.	3 April 2023	Kunjungan hormat Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi b. Ismail ke Free Malaysia Today (FMT) yang telah disambut oleh Tuan Azeem Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan di Pejabat FMT, Petaling Jaya, Selangor. Tujuan menjalinkan kerjasama antara kedua-kedua belah pihak.
37.	7 April 2023	Kunjungan hormat daripada Tuan Habib Muhammad Haykal Al Khaneman, Lc, Pengerusi Foundation Manba'ul Huda Nusantara Jakarta dan Dato' Ahmad Fuad Abdul Razak ke atas Timbalan Pengurus IKIM, Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz di Pejabat Pengurus IKIM, turut sama Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM bagi tujuan menjalinkan kerjasama antara kedua-kedua belah pihak.
38.	10 April 2023	Perbincangan penganjuran program secara kerjasama antara IKIM dan Penang Institute diketuai Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dan Dato' Dr. Ooi Kee Beng, Pengarah Eksekutif Penang Institute.
<b>MEI</b>		
39.	9 Mei 2023	Lawatan kehadiran YBhg. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu ke Institut Kefahaman Islam Malaysia yang dilantik sebagai Pengurus IKIM yang baharu Melaksanakan tugas pertama dengan mengadakan pertemuan dengan Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan IKIM.
40.	9 Mei 2023	Kunjungan hormat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Mesyuarat Kongres Serantau Pengurusan Harta Keluarga Islam antara IKIM dan UTHM yang bertempat di Bilik Gerakan IKIM bagi membincangkan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.
41.	17 Mei 2023	Kunjungan hormat daripada Tuan Hj. Nicholas Sylvester, Pengurus & Ketua Pegawai Eksekutif, Pertubuhan Kadazan Dusun Murut Muslim SeMalaysia (KDMRS Muslim) kepada YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM. Kunjungan ini bertujuan memperkenalkan Pertubuhan Kadazan Dusun Murut Muslim SeMalaysia (KDMRS Muslim), membina jaringan bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia dan membentang kertas kerja program Qurban Pedalaman Sabah KDMRS Muslim 2023.
42.	18 Mei 2023	IKIM bertindak sebagai tuan rumah Mesyuarat Pasca Kabinet Agensi-agensi di bawah YBM (HEA) di Dewan Besar IKIM. Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Hj Mohd Nai'm b. Hj Mokhtar.
43.	22 Mei 2023	Lawatan rasmi dan perjumpaan Tuan Azman Hashim International Business School (AHIBS) UTM ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) diketuai Prof. Dr. Fauziah Sh. Ahmad, Timbalan Dekan Akademik disambut YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Bilik VIP, IKIM. Lawatan tersebut berpeluang ke Perpustakaan Tun Ahmad Sarji untuk mengenali Koleksi Buku Nadir yang ada di IKIM ini. Taklimat disampaikan oleh En. Zafri Abdul Karim, Pustakawan IKIM.
44.	23 Mei 2023	Lawatan rasmi daripada Kedutaan Republik Azerbaijan ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) diketuai Dr. Elsevar Salmanov, Setiausaha Kedutaan Republik Azerbaijan disambut oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Pengurus IKIM dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM. Lawatan tersebut berpeluang ke Perpustakaan Tun Ahmad Sarji untuk mengenali Koleksi Buku Nadir.
45.	24 Mei 2023	Kunjungan hormat daripada Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) bersama delegasi dari Zamboanga, Filipina dengan Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa UITM Global yang diketuai oleh Dr. Zulfikar J. Abantas, Presiden Philippine Muslim Mindanao Consultative Council Inc. Disambut baik oleh YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengurus IKIM. Turut hadir Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM. Tujuan pertemuan dan lawatan ini adalah untuk memperkenalkan IKIM kepada delegasi Zamboanga serta perbincangan tentang isu minoriti Muslim di Filipina dalam konteks Asia Tenggara.
46.	26 Mei 2023	Kunjungan hormat daripada Al-Allamah As-Sheikh As-Sayyid Ibraheemul Khaleel al-Bukhari Setiausaha Agung, Kerala Muslim Jamath & Pengarah, Pengasas Akademi Madin, Kerala, India ke atas YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu berlangsung di pejabat Pengurus. Bertujuan menjalinkan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.

Bil	Tarikh	Jabatan / Agensi
<b>JUN</b>		
47.	16 Jun 2023	Kunjungan hormat delegasi IKIM yang diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bersama pegawai-pegawai Kanan IKIM ke Perpustakaan Negara Malaysia(PNM) yang telah disambut oleh Pn. Salasiah Hj. Abd Wahab, Ketua Pengarah PNM di Pejabat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertujuan bertukar pandangan dan menjalinkan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.
48.	19 Jun 2023	Kunjungan hormat daripada Humboldt University Berlin oleh Ms Exra Tiryaki ke atas Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu Pengurus Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di Pejabat Pengurus IKIM bertujuan bertukar pandangan dan bekerjasama antara kedua-dua belah pihak.
49.	19 Jun 2023	Kunjungan hormat YBhg. Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil ke atas Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, CEO Agro Bank di Menara Agro Bank. Tujuan bekerjasama antara IKIM dan Agro Bank akan terjalin dengan rapat lagi.
<b>JULAI</b>		
50.	7 Julai 2023	Kunjungan hormat daripada delegasi Kolej Antarabangsa MAWIP (UCMI) yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Wan Mohd Azizi Wan Sulaiman ke atas YBhg. Prof. Datuk Dr. Muhammad Nur Manutu, Pengurus IKIM di Pejabat Pengurus IKIM bagi perbincangan kerjasama dan menjalinkan aktiviti bersama.
51.	18 Julai 2023	Kunjungan hormat delegasi IKIM yang diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM ke Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah disambut oleh En. Hazmir Hj. Zainal, (Timbalan Ketua Pustakawan Kanan) di Perpustakaan Tun Sri Lanang, turut serta Dr. Mohd Zaidi Ismail (Timbalan Ketua Pengarah IKIM).
52.	18 Julai 2023	Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi Majlis Dakwah Negara (MDN) yang diketuai oleh Dato' Dr. Kamilia Ibrahim ke atas Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengurus IKIM di Bilik Mesyuarat Lembaga, IKIM bertujuan bertukar pandangan dan menjalinkan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.
53.	20 Julai 2023	Kunjungan hormat dari Tetamu Negara Panikkarru Pandi Muhammed Abdul Hakkim, Rektor Jamiaz Markaz, Karala, India dan delegasi ke IKIM telah disambut oleh Datuk Muhammad Nur Manutu, Pengurus IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan Dr. Mohd Farid Mohd Shahran, Pengarah Pusat SYARAK, IKIM di Bilik VIP, IKIM bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
54.	21 Julai 2023	Kunjungan hormat daripada International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC) ke atas Datuk Muhammad Nur Manutu di Pejabat Pengurus IKIM bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
55.	23 Julai 2023	Kunjungan hormat YBhg. Datuk Ab. Rahim Md. Noor, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ke atas Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil di Pejabat Ketua Pengarah IKIM bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
56.	28 Julai 2023	Kunjungan hormat daripada Shaikh Al-Sayyid Al-Shariff Abd Al-Khalil b. Hasaan, Pengurus Pusat Wakaf Al-Shariff, Istanbul , Turkiye telah disambut oleh Dr. Mohd Farid Mohd Shahran, Fellow Utama/Pengarah Pusat SYARAK, IKIM di Bilik VIP, IKIM bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
<b>OGOS</b>		
57.	3 Ogos 2023	Kunjungan hormat dan sesi perbincangan Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bersama Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM yang diketuai oleh Pengarah, Bahagian Pengurusan Halal, En. Mohamad Zamri b. Mohamed Shapik di Bilik VIP, IKIM bagi membincangkan kerjasama dua hala antara kedua-dua belah pihak.
58.	7 Ogos 2023	Kunjungan mahabbah dan sesi perbincangan delegasi IKIM yang di ketuai oleh Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil ke KDEB Waste Management Sdn. Bhd telah di sambut oleh Dato' Hj. Ramli Mohd Tahir di Menara Bank Rakyat, Shah Alam bagi menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.

Bil	Tarikh	Jabatan / Agensi
59.	8 Ogos 2023	 <p>Kunjungan hormat delegasi IKIM yang diketuai oleh Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil ke Kementerian Perpaduan Negara telah disambut oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Kementerian Perpaduan Negara, Putrajaya bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.</p>
60.	9 Ogos 2023	<p>Kunjungan mahabah Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil ke Agensi Angkasa Malaysia (MYS) telah disambut oleh Tuan Hj. Azlikamil Napiah, Ketua Pengarah (MYS) di Agensi Angkasa Malaysia (MYS) turut sama Dato' Hj. Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM dan Datuk Hj. Misnu Hj. Taha, Ahli Lembaga Pengarah IKIM bagi perbincangan kerjasama dan menjalinkan aktiviti bersama.</p>
61.	17 Ogos 2023	<p>Kunjungan hormat dan pertemuan IKIM yang diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manut, Pengerusi IKIM, Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah ke atas Perdana Menteri Malaysia , YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim di Bilik Mesyuarat, Pejabat YAB Perdana Menteri</p>
62.	18 Ogos 2023	 <p>Kunjungan hormat dan sesi perbincangan Sahibus Samahah Dr. Luqman Hj. Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan bersama Al-fadil Habib Haykal ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah disambut oleh Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM di Bilik VIP, IKIM turut serta Dr. Mohd Farid Mohd Shahran, Fellow Utama/Pengarah Pusat SYARAK, IKIM.</p>
63.	23 Ogos 2023	<p>Kunjungan hormat YB Datuk Dr. Hj. Mohd Arifin Datuk Mohd Arif, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan Tuan Ramli Awang Ali, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) serta delegasi ke IKIM pada masa sama menjadi tetamu bagi rakaman rancangan Minda Islam di studio radio IKIM telah disambut oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manut, Pengerusi IKIM dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Bilik VIP, IKIM turut sama Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM</p>
64.	24 Ogos 2023	<p>Kunjungan hormat Mantan Pengarah Yayasan Belia Malaysia, Tuan Hj. Mustaffa Kamil Ayub bersama delegasi ke IKIM bertemu Pengerusi IKIM, Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manut di Pejabat Pengerusi.</p>
65.	29 Ogos 2023	<p>Kunjungan hormat dari Ummet Vakfil, Mr. Ahmad Saeed, Marketing Director, Ummet Vakfi dan Dr. Abdrahim Shehab, Wakil Ummet Vakfil di Malaysia bertemu Pengerusi IKIM, Dato' Dr. Muhammad Nur Manut di Bilik VIP, IKIM turut sama Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM bertujuan menjalinkan hubungan dan kerjasama dua hala antara kedua-dua belah pihak.</p>
66.	30 Ogos 2023	<p>Kunjungan hormat delegasi Yayasan Darul Ma'Aref, Wilayah Satun, Selatan Thailand ke IKIM diketuai oleh Dr. Ahmad Mohamad Zaki Napalen, Pengarah Yayasan Darul Ma'Aref telah disambut oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manut, Pengerusi IKIM di Bilik VIP, IKIM turut sama Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bertujuan menjalinkan hubungan dan kerjasama dua hala antara dua belah pihak.</p>

Bil	Tarikh	Jabatan / Agensi
<b>SEPTEMBER</b>		
67.	5 September 2023	Kunjungan hormat dari Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM diketuai oleh Pn. Rohaya Omar, Pustakawan UKM bersama delegasinya ke atas YBhg. Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM di Pejabat Pengerusi, IKIM bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
68.	9 September 2023	Kunjungan hormat daripada Y.Bhg Prof. Datin Dr. Azizan bt. Baharuddin ke atas Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.
69.	11 September 2023	Kunjungan hormat daripada delegasi MAPIM yang diketuai oleh Tn. Hj. Mohd Azmi b. Abdul Hamid, Presiden MAPIM ke atas YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Pengerusi IKIM di Pejabat Pengerusi, IKIM. Turut sama Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bertujuan membincangkan kerjasama dan aktiviti antara kedua-dua belah pihak.
70.	15 September 2023	Kunjungan hormat delegasi IKIM yang diketuai oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Pengerusi IKIM ke S.Rajaratnam School of International Studies (RSiS) di Nanyang Technological University, Singapore.
71.	18 September 2023	Kunjungan hormat daripada delegasi Islamic Relief Malaysia yang diketuai oleh Tuan Mohd Shukor Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif IR Malaysia ke atas YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Pejabat Ketua Pengarah, IKIM bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
72.	18 September 2023	Kunjungan hormat daripada delegasi WADAH Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh Ustaz Muhammad Muszaki b. Mohd Ozir bersama delegasinya ke atas Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Pengerusi IKIM di Pejabat Pengerusi IKIM. Turut hadir Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
73.	20 September 2023	Kunjungan hormat Presiden Persatuan Rapat Rakyat (RAPAT) En. Mustaffa Kamil Ayub bertemu Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Pejabat Ketua Pengarah IKIM bertujuan membincangkan kerjasama dan aktiviti antara kedua-dua belah pihak.
<b>OKTOBER</b>		
74.	20 Oktober 2023	Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi IKIM yang diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM ke Perbadanan Ekonomi Islam Perak, Sdn. Bhd telah disambut oleh Tuan Amirul Hakim Abdullah, Ketua Pegawai Esekutif, Perbadanan Ekonomi Islam Perak di Angsana Mall, Ipoh. Bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
75.	25 Oktober 2023	Kunjungan hormat dan sesi perbincangan Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bersama Prof. Dr. Ebrahim Moosa serta delegasinya di Bilik VIP, IKIM turut hadir Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM bertujuan menjalinkan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
<b>NOVEMBER</b>		
76.	1 November 2023	Kunjungan hormat Prof. Dr. Halim Rene, Professor Islamic Studies Griffith University, Brisbane Australia bersama delegasinya ke IKIM telah disambut oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Pengerusi IKIM di Bilik Mesyuarat Lembaga, IKIM. Turut sama Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bertujuan membincangkan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.
77.	2 November 2023	Kunjungan hormat Tuan Hj. Nicholas Sylvester, Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif, Pertubuhan Kadazan Dusun Murut Muslim SeMalaysia (KDMRS Muslim) bersama delegasinya ke IKIM telah disambut oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Bilik VIP, IKIM bertujuan menjalinkan hubungan dan kerjasama disamping bertukar-tukar pandangan berkenaan dengan isu semasa.
78.	9 November 2023	Kunjungan hormat Dr. Dilaver dari Marmara University, Istanbul, Turki ke IKIM. Disambut dan diraikan oleh Dr.Nik Roskiman b. Abdul Samad, Pengarah Pusat Media IKIM menjalinkan hubungan dan kerjasama disamping bertukar-tukar pandangan berkenaan dengan isu semasa.

Bil	Tarikh	Jabatan / Agensi
79.	9 November 2023	Kunjungan hormat YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Pengerusi IKIM, YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan delegasi kepada YAB Dato' Sri Hj. Wan Rosdy b. Wan Ismail, Menteri Besar Pahang telah berlangsung di pejabat YAB Menteri Besar di Kuantan bertujuan menjalankan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.
<b>DISEMBER</b>		
80.	4 Disember 2023	Kunjungan hormat delegasi Pertubuhan IKRAM Malaysia yang diketuai oleh Tuan Hj. Badlisham Baharin, Presiden IKRAM ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah disambut oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil di Bilik Tamu, Pusat Media IKIM bertujuan menjalankan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
81.	5 Disember 2023	Kunjungan hormat delegasi Pengurusan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Salida Suhaila Nik Saleh telah disambut Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil di Bilik Tamu, Pusat Media IKIM bertujuan menjalankan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
82.	6 Disember 2023	Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi International Islamic Academy Uzbekistan (IIAU) yang diketuai oleh Dr. Uygur Gafurov, Rector IIAU telah disambut Pengerusi IKIM Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu di Bilik Perbincangan, Pusat Media IKIM turut hadir sama Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bertujuan menjalankan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.
83.	7 Disember 2023	Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi IKIM yang diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu ke Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah disambut Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Bilik Mesyuarat Menara MAIWP. Turut sama YBhg. Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM dan YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bertujuan menjalankan hubungan korporat dan meningkatkan kerjasama sesama agensi.
84.	22 Disember 2023	Kunjungan hormat daripada Dr. Muhamma al-Hubayl dan Datuk Dr. Luqman Hj. Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan ke atas YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di bilik VIP, IKIM bertujuan menjalankan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.
85.	29 Disember 2023	Kunjungan hormat daripada Dato' Prof. Dr. Jamil b. Osman, CEO International Institute of Islamic Thought (IIIT) dan Dr. Shaya'a Othman, Fellow Kanan Akademik (IIIT) ke atas YBhg. Prof Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Pengerusi IKIM di Bilik VIP, IKIM bertujuan menjalankan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.
<b>LAWATAN KERJA</b>		
86.	6 Mac 2023	Lawatan kerja dari Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dan Radio Teknologi Malaysia (RTM) ke IKIM. Lawatan tersebut bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut operasi dan pengurusan sumber manusia IKIM secara am dan Radio dan TV IKIM secara khususnya pada 6 Mac 2023.
87.	1 Jun 2023	Lawatan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Hj Mohd Na'im Mokhtar hari ini meluangkan masa kira-kira 45 minit melawat tapak kejadian bumbung runtuh di Dewan Besar IKIM.  Beliau disambut oleh Pengerusi IKIM, Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi Ismail dan pegawai-pegawai Kanan IKIM. Taklimat ringkas telah disampaikan oleh Ir. Zaidi b. Mohamad, Ketua UTEP berkenaan runtuhan tersebut kepada YB Menteri.

Bil	Tarikh	Jabatan / Agensi
88.	2 Jun 2023	 <p>YBhg. Datuk Awang Alik b. Jeman, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan &amp; Pembangunan) Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan lawatan ke Institut Kefahaman Islam Malaysia. Kehadiran beliau telah disambut oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan pegawai-pegawai Kanan IKIM bagi melawat tapak kejadian bumbung runtuh di Dewan Besar IKIM.</p>
<b>LAWATAN (IPTA/IPTS/NGO/PERSATUAN)</b>		
89.	10 Februari 2023	Pelajar Lincoln University College dalam jurusan Perubatan tahun 2 telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Institut Kefahaman Islam Malaysia. Antara objektifnya adalah untuk mendapatkan pandangan tentang isu dan budaya Islam di Malaysia kepada pelajar antarabangsa dan tempatan serta bagaimana mempunyai gambaran keseluruhan pengurusan penyiaran dan penerbitan penyelidikan. Lawatan sambil belajar tersebut telah diadakan di Bahagian Radio.
90.	2 Mac 2023	Pelajar Kolej Islam As-Sofa dalam jurusan Komunikasi tahun 1 telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Institut Kefahaman Islam Malaysia. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada objektif proses pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di bawah Kelab Komunikasi dan Pengucapan Awam bagi meningkatkan kemahiran komunikasi, di samping mendapatkan pendedahan tentang dunia penyiaran dengan lebih jelas. IKIM menjadi pilihan untuk diadakan lawatan kerana institut ini merupakan salah sebuah stesen radio di Malaysia yang diterbitkan khusus untuk pendengar muslim.
91.	3 Mac 2023	Persatuan Guru Agama Johor (PERSAGA) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Institut Kefahaman Islam Malaysia. Lawatan sambil belajar ini terdiri daripada pegawai dan kakitangan Pejabat Pendidikan Islam Daerah Kulai, Pengurus Persatuan Agama dan Ahli Jawatankuasa, Guru-guru Besar Sekolah Agama Daerah Kulai dan Guru-guru Daerah Kulai.
92.	11 Mei 2023	Pelajar Universiti Malaya dari Jabatan Syariah dan Pengurusan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Institut Kefahaman Islam Malaysia. Bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa/i mengenai praktis dan isu semasa dalam pengurusan institusi Islam. Antaranya meningkatkan pengetahuan mengenai pembangunan budaya korporat Islam dalam organisasi, meninjau peranan media dalam menyampaikan informasi Islamik dan menganalisa pengaruh komunikasi terhadap keberkesanan pengurusan institusi Islam.
93.	16 Mei 2023	Pelajar dari Ahli Media Kampus Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGIKK) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Institut Kefahaman Islam Malaysia. Objektif lawatan ini bertujuan adalah untuk memberi pendedahan serta pengetahuan kepada Ahli Media Kampus IPGIKK tentang cara-cara penerbitan dan penyiaran rancangan-rancangan Radio IKIM serta tvIKIM.
94.	24 Mei 2023	Lawatan dari Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim Penanda Aras Guru Insani Malaysia (GIM) Teras Kesukarelawan dan Teras Kebajikan dan Kemasyarakatan. Tujuan lawatan adalah untuk melahirkan bakal guru yang kompeten, berdaya tahan, "multitasking", inovatif dan kreatif, berintegriti, berjwa besar, prihatin, pengasih dan penyayang. Hal ini hanya boleh dicapai melalui jalinan dan jaringan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti pentadbir sekolah, ibu bapa, pemimpin masyarakat, pemimpin agama, sektor swasta dan korporat serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).
95.	31 Mei 2023	Lawatan daripada Group Ngaji Ribat Baitul Musthofa dari Seremban, ke Institut Kefahaman Islam Malaysia bagi penerangan dan perkongsian ilmu berkaitan radio.

Bil	Tarikh	Jabatan / Agensi
96.	15 Jun 2023	Lawatan rasmi daripada Universiti Nardhiwas, Thailand ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) diketuai Asst. Prof. Dr. Preecha Salaemae President Princees of Naradhiwas University disambut oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Bilik VIP. Turut hadir Dr. Abdul Razak Idris, Setiausaha Politik YBM Dato' Setia Dr. Naim Mokhtar, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, Fellow Utama/Pengarah Penyelidikan (IKIM), Assoc. Prof. Dr. Anis Pattanaprichawong Dekan Pengajian Islam dan Bahasa Arab dan Pegawai-Pegawai Kanan IKIM.
97.	21 September 2023	Lawatan ke galeri Pusat Penyelidikan Langkawi (PPLI) oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dan En. Malik Hassan, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan sesi taklimat lawatan telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Tanot Unjah, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI-UKM) sempena Kem Ekologi IKIM-Lestari-UKM di Telaga Tujuh dan Machinchang Cambrian, Geoforest Park Pusat Penyelidikan Langkawi anjuran IKIM dan Lestari UKM dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL-ALAF) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).
98.	19 Oktober 2023	Lawatan sambil belajar delegasi IKIM yang diketuai oleh En. Mohd Zafri Abdul Karim, Ketua Perpustakaan Tun Ahmad Sarji (PTAS) ke Mediatheque, FINAS di Mediatheque, FINAS, Petaling Jaya.





**BAB 7**  
**ANUGERAH DAN**  
**PENGIKTIRAFAN**

## BAB 7

# ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN

### SENARAI ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN/ LANTIKAN TAHUN 2023

1. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh dilantik sebagai Ahli Tetap Majlis Bioetika Negara (MBeN) sesi 2023/2024.
2. En. Mohammad Mustaqim Malek dilantik sebagai Ahli Ganti Majlis Bioetika Negara (MBeN) sesi 2023/2024.
3. Pn. Suzana Md. Samsudi tersenarai sebagai Most Influential Women in Islamic Business & Finance oleh Woman Academica (2002).
4. Pn. Enizahura Abd Aziz dilantik sebagai Ahli Lembaga Penubuhan Akademik Program Baharu Pusat Pengajian Teras USIM.
5. Ahli Lembaga Pengarah IKIM, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman dilantik sebagai Pengerusi Mara Corporation.
6. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh dikurniakan pingat Kesatria Mangku Negara (K.M.N).
7. YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob, Ahli Lembaga Pengarah IKIM yang menerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1445H/ 2023M.
8. Pn. Mazura @ Rozila bt. A. Rahman dikurniakan Ahli Mangku Negara (AMN).
9. Pn. Siti Shamsiah Md Supi dilantik sebagai Ahli Badan Penasihat Hospital Pusrawi.
10. Pengerusi IKIM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur b. Manutu sebagai Ahli Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (Harmoni) Sesi 2023-2024.
11. Dr. Muhamad Hisyam Mohamad dikurniakan pingat Kesatria mangku Negara (K.M.N).
12. Cik Wan Roslili bt. Majid dikurniakan pingat Ahli Mangku Negara (AMN).
13. Radio IKIM menerima Penghargaan Media dari Jabatan Bomba dan Penyelamat.
14. Radio IKIM menerima Anugerah Apresiasi Media MAIWP 2023.
15. Dr. Muhamad Hisyam Mohamad dilantik sebagai Panel Penasihat bagi Program Sarjana Ekonomi Islam Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM.
16. Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Adil dianugerahkan D.M.P.M sempena ulangtahun Yang Dipertua Pulau Pinang.
17. Dr. Shaikh Mohd Saifuddien b. Shaikh Mohd Salleh dilantik sebagai AJK Blockchain dan Kecerdasan Buatan Negara (NBAIC).
18. Datuk Misnu Hj. Taha, ALP IKIM menerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul 1445H.
19. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu dianugerahkan Tokoh Ummah sempena Ijtimak Harakiy kali ke-7 pada 9 Disember 2023.
20. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh dilantik sebagai Profesor Adjung Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
21. Anugerah Perdana Penerbit Prolifik kategori Syarikat di Bawah Agensi Kerajaan pada Majlis Anugerah Tokoh Buku Negara yang berlangsung di Tanjung Malim Perak
22. Hj. Mohd Faiz Hj. Othman, Penerbit Warna Pagi menerima Anugerah Kecemerlangan Media Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2023



**BAB 8**  
**MAKLUMAT**  
**ORGANISASI**

## BAB 8

# MAKLUMAT ORGANISASI

### WARGA KERJA IKIM TAHUN 2023

Warga kerja IKIM pada akhir tahun 2023 adalah sebanyak 155 orang yang terdiri daripada kumpulan yang berikut:

Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Pelaksana I	Kumpulan Pelaksana III	Kumpulan Pelaksana III
<b>62 orang</b> (40%)	<b>49 orang</b> (31.61%)	<b>35 orang</b> (22.58%)	<b>9 orang</b> (5.81%)

Pada tahun 2023, 10 orang pegawai/warga kerja yang telah dinaikkan pangkat dalam pelbagai gred jawatan seperti yang berikut:

Bil.	Nama	Jawatan & Gred	Tarikh Kuat Kuasa
1.	Nor Haffizah bt. Razak	Penerbit Rancangan TV Kanan B44	1 Januari 2023
2.	Hamran b. Ali	Pembantu Operasi Tinggi N16	1 Mei 2023
3.	Sapuah bt. Hj. Nawawi	Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan N54	1 November 2023
4.	Anas Anal b. Mohd Zainal	Ketua Pegawai Teknologi Maklumat F52	1 November 2023
5.	Sri Sarina Dewi bt. Suhaimin	Pegawai Tadbir Kanan N44	1 November 2023
6.	Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad	Felow Utama JUSA C	1 November 2023
7.	Zainab bt. Ismail	Ketua Penolong Pegawai Tadbir N36	1 November 2023
8.	Roziana bt. Roslan	Setiausaha Pejabat N32	1 November 2023
9.	Sayed Mohd Yusof b. Sayed Razaman	Juruteknik Komputer Kanan FT22	1 November 2023
10.	Shahrul Hafiz b. Ahmad Johdi	Pemandu Kanan H14	1 November 2023

Pada tahun 2023 juga, seramai 11 orang pegawai/warga kerja IKIM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2022. APC merupakan penghargaan kepada pegawai IKIM yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dan pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan. Senarai pegawai/warga kerja penerima APC tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama	Jawatan/ Gred	Pusat/ Bahagian/ Unit	Kategori
1.	Enizahura bt. Abd. Aziz	Felow DQ48	SYARAK	Cemerlang
2.	Latifah bt. Mohd. Rahim	Setiausaha Pejabat N29	BKP	Cemerlang
3.	Faridah bt. Mazlan	Pembantu Teknik Penyiaran JA29	Kejuruteraan	Cemerlang

Bil.	Nama	Jawatan/ Gred	Pusat/ Bahagian/ Unit	Kategori
4.	Nor Sham Sinar bt. Hj. Mohd Nisab	Pembantu Tadbir (Kewangan) Tinggi	BKEP	Cemerlang
5.	Dr. Nor Azaruddin Husni b. Hj. Nuruddin	Fellow Kanan DQ54	KIAS	Terpuji
6.	Zuhaidah bt. Tajuddin	Eksekutif Pemasaran EP29	BEP	Terpuji
7.	Ir. Zaidi b. Mohamad	Jurutera J48	UTEP	Terpuji
8.	Pn. Mastura bt. Mohd. Zain	Editor N41	Editorial	Terpuji
9.	Siti Norhayati bt. Hambali	Pembantu Teknik Penyiaran JA29	TVIKIM	Terpuji
10.	Azlee b. Abd. Aziz	Pemandu Kanan H14	UPEN	Terpuji
11.	Mohd. Zafri b. Abd. Karim	Pegawai Perpustakaan Kanan N44	PTAS	Terpuji

Pada tahun 2023 juga seramai tiga (3) orang pegawai/warga kerja IKIM telah menerima Anugerah Khidmat Setia (AKS) 15 tahun. AKS merupakan satu bentuk penghargaan pihak Institut kepada pegawai/warga kerja yang telah setia berkhidmat selama 15 tahun di IKIM. Penerima AKS pada tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama	Jawatan	Gred	Tarikh Lantikan
1.	Norhayati bt. Paradi	Penerbit Rancangan Radio Kanan	B48	2 Januari 2008
2.	Ummu Fadhilah bt. Nasri	Pembantu Tadbir	N22	4 Februari 2008
3.	Muhammad Hairey b. Noh	Pembantu Tadbir	N19	7 Julai 2008

Selain penerimaan AKS 15 tahun, pada tahun 2023 turut diperkenalkan satu anugerah baharu, iaitu Anugerah Setia Cemerlang (ASC) 25 tahun. ASC merupakan satu bentuk penghargaan pihak Institusi kepada pegawai/warga kerja IKIM yang telah setia berkhidmat dengan cemerlang selama 25 tahun. Bagi tahun 2023, ASC turut dipanjangkan kepada yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun dengan cemerlang. Seramai 4 orang pegawai/warga kerja telah menerima ASC 25 Tahun perkhidmatan bagi tahun 2023. Senarai penerima ASC pada tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama	Tarikh Lantikan	Tahun Mula Berkhidmat	Tempoh Perkhidmatan
